


Jilid II
Bil. 21

Hari Selasa
5hb Julai, 1988



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3777]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan
3861]

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu
Gelap) (Pindaan)** [Ruangan 3862]

Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Perdagangan (Pindaan) [Ruangan 3905]

UCAPAN PENANGGUHAN:

**Majlis Perunding Kebangsaan Semua Parti Politik — Penubuhan, Y.B. Tuan
Lee Lam Thye (Bukit Bintang)** [Ruangan 3930]

Kawalan Perubatan — Y.B. Dr. Eng Seng Chai (Petaling Jaya) [Ruangan 3936]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH*Penyata Rasmi Parlimen***PENGGAL YANG KEDUA****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR. LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

” Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N., (Sungai Siput).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR. LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

” Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

” Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S., (Padawan).

” Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

- Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S., (Kuala Selangor).
- ” Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- ” Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Benteng).
- ” Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N., (Hulu Langat).
- ” Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., (Pekan).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- ” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., (Pulau).
- ” Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T., (Setiu).
- ” Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., (Sri Gading).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P., (Rompin).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D.P. VIJANDRAN (Kapar).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N., (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N., (Paloh).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J., (Segamat).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P., (Alor Setar).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P., (Gerik).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P., (Batu).
- ” Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P., (Jerantut).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P., (Mentakab).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S., (Senai).
- ” Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P., (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S., (Sarikei).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJIAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K., (Hulu Terengganu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S., (Baling).
- ” Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DR. LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRs. SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- ” Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N., (Raub).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K., (Dungun).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P., (Tumpat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M.G. PANDITHAN, K.M.N., (Tajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., (Bagan Datok).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR. TING CHEW PEH (Gopeng).

Yang Berhormat TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

- ” DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- ” DR. ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- ” DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- ” TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- ” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K., (Lembah Pantai).
- ” DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., (Samarahan).
- ” DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K., (Kok Lanas).
- ” DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., (Kepala Batas).
- ” TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K., (Pengkalan Chepa).
- ” DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K., (Padang Terap).
- ” TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- ” TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K., (Kuala Langat).
- ” DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K., (Penampang).
- ” TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” TUAN CHEW KAM HOY, A.M.N., J.P., (Padang Serai).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- ” TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- ” DR. V. DAVID (Puchung).

- Yang Berhormat TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S., (Betong).
- ” DR. ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K., (Gaya).
- ” TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K., (Jerai).
- ” DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- ” TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- ” TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- ” TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K., (Sabak Bernam).
- ” TUAN HU SEPANG (Rasah).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- ” TUAN ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N., (Kemaman).
- ” TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- ” TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA @ JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- ” TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- ” DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K., (Padas).
- ” DATO’ HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P., (Tanjung Karang).
- ” TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- ” TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- ” TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N., (Pontian).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- ” DATO’ PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M., (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- ” DR. LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K., (Ampang Jaya).
- ” TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- ” PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- ” TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- ” TUAN MAIDOM BIN PANSAI @ PAUL PANSAI (Kota Belud).
- ” TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K., (Jambongan).
- ” TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K., (Maran).
- ” DATO’ HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B., (Nilam Puri).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- ” TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- ” TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR. ISMAIL (Sungai Benut).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- ” DATO’ HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N., (Kuala Kedah).
- ” TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M., (Balik Pulau).
- ” TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- ” DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M., (Alor Gajah).
- ” TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- ” TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- ” TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K., (Bacok).
- ” TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).

- Yang Berhormat DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.T.J. (Limbawang).
- ” TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- ” TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- ” DR. NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- ” TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- ” TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- ” DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- ” DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Ipoh).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- ” DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- ” TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- ” DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- ” DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- ” DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- ” Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- ” DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- ” TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- ” DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- ” TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- ” TUAN S.S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- ” TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- ” DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- ” TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- ” DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- ” TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIING SENG (Sibu).
- ” TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- ” TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- ” DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- ” PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- ” DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- ” DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- ” TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P.B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suher bin Husin

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof

Supiah binti Dewak

Ismail bin Hassan

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Hajjah Kalsom binti Ghazali

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

Zaharah binti Naim

Su Soon Chuan

Norwahidah binti Azizi

Rozita binti Abdul Samad

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

5 JULAI 1988

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 5hb Julai, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

SABAH — KESELAMATAN PANTAI

1. **Tuan Michael Asang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan ataupun langkah-langkah yang telah dan sedang diambil di dalam usaha untuk memastikan keselamatan di Sabah khususnya di sepanjang perairan Pantai Timur Sabah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan di perairan Pantai Timur Sabah adalah seperti berikut:

- (i) memperhebatkan rondaan oleh bot-bot ronda Polis Merin di kawasan yang selalu berlaku kegiatan lanun;
- (ii) meningkatkan rondaan udara di perairan Pantai Timur Sabah oleh Unit Udara Polis;
- (iii) menugaskan bot-bot jenis PZ dan PX sebagai "outer-cordon" di sempadan perairan Malaysia/Filipina manakala bot-bot jenis PA bertindak sebagai "inner-cordon";

- (iv) menempatkan Pasukan Polis Hutan di pulau-pulau yang strategik;
- (v) mengadakan operasi-operasi khas dari masa ke semasa untuk membanteras lanun;
- (vi) mengadakan rondaan berkordinasi dengan Tentera Laut Diraja Malaysia.

Selain daripada langkah di atas, Kerajaan juga membekalkan Polis Merin Sabah dengan 8 buah bot baru yang dijangka dapat digunakan pada penghujung tahun ini.

Tuan Joe Ojhi Supiring: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa kejadian-kejadian samun dan rompakan di negeri Sabah adalah mungkin disebabkan oleh punca, dengan izin, free flow orang-orang asing, terutama sekali orang-orang Filipina di negeri Sabah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegiatan jenayah yang dilakukan oleh pendatang-pendatang asing adalah terlalu kecil:

1966 — 25 kes (0.55%)

1987 — 299 kes (4.88%)

Jadi, ini menunjukkan bahawa kegiatan jenayah daripada orang asing atau pendatang asing tidaklah begitu ketara.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Peter Paul Dason tidak hadir).

BAHASA MALAYSIA —SEBUTAN BAKU

3. Tuan Muhamad bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat manakah sambutan orang ramai terhadap penggunaan Sistem Baku di dalam percakapan harian atau rasmi di seluruh negara. Apakah program-program khusus yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi menjayakan sistem tersebut. Adakah Kementerian bercadang sistem tersebut dimestikan bagi menentukan kejayaan di dalam ujian lisan di peringkat peperiksaan SPM.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini sambutan orang ramai terhadap pelaksanaan sebutan baku Bahasa Malaysia adalah berbagai-bagai. Kementerian Pendidikan baru sahaja melaksanakan program sebutan baku ini di sektor persekolahan, tetapi pelaksanaannya di sektor yang lain sama ada melalui media elektronik mahupun oleh orang ramai belum lagi dibuat secara rasmi.

Pelaksanaan program sebutan baku di sektor pendidikan sedang berjalan dengan lancar dari segi pendedahan makluman dan penyebaran, pedoman tentang cara dan kaedahnya sebagaimana yang telah dirancang. Masyarakat pengguna bahasa di sektor pendidikan iaitu pegawai pendidikan, pengajar dan pelajar telah menerima gagasan sebutan baku ini dengan baik, walaupun pada mulanya sebahagian kecil daripada mereka agak keliru tentang cara dan kaedah sebutan yang betul bagi digunakan dalam urusan rasmi atau komunikasi formal iaitu dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal yang demikian ini ialah kerana pedoman sebutan baku yang diedarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka mengandungi makluman dan kaedah yang mudah difahami dan diikuti oleh pengajar dan pelajar.

Daripada maklumat yang diperolehi melalui media cetak, media elektronik, maklum balas daripada seminar dan ceramah dan sebagainya, dapatlah dikatakan bahawa orang ramai telah memberi reaksi yang pro dan kontra tentang pelaksanaan sebutan baku. Walau bagaimanapun, dalam pemerhatian Kementerian Pendidikan, semua pandangan pro dan kontra tersebut memperlihatkan tujuan baik yang mendorong ke arah penyempurnaan sistem sebutan baku itu sendiri di samping mendorong ke arah kejayaan pelaksanaannya. Tindakan media elektronik seperti TV3 yang melaksanakan sebutan baku melalui siarannya dapat membantu sektor pendidikan khususnya dalam perkara ini.

Program yang diadakan oleh Kementerian Pendidikan bagi menjayakan sistem sebutan baku ini adalah diadakan khusus untuk menyampaikan maklumat tentang sebutan baku dan mendedahkan peraturan dan cara sebutannya yang betul kepada semua tenaga pengajar dan pelajar serta pegawai pendidikan. Di antaranya termasuklah kegiatan-kegiatan seperti berikut:

- (a) mengedarkan risalah atau buku panduan tentang pedoman dan cara sebutan baku yang betul kepada semua pegawai, penyarah dan guru;
- (b) mengadakan kursus atau ceramah tentang pedoman dan cara sebutan baku yang betul kepada pelbagai peringkat tenaga pengajar, khususnya melalui maktab pendidikan guru, melalui kursus dalam perkhidmatan dan melalui kursus intensif khas;
- (c) mengadakan siri penerangan atau pendedahan tentang pedoman dan cara sebutan baku yang betul melalui perkhidmatan sebaran pendidikan, khususnya melalui radio dan televisyen pendidikan, termasuk menerbitkan kaset untuk edaran ke semua sekolah dan sektor pendidikan.

Kementerian Pendidikan akan menetapkan supaya sebutan baku digunakan dalam semua komunikasi rasmi atau formal urusan pengajaran dan pembelajaran, termasuk dalam ujian lisan di peringkat SPM. Tetapi penggunaan sebutan baku dalam ujian lisan peringkat peperiksaan SPM hanya akan dilaksanakan apabila Kementerian Pendidikan dapat memastikan bahawa sebutan baku telah dapat diamalkan dengan sepenuhnya di kalangan pengajar dan pelajar.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau puas hati dengan penggunaan bahasa baku di Dewan Rakyat ini?

Dr. Leo Michael Toyad: Dari segi yang kita nampak, bahawa ada usaha dalam menggunakan sebutan baku dalam Dewan ini.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, di TV3 telahpun menjalankan usaha untuk sebutan bahasa baku ini, boleh dikatakan ada pro dan kontranya. Saya ingin bertanya sama ada pihak Kerajaan mengarahkan Radio dan TV Malaysia menggunakan bahasa baku supaya selaras dengan TV3 ini? Kita tidak mahu melihat TV3 mengikut sebutan baku, iaitu kalau orang luar negeri datang ke negara kita ini, seolah-olah kita ada dua negara dalam satu negeri Malaysia iaitu sebutan ini ada sebutan yang lain. Oleh itu kalau boleh diselaraskan iaitu melalui TV dan Radio Malaysia yang ada sekarang. Kalau tidak di TV 3 juga dihentikan buat sementara waktu menggunakan bahasa baku ini.

Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat itu. Seperti mana yang saya katakan tadi bahawa pelaksanaan di sektor pendidikan telah dijalankan tetapi di sektor yang lain sama ada melalui media elektronik mahupun oleh orang ramai belum dibuat secara rasmi.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut sebab-sebab kenapa Kementerian Pendidikan memutuskan untuk menggunakan bahasa baku ini yang bukan bahasa asal kepada rakyat Malaysia yang berbagai kaum ini oleh kerana sekarang rakyat Sabah, rakyat Sarawak, rakyat Kelantan, rakyat Negeri Sembilan semua sudah menggunakan Bahasa Malaysia dengan accent-accent yang lain, sekarang satu lagi, kita tidak akan menyebut "universiti", kita sebut "univasiti"; "bank-bank" — "bang-bang". Itu amat mengelirukan. Kenapa kita mahu menggantikan sistem lama dengan sistem baru ini?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kerana soalan ini telah pun dijawab oleh saya sendiri dalam Dewan ini dengan panjang lebar dalam sesi yang dahulu dan oleh kerana hari ini kita baru sampai ke soalan 3, Ahli Yang Berhormat dari Kuching bolehlah dirujuk kembali jawapan saya dari Hansard pada sesi yang dahulu.

ZON EKONOMI EKSKLUSIF (ZEE) — KAJIAN/EKSPLORASI

4. Dr. Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kerajaan menggalakkan kajian dan eksplorasi sumber kekayaan laut di dalam Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia selain daripada eksplorasi mencari telaga minyak dan gas. Sekiranya ada, apakah jenis-jenis eksplorasi yang telah dan akan dijalankan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menggalakkan para saintis di negara ini menjalankan kajian ke atas kawasan Zon Ekonomi Eksklusif yang mana kekayaannya masih belum dieksploitasikan sepenuhnya oleh negara kita.

Selain daripada program mencari telaga minyak dan gas, aktiviti-aktiviti

lain juga telah dipertingkatkan dan malah dipergiatkan lagi di bawah pelbagai program eksplorasi dan penilaian sumber-sumber hidup di laut. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dan sedang dijalankan ialah:

- (a) eksplorasi perlombongan;
- (b) kajian perikanan;
- (c) kajian strategik oceanografik;
- (d) penyelidikan sains laut;
- (e) penyelidikan bersama sains laut ASEAN;
- (f) Ekspedisi Tahunan "MATA-HARI" oleh Universiti Pertanian Malaysia di Laut China Selatan; dan
- (g) penilaian sumber-sumber hidup laut di Pantai Timur dan Barat Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada kajian-kajian ataupun penyelidikan yang dibuat untuk menentukan kekayaan sumber laut kita, termasuk perlombongan, perikanan dan sebagainya, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu jumlah, kalau dapat dikuantifikan, pendapatan yang kita dapat daripada Zon Ekonomi Eksklusif kita di seluruh negara.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kajian masih diteruskan, selain daripada eksplorasi perlombongan dan kajian perikanan, maka kita tidak dapat menentukan hasilnya sekarang. Tetapi untuk eksplorasi perlombongan, sejauh yang difahamkan dari usaha yang telah dijalankan nampaknya kawasan-kawasan perlombongan di perairan Malaysia hanya mampu dilakukan oleh syarikat-syarikat perlombongan yang besar. Namun demikian, setakat ini longgokan bijih logam yang terdapat adalah tidak ekonomik untuk diusahakan. Dari kajian eksplorasi perikanan, ini didapati bagi perikanan terdapat lebih kurang 255,100 tan ikan setahun yang boleh didapati di lingkungan 20 batu notikal di dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif

dengan ketumpuan yang lebih di kawasan dekat pantai lebih-lebih lagi di luar musim tengkujuh.

Untuk perikanan demicile stok sebanyak 166,700 tan ikan setahun dikenalpasti dan kawasan-kawasan yang berpotensi untuk perikanan di laut dalam iaitu lebih dari 20 batu notikal ialah di luar Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan di Luar Pantai Sabah dan Sarawak. Jumlah ikan yang ada agak memuaskan.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapa kajian hanya dijalankan di lingkungan 20 batu notikal dari darat, apabila negara kita mencadangkan 200 batu notikal dari darat, mengapa hanya terhad kepada 20 batu notikal sahaja?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, kajian yang telah disebutkan dalam jawapan saya tadi kesemuanya dijalankan di kawasan sekitar 16 kilometer. Sebab-sebab yang kajian tidak dapat dijalankan terkeluar dari kawasan ini ialah ia memerlukan perbelanjaan yang besar dan juga memerlukan kelengkapan yang sofistikated

PELAN INDUK PERINDUSTRIAN

5. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah ciri-ciri utama Pelan Induk Perindustrian; dan
- (b) setakat manakah objektif Pelan Induk Perindustrian ini telah dilaksanakan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Perindustrian yang dipersetujui untuk dilaksanakan oleh Kerajaan pada tahun 1986 merupakan satu pelan indikatif (indicative plan) untuk tempoh 10 tahun (1986—1995). Pada dasarnya Pelan Induk Perindustrian mengenalpasti 3

masalah utama yang menghalang pertumbuhan perindustrian di sektor pengilangan dengan lebih meluas. Masalah-masalah tersebut adalah seperti galakan yang diberi tidak mencukupi, kekurangan keupayaan teknologi yang dihasilkan dari sumber tempatan dan kekurangan tenaga pekerja terlatih terutamanya di dalam bidang kejuruteraan dan teknikal.

Pelan Induk Perindustrian juga mengenalkan 12 kumpulan industri yang meliputi 7 industri berasaskan sumber asli dan 5 yang berasaskan bukan sumber asli yang patut diberi perhatian untuk dimajukan. Kumpulan industri yang terlibat adalah seperti berikut:-

Industri Berasaskan Sumber:-

1. Industri Getah;
2. Industri Kelapa Sawit;
3. Industri Pemrosesan Makanan;
4. Industri Berasaskan Kayu;
5. Industri Kimia;
6. Industri Galian Bukan Logam; dan
7. Industri Logam Bukan Besi.

Industri Bukan Sumber:-

1. Industri Elektrik dan Peralatan Elektrik;
2. Industri Peralatan Pengangkutan;
3. Industri Besi dan Keluli;
4. Industri Mesin dan Kejuruteraan; dan
5. Industri Tekstil serta Pakaian.

Pelan Induk Perindustrian memberikan objektif-objektif dan strategi-strategi pembangunan yang luas bagi sesuatu kumpulan industri di mana sejumlah 12 jenis telah dikenalpasti di bawahnya. Ini akan memberi panduan kepada pihak swasta untuk membuat pelaburan di dalam industri yang dimajukan oleh Kerajaan dan menentukan usaha-usaha Kerajaan dapat dilakukan secara menyeluruh bagi memajukan pembangunan industri-industri tersebut.

Penekanan Pelan Induk Perindustrian diberi kepada bidang pem-

buatan memandangkan ianya memberikan faedah yang sangat luas sama ada melalui terus atau sampingan di dalam konteks pembangunan negara amnya.

Pelan Induk Perindustrian yang telah digubal itu mempunyai ciri-ciri berikut:-

- (i) Menjadikan sektor pembuatan sebagai jentera pertumbuhan utama untuk pembangunan negara;
- (ii) Menggalakkan pertumbuhan industri-industri yang berasaskan sumber asli, secara maksima dan efisien bagi mencapai tahap nilai tambahan (value-added) yang lebih tinggi serta memajukan pertumbuhan industri-industri berkenaan;
- (iii) Mewujudkan keupayaan teknologi tempatan sebagai pendorong untuk meningkatkan produktiviti dan menjadikan hasil barangan-barangan keluaran tempatan lebih kompetitif dan berkeupayaan untuk bersaing di peringkat antara-bangsa; dan
- (iv) Menggalakkan penglibatan maksima dari sektor swasta tempatan dan juga pelabur luar di dalam pertumbuhan perindustrian negara bagi menandingi negara-negara perindustrian yang baru menjelang tahun 1995.

Di dalam melaksanakan perakuan-perakuan serta objektif Pelan Induk Perindustrian, pihak Kerajaan telah menggubal perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar, program, sistem, prosedur dan institusi. Setakat ini hasil utama dari Pelan Induk Perindustrian ini adalah berupa penggubalan sistem galakan cukai pelaburan baru iaitu Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang telahpun dikuatkuasakan.

Selain dari itu, beberapa kajian pelaksanaan sedang dijalankan. Di antaranya adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pengeksport utama tayar di dunia, menyusun semula industri penapis minyak kelapa sawit tempatan, meningkatkan eksport keluaran-keluaran koko, buah-buahan dan sayur-sayuran serta penubuhan "furniture complex" dan "furniture export consortium". Kajian-kajian ini adalah sebagai langkah untuk meningkatkan peluang eksport, terutamanya industri yang berasaskan sumber asli tempatan.

Usaha-usaha sedang dilakukan untuk meninjau dan memperakukan langkah-langkah yang sesuai untuk mengurangkan penggantungan kepada eksport "semi-conductor" dan menentukan rangkaian yang lebih berkesan melalui penglibatan pengusaha-pengusaha tempatan di dalam sektor elektronik dan elektrik, juga langkah-langkah mengkaji semula dasar import kenderaan, mengkaji dan membuat penyesuaian bagi industri besi dan keluli serta meningkatkan peluang bagi memajukan industri "foundry", "mould and dye" dan "fabrication" demi untuk menyokong kemajuan perindustrian keseluruhannya. Usaha juga sedang dilakukan untuk menggalakkan pengeksportan tekstil dan pakaian termasuk keluaran batik tempatan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik hati dengan jawapan Yang Berhormat Puan Menteri tadi yang saya rasa sama dengan soalan yang telahpun ditimbulkan pada tahun lepas. Cuma dalam jawapan tadi tidak disebut faktor utama dalam perindustrian ini iaitu pekerja.

Jadi, saya ingin bertanya apakah tindakan yang boleh dan harus diambil kalau sekiranya dalam usaha-usaha kita yang positif tadi mendapat tindakan yang negatif daripada pekerja-pekerja,

terutamanya daripada Kesatuan-kesatuan Sekerja yang mungkin mengambil tindakan secara negatif sama ada melalui dalam ataupun luar negeri yang saya rasa tidak dimasukkan dalam Pelan Induk Perindustrian yang berkenaan.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, segala hasrat pelan Induk Perindustrian itu nescaya bergantung salah satu daripadanya kepada reaksi positif seluruh tenaga pekerja kita dengan memberi sumbangan yang berdisiplin dan berdaya produktiviti tinggi. Tetapi saya tidaklah pula bersetuju dengan Yang Berhormat bila mengatakan adanya reaksi negatif (negative reaction) dari para pekerja. Sebenarnya, para pekerja kita beraksi positif kepada dasar Kerajaan. Yang beraksi negatif ini adalah segelintir pemimpin-pemimpin yang memanggil diri mereka "Pemimpin Kesatuan Sekerja" dan "Pemimpin Pekerja." Inilah yang menyusahkan kita.

Tuan Shahidan bin Kassim: Boleh minta penjelasan?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat sendiri pun dan Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan ini tentu faham bahawa akhir-akhir ini telah ada orang-orang yang telah menggunakan forum-foram melalui Kesatuan Sekerja untuk menyuarakan suara dan membuat cadangan-cadangan yang memberi kesan negatif kepada pencapaian Pelan Induk Perindustrian.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya pun mengucapkan terima kasihlah atas penjelasan yang panjang lebar dari Yang Berhormat Menteri. Tetapi yang saya nampak ianya umum. Tetapi yang saya ingin persoalkan ialah apakah dari segi matlamat mencapai Dasar Ekonomi Baru ianya telah disesuaikan dan telah dijuruskan ke arah itu.

Yang keduanya, apakah dari segi menilai kejayaan yang akan dicapai pihak Kementerian bersedia dan telah menentukan kriteria-kriteria ke arah menilai matlamat-matlamat yang di-tuju.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Sememangnya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian memang ada pertimbangan-pertimbangan untuk mencapai bersama dengan Matlamat Dasar Ekonomi Baru. Saya sengaja tidak memberikan detail-detailnya kerana maklumlah Yang Berhormat ini telahpun membaca semua dasar-dasar Pelan Induk Perindustrian kita itu.

Tetapi ingin saya menyatakan bahawa memang ada tempatnya bahkan di dalam pelaksanaan sektor-sektor tertentu memang diambil kira objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru dalam semua peringkat. Dari segi menilai sama ada kita telah mencapai objektif Pelan Induk Perindustrian telahpun ditubuhkan bagi kedua belas kumpulan industri itu. Dua belas pasukan petugas atau dengan izin, task forces dan di mana tiap-tiap satu membuat penilaian secara berterusan akan prestasi sama ada pengeluaran, pemodenan ataupun pengeksporan keluaran-keluaran perindustrian yang disebutkan tadi. Dan mengikut penilaian, ada didapati setengah pendapat industri ini telah mencapai kejayaan seperti yang diharapkan oleh Pelan Induk Perindustrian. Contohnya, tekstil dan pakaian telah mencapai satu tahap pencapaian yang begitu cemerlang sehingga eksportnya melebihi pasaran Pelan Induk Perindustrian itu sendiri bagi tahun 1987.

Tetapi ada industri-industri lain yang mengikut penilaian pasukan petugas belum lagi sampai ke tahap itu dan ada rekomendasi-rekomendasi ataupun syor-syor daripada pasukan petugas ini kepada Kerajaan untuk dibuat ubah-suaian di dalam struktur industri, ubahsuaian di dalam cara industri itu

bergerak dan juga lain-lain cadangan yang boleh membantu industri ini berjalan dengan lebih berkesan.

KAPAL SELAM TLDM — PEMBELIAN

6. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan pembelian kapal selam seperti yang dicadangkan itu. Apakah jenis kapal selam yang dianggap sesuai dan yang akan dibeli dan berapakah kos sebuah kapal selam itu.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddin Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang ber-setuju pada dasarnya di atas rancangan Tentera Laut Diraja Malaysia untuk dilengkapi kapal selam sebagai langkah untuk mempertingkatkan keupayaan pertahanan laut kita dalam menghadapi ancaman pencerobohan dari mana-mana pihak.

Kerajaan masih lagi sedang menimbang jenis kapal selam yang akan dibeli itu dengan berdasarkan kepada penyesuaian digunakan di kawasan operasi, harga kapal, kemampuan dan lain-lain lagi yang boleh memenuhi segala keperluan operasi.

Harga dan jenis kapal selam yang akan dibeli tidak dapat dimaklumkan kepada Dewan setakat ini kerana ianya masih lagi dalam pertimbangan dan kajian Kerajaan sebelum pelaksanaannya dapat dibuat.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Saya hendak bertanya adakah benar bahawa Angkatan Tentera Laut Diraja Malaysia telah memilih tiga jenis kapal selam yang telah dibaikpulih (refurbished) bagi melatih anggota-anggota Tentera Laut Malaysia dan memperkuat tentera laut kita. Jika ini benar, negara manakah yang telah dipilih?

Saya juga ingin mendapat tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian yang berkenaan bagi tujuan memastikan bahawa kapal-kapal selam yang dibeli ini akan memenuhi syarat-syarat ketat yang dikenakan oleh Angkatan Tentera Laut dan Pasukan Tentera Laut kita akan diberikan latihan oleh negara penjual itu.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya kita masih lagi ada pemikiran terbuka, tidak ada kita membuatkan satu "shortlisting" mengenai mana-mana negara atau mana-mana kapal selam yang kita hendak beli. Maka tidaklah betul mengatakan kita telahpun mengadakan "shortlisting" di atas beberapa kapal selam ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita hendak membeli sesuatu kelengkapan, baik kapal selam ataupun kelengkapan-kelengkapan yang lain, perlulah kita menimbangkan banyak pertimbangan ataupun isu-isu untuk kebaikan kita dan sesuai dengan negara kita. Ini termasuklah latihan-latihan, serta juga harga dan jenis kelengkapan yang sangat sesuai kepada sebuah negara seperti negara kita Malaysia ini. Saya rasa itulah pertanyaannya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Lazimnya apabila Kerajaan kita membeli alat-alat kelengkapan tentera, walaupun jaminan telah diberi dibuat mengikut penilaian dan keperluan, tetapi lazimnya kita membeli alat-alat tentera yang sudah terpakai sehinggalah kadang-kadang Kerajaan terpaksa membelanja banyak wang ringgit untuk membeli alat ganti. Jadi, adakah keputusan dasar Kerajaan untuk membeli kapal selam ini akan dibeli kapal selam yang betul-betul berfungsi dan efektif bukan sahaja untuk latihan tetapi juga untuk pertahanan negara kerana saya bimbang kalau dibeli kapal selam hanya sekadar untuk makan angin sahaja.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, bukanlah betul kita selalunya membeli kelengkapan-kelengkapan yang telahpun dipakai ataupun "secondhand", dengan izin. Saya suka mengatakan bahawa dunia sekarang ini dunia "sophisticated", dengan izin.

Jikalau kita hendak belikan kelengkapan yang begitu sophisticated, mungkin saya rasa barangkali kita boleh beli barang itu tetapi hendak bawa itu susah dan tak erti. Jadi, baiklah rasa saya kita graduate sedikit demi sedikit untuk kebaikan kita. Saya rasa dengan barang-barang atau kelengkapan-kelengkapan ini kerana sebab saya sebutkan tadi, ada yang perlu kita melihatkan kepada "secondhand" dan sebagainya.

PIALA THOMAS — GELAGAT PEMAIN KEBANGSAAN

7. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Belia dan Sukan menerangkan sama ada beliau puas hati dan bersetuju dengan gelagat dan kerenah seorang pemain kebangsaan kita dalam lapangan badminton dan mewakili negara dilihat dari segi disiplin, semangat dan sebagai contoh dan tauladan kepada ahli-ahli sukan yang lain dan seterusnya generasi muda negara. Jika dilihat dari segi perlakuannya pemain ini lebih merupakan seorang pelakun daripada seorang ahli sukan bertaraf antarabangsa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, meskipun Ahli Yang Berhormat tidak menamakan siapakah pemain yang dimaksudkan, tetapi saya yakin beliau merujuk kepada pemain yang kita semua kenal. Pemain ini telah menunjukkan mutu pencapaian yang boleh dibanggakan beberapa tahun yang lalu dan merupakan pemain utama negara sehingga sekarang. Meskipun pemain berkenaan mempunyai cara-cara beliau

yang tersendiri tetapi dalam pertandingan separuh akhir menentang Pasukan Indonesia di pertandingan Piala Thomas yang lepas, semangat yang ditunjukkan oleh beliau telah mendorong pemain-pemain yang lain untuk bermain bersungguh dan seterusnya masuk ke pertandingan akhir.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyoal Yang Berhormat ini kerana saya adalah salah seorang dari peminat pemain ini, bukanlah saya yang menggalakkan beliau itu pakai rambut panjang di belakang. Adakah pihak Kementerian membuat satu rancangan untuk mengubah fikiran rakyat terhadap pemain yang kadangkala apabila mencapai kejayaan disanjung tinggi tetapi tiba-tiba tidak berjaya dimaki, misal kata, kerana sebagaimana yang kita sedia maklum pemain ini telah menjadi "national champion" di antara yang paling lama 10 tahun lebih. Jadi, apakah pihak Kementerian mempunyai rancangan ataupun cara-cara bagaimana memesongkan fikiran rakyat supaya lebih positif ke arah yang telah berjaya seumpama ini, dengan izin, "rather than condemn" seseorang jaguh sebagaimana yang kita sebutkan.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sememangnya mengharapkan kepada seluruh rakyat dalam negara kita ini memberi penghargaan yang tinggi kepada pemain-pemain yang boleh mengangkat nama negara di mata dunia di bidang kesukanan ini. Kementerian tidak juga menggalakkan rakyat supaya membuat "condemn", dengan izin, kepada pemain-pemain yang tidak berjaya, kerana kegagalan mereka adalah kegagalan kita semua dan kita semualah harus memupuk semangat pemain-pemain itu dan semangat rakyat negara kita ini supaya cintai sukan untuk negara.

JALANRAYA KERLING-FRASER'S HILL/ULU YAM-GENTING HIGHLANDS/ ULU YAM-GOMBAK

8. Tuan S.S. Subramaniam minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah telah terjadi dengan projek Jalan Kerling ke Fraser's Hill, Ulu Yam ke Genting Highlands dan Ulu Yam ke Gombak; bukannya projek-projek tersebut lebih penting jika dibandingkan dengan projek Genting Highlands ke Fraser's Hill dan sebab apakah pihak Kementerian memberi lebih kepentingan kepada projek ini jika dibandingkan dengan jalan-jalan yang saya telah disebut dahulu.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, projek-projek Jalanraya Kerling ke Bukit Fraser, Ulu Yam Baharu ke Genting Highlands dan Ulu Yam ke Gombak adalah projek-projek yang dirancang oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan. Saya telah difahamkan bahawa projek-projek tersebut akan diteruskan pembinaannya oleh Kerajaan Negeri apabila keadaan kewangan mengizinkan.

Walau bagaimanapun, projek jalanraya dari Genting Highlands ke Bukit Fraser adalah dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan. Projek ini pada masa sekarang masih di dalam peringkat perancangan. Di dalam pelaksanaan projek ini, Kerajaan telah bercadang untuk menggunakan teknik termoden di dalam perancangannya iaitu sistem "Air-Borne Laser Terrain Profiling", dengan izin, yang bukan sahaja dapat memudahkan kerja-kerja perancangan jalanraya, tetapi juga kajian lain-lain sumber ekonomi di kawasan yang dicadang untuk dimajukan.

Mengenai persoalan Ahli Yang Berhormat projek mana yang lebih penting, saya rasa perkara ini tidak perlu timbul kerana semua projek-projek tersebut adalah penting dan oleh kerana itu

Kerajaan telah mengambil daya usaha untuk melaksanakannya sama ada melalui Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan sendiri.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah berkaitan dengan jalanraya dari Genting Highland ke Bukit Fraser. Berapakah jumlahnya harga pembinaan jalanraya ini, kalau saya tidak silap lebih dari \$500 juta.

Soalan kedua saya, adakah feasibility study telah dijalankan oleh Kementerian berkenaan ke atas pembinaan jalanraya ini. Apakah kadar pulangan ekonomi yang dapat kita nikmati daripada pembinaan jalanraya ini. Apakah faedah dapat kita nikmati dengan membina jalanraya ini, rasional dan asas-asas untuk membina jalanraya ini.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan pertama daripada Yang Berhormat dari Bandar Kuching, anggaran belanja untuk menjalankan projek ini ialah lebih kurang \$600 juta.

Kedua, mengapakah Kerajaan suka menjalankan projek ini, ini ialah untuk menarik lebih pelancong kepada negara kita. Dengan kemudahan-kemudahan yang sedia ada tidak payahlah kita bermimpi untuk mendapatkan 3, 4 atau 5 juta pelancong ke negara ini. Negara ini bukanlah menjalankan atau merancang projek untuk mengadakan satu kemudahan yang mana Menteri sendiri atau Kerajaan boleh berpuas hati. Ia juga akan memberikan kemudahan-kemudahan yang lebih luas kepada orang yang datang dari luar negeri. Kemudahan-kemudahan yang kita rancang sekarang seperti jalan ini dan jalan lebuh raya Utara-Selatan boleh juga menarik lebih ramai pelancong dari Singapura.

Banyak di antara pelancong dari Singapura suka berjalan ke Hill Resort yang kita sedia ada, pertama, Genting

Highland; kedua, Fraser's Hill; ketiga, Cameron Highlands. Pada masa sekarang saya sendiri menyaksikan tidak ramai orang, walaupun kita ada tempat, kita ada kemudahan, dengan kemudahan-kemudahan yang kita beri kepada mereka, mereka tidak mengikuti jalan yang sedia ada sekarang. Oleh kerana itu kita mesti mengadakan satu jalan yang mana pelancong ini boleh meneruskan perjalanan mereka daripada Singapura ke Cameron Highlands dalam tempoh 6½ jam atau 7 jam, dengan tidak payah menaiki keretapi atau kapal terbang atau membayar lebih tambang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan yang satu lagi. Feasibility study atas kerja ini sudah dijalankan. Selepas itu kita dapat merancang untuk mengadakan projek ini. Pada masa ini Kementerian Kewangan sedang di dalam proses memanggil tawaran untuk mengadakan Jurutera Perunding yang boleh menjalankan 'air-borne survey'. Jadi, satu survey yang mana kita sudah menetapkan di dalam mesyuarat Jemaah Menteri, kita mesti menjalankan semua kerja-kerja ukur dalam projek ini melalui 'air-borne survey' yang mana kita tidak mahu menjalankan projek ini seperti pada pengalaman kita yang lalu dalam pembinaan projek lebuh raya Timur — Barat. Kita sudah mendapat pengajaran daripadanya, kita tidak mahu buat kesalahan yang kedua lagi.

Tuan Hu Sepang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dari jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya tadi, saya berasa terkejut sebab nampaknya beliau menggalakkan pelancong mengunjungi Hill Resort seperti Genting Highlands dengan pembinaan jalan yang baik, jalan yang baru. Jadi, soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah beliau sedar, maka beliau juga menggalakkan pelancong-pelancong dan juga rakyat Malaysia mengunjungi Genting Highlands berjudi dan langkah ini adalah bertentangan

dengan nilai-nilai Islam. (*Ketawa*) Sebab sebahagian yang seperti saya tahu, pelancong yang mengunjungi Genting Highlands semua mengalami nasib akhirnya yang sama, iaitu mereka kalah dan Genting Highlands yang menang.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu macam mana pengalaman Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan main judi dan lain-lain. Walau bagaimanapun, kita tidak melarang orang Islam bermain judi. Kita tidak melarang mereka.

Kedua, bukanlah untuk permainan judi sahaja kita akan mengadakan satu jalan baru, kita akan memperkenalkan kepada pelancong-pelancong Genting Highland, Fraser's Hill dan lain-lain. Inilah tempat-tempat yang kita ada yang paling cantik, lebih cantik daripada tempat-tempat di luar negeri. Saya percaya pada masa akan datang ketiga-tiga kawasan ini boleh jadi mini Switzerland.

PENANAMAN BUAH LIMAU

9. Dr. Eng Seng Chai minta Menteri Pertanian menyatakan adakah cadangan Kementerianya meningkatkan usaha-usaha menanam buah "orange, apples, Mandarin oranges" di dalam negara ini memandangkan lebih daripada 80% nilai import buah-buahan negara kita terdiri daripada buah-buahan tersebut.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, untuk memudahkan saya menjawab soalan ini, saya ingin tahu dari Ahli Yang Berhormat yang bertanya dari manakah beliau mendapat perangkaan yang menyatakan 80% dari import buah-buahan terdiri dari orange, epal dan mandarine orange.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat tidak payah. Yang Berhormat tidak boleh menyoal.

Dr. Eng Seng Chai: Itu bukan jawapan Tuan Yang di-Pertua, fasal ini dalam satu statistik perangkaan Jabatan Perangkaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat duduk dahulu, nanti dahulu.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Inilah yang saya hendak dengar bahawa Ahli Yang Berhormat sedang bercakap bohong.

Dr. Eng Seng Chai: Tarik balik. Ini diterbitkan dalam suratkhbar **The Star**.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Bukanlah Jabatan Perangkaan.

Dr. Eng Seng Chai: Dia ada beri source, sumber-sumbernya.....

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Kalau suratkhbar, okay, tetapi Jabatan Perangkaan, salah.

Seorang Ahli: Jawab sahajalah.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Soalan Yang Berhormat mengandungi fakta yang salah. Bagi tahun 1986 import buah-buahan secara keseluruhan ialah 95,034 tan metrik dengan nilai \$182.3 juta. Itu dia perangkaannya dan bukan dari **The Star**. Dari jumlah ini 39% terdiri dari limau mandarin dan bukan mandarin dan 20% terdiri dari epal. Ini bererti jumlahnya 59% dan bukan 80% sebagaimana soalan Ahli Yang Berhormat.

Kita memang berusaha menanam segala jenis buah-buahan untuk kepentingan peladang dan negara. Untuk kepentingan negara segala jenis tanaman untuk mengganti import, jika dipandang sekali imbas kelihatan sebagai usaha menyelamatkan pertukaran wang asing. Kita hendaklah peka terhadap reaksi negara-negara asing bukan kita sahaja yang mengimport, mereka juga import barang-

barang kita. Nampaknya Yang Berhormat tidak suka kita import mandarin orange dari negara China. Yang Berhormat perlu ingat negara China juga import getah dan minyak kelapa sawit dari kita. Kita import buah-buahan dari India, tetapi India juga membeli lebih \$1 bilion minyak kelapa sawit dari kita.

Yang Berhormat hendaklah tidak meniru contoh buruk rakan-rakan Yang Berhormat yang membuat cadangan kepada negara-negara asing yang merugikan pekerja, rakyat dan negara sendiri.

Dr. Eng Seng Chai: Sangkaan jahat, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Cadangan Yang Berhormat supaya kita tanam epal....

Dr. Eng Seng Chai: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Nanti dahulu Yang Berhormat.

Dr. Eng Seng Chai: Sangkaan jahat. Dia kata saya kelirukan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat. Duduk!

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Cadangan Yang Berhormat supaya kita tanam epal hendak diteliti secara mendalam. Jika kita tanam epal di tanah yang tidak sesuai, epalnya tidak sedap dan kecil. Yang Berhormat menganiayai pengguna-pengguna jika ditanam secara demikian. Jika diadakan green house untuk tanam epal, epal Yang Berhormat akan jadi terlalu mahal jika dibandingkan dengan epal import. Yang Berhormat hendaklah mencontohi pemimpin-pemimpin dan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang selalu memikirkan kepentingan pengguna dan rakyat negara ini.

Yang Berhormat tidak semestinya jadi seperti orang Eskimo, jika ada yang ingin menanam kelapa sawit di Greenland. Kajian dibuat terus untuk menanam segala jenis pokok buah-buahan di tanah rendah atau di tanah tinggi untuk buah-buahan seperti epal. Yang penting ialah kita meningkatkan dan memperhebatkan menanam buah-buahan yang sesuai untuk negara kita yang sedap dimakan dan mempunyai nilai eksport. Belimbing, manggis, pisang emas, betik dan lain-lain perlulah ditanam untuk pasaran tempatan dan eksport. Terima kasih.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya Yang Berhormat Menteri Pertanian begitu hebat dalam jawapannya dan saya ingin hendak tanya Yang Berhormat Menteri Pertanian adakah beliau bersetuju dengan saya, dalam jawapan yang diberi tadi beliau nampaknya tidak bersetuju dengan cara memakan buah-buahan yang diimport dari negara asing seperti orange, apple dan lain-lainnya. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan dalam soalan tambahan saya ini iaitu kita sebagai rakyat Malaysia tiap-tiap hari makan nenas, pisang, durian, rambutan dan minum air kelapa seperti dicadangkan oleh Yang Berhormat itu? Bersetuju atau tidak?

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas penghormatan yang diberi oleh Yang Berhormat dari parti Pembangkang tetapi saya jarang sekali bersetuju dengan Pembangkang. *(Ketawa)*

AHLI INTERNATIONAL COCOA ORGANIZATION (ICCO)

10. Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Kerajaan selesai menimbang untung/rugi apabila menjadi ahli International Cocoa Organization (ICCO). Adakah keputusan yang telah dibuat. Memandangkan bahawa ICCO

hanya dapat mengawal 65% dari pasaran koko dunia, apakah lebih baik Malaysia menanggung dulu daripada menjadi ahli.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu telahpun saya jawab ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Aru pada 27.6.1988.

PEMINDAHAN BUAH PINGGANG DI HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR

11. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan kes pemindahan buah pinggang daripada pesakit-pesakit buah pinggang yang dijalankan oleh Hospital Besar sejak program pemindahan buah pinggang mula dilancarkan dan adakah semua pemindahan berjaya; dan
- (b) memandangkan bilangan pesakit buah pinggang (renal failure) semakin bertambah setiap tahun dan memandangkan kekurangan rawatan haemodialysis di Hospital Besar, adakah pihak berkuasa Kesihatan menggalakkan pemindahan "cadaveric" menerusi pengenalan Akta Pemindahan Organ Manusia yang membenarkan pihak berkuasa mengambil buah pinggang daripada orang-orang yang meninggal dunia dalam kemalangan untuk dipindahkan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kes-kes pemindahan buah pinggang yang dijalankan di Jabatan Urologi Hospital Besar Kuala

Lumpur dari tahun 1975 hingga 21.6.1988 ialah sebanyak 306. Seperti pembedahan-pembedahan lain, pembedahan pemindahan buah pinggang mempunyai risiko semasa pembedahan dan selepas pembedahan. Kadar kejayaan pembedahan dari segi, dengan izin, "patient survival rate" selepas pembedahan, bagi tahun pertama ialah 94% dan bagi tahun kedua sebanyak 91%.

- (b) Pendermaan buah pinggang dan lain-lain organ adalah dibenarkan di bawah undang-undang Malaysia. Akta Tisu Manusia 1974 yang sedia ada membenarkan organ manusia, seperti buah pinggang, dikeluarkan dari badan si mati dengan syarat si mati telah memberi kebenaran semasa hayatnya ataupun persetujuan telah diperolehi dari suami ataupun isteri ataupun waris si mati. Sebenarnya, dalam 10 tahun yang lalu sebanyak 5 pemindahan buah pinggang telah dibuat dengan menggunakan buah pinggang orang yang telah meninggal dunia.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, terlebih dahulu saya minta maaf kalau soalan ini tidak begitu sesuai. Saya ada dengar — benar atau tidak benar, tidak tahulah — bahawa ada buah pinggang-buah pinggang boleh dibeli daripada luar negeri daripada orang-orang miskin, mereka sanggup jual buah pinggang mereka dan adakah di antaranya di negara kita Malaysia ini pernah berlaku orang membeli buah pinggang? Itu satu.

Yang kedua, dalam segi mengambil buah pinggang orang-orang yang telah mati, adakah pernah berlaku di negara kita ini orang-orang Islam yang telah

berwasiat buah pinggang mereka diberi kepada orang? Sekiranya ada, adakah pernah pihak Kementerian bertanya dari segi hukum-hukum dalam Islam, boleh atau tidak memberi atau menderma buah pinggang seseorang mati kepada orang-orang lain? Terima kasih.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama, saya pun ada pernah dengar bahawa di beberapa negeri di luar Malaysia, boleh dibeli buah pinggang dari orang-orang yang sanggup menjualnya, miskin atau tidak, saya tidak tahu. Tetapi di Malaysia ini tidak dijalankan pemindahan buah pinggang dengan buah pinggang yang dibeli seperti itu, lebih-lebih lagi pemindahan tidak berlaku dengan buah pinggang daripada orang yang bukan saudara darah kepada pesakit yang menerima buah pinggang, iaitu dengan izin, "unrelated kidney".

Pihak perubatan, (medical circles) menganggap pembelian buah pinggang seperti itu sebagai "unethical" dan saya juga diberitahu bahawa kadar survival buah pinggang yang dibeli itu tidak begitu tinggi.

Kedua, saya tidak dapat kesan 5 pemindahan buah pinggang yang saya sebut itu dari orang Islam ataupun tidak, saya boleh bertanyakan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa rawatan haemodialysis di hospital-hospital di negara kita sangat berkurangan, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kerajaan bercadang menambah kemudahan-kemudahan rawatan haemodialysis memandangkan kepada bertambahnya bilangan pesakit buah pinggang?

Yang kedua ialah saya juga ingin mendapat tahu apakah sambutan kepada kempen-kempen pemindahan buah pinggang ini daripada orang ramai yang buat masa ini ada dijalankan oleh Jabatan Urologi di Hospital Besar Kuala Lumpur?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan haemodialysis yang sedang diberi oleh hospital-hospital Kerajaan di beberapa pusat adalah satu yang luas, bukan yang kecil. Pada masa ini saya rasa ada 200 atau lebih pesakit yang dikendalikan melalui haemodialysis di pusat-pusat di Kuala Lumpur dan luar Kuala Lumpur.

Hendak mewujudkan perkhidmatan dialysis ini adalah satu perkara yang mahal bukan sahaja dari segi perbelanjaan capital tetapi juga dari segi penyelenggaraan pesakit-pesakit dengan jentera-jentera haemodialysis ini yang dianggarkan lebih kurang \$1,200 setiap bulan untuk seorang pesakit dikendalikan melalui haemodialysis. Jadi, ini satu perkara yang memakan belanja yang besar. Tetapi kita di Kementerian sedang berusaha seboleh-bolehnya untuk mewujudkan rawatan haemodialysis yang memuaskan dan kita akan dari semasa ke semasa menambah kepada kemudahan yang terdapat pada masa ini.

Tetapi yang lebih penting daripada itu adalah kempen untuk saudara-mara kepada mereka yang mempunyai penyakit buah pinggang sanggup menderma kidney atau buah pinggang mereka untuk membolehkan saudara mereka sendiri hidup dengan lebih selesa. Tidak ada seruan, permintaan atau kempen sebagai satu yang umum daripada National Kidney Foundation ataupun daripada Jabatan Urologi di Hospital Besar untuk orang ramai mendermakan buah pinggang. Tidak ada kempen yang terbuka seperti itu. Hanya digalakkan, diseru dan didesak kepada saudara-mara kepada pesakit buah pinggang untuk tampil ke hadapan mendermakan buah pinggang bagi menyelamatkan saudara-mara mereka. Jika ada ramai saudara-mara yang sanggup menderma buah pinggang, saya rasa perkhidmatan haemodialysis tidak begitu diperlukan dan kita tidak menghadapi desakan yang begitu besar.

**CETAKAN AL-QURAN DARI
LAHORE — PENYEMAKAN**

12. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) apakah tindakan Kerajaan kepada Majid Taj. Co. Limited Lahore yang telah membuat terlalu banyak kesilapan dalam cetakan Quran yang dijual di negara ini;
- (ii) bagaimanakah Kerajaan dapat mengesan dengan cepat dan seterusnya memastikan Quran yang banyak kesalahan itu tidak dijual;
- (iii) apakah langkah Kerajaan bagi menentukan Lembaga Lajnah Tasheh, yang menyemak Quran ini dapat menjalankan tugasnya lebih cepat dan berkesan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Tuan Yang di-Pertua,

- (i) tindakan yang telah diambil ke atas Syarikat Majid, Taj. Co. Limited, Lahore, adalah seperti berikut:-
 - (a) tidak dibenarkan Quran dibawa masuk ke negara ini.
 - (b) melupuskannya yang sudah ada di negara ini.
 - (c) tidak dibenarkan dijual.
- (ii) Kerajaan telah melantik sebuah Jawatankuasa seramai 15 orang terdiri dari hafiz-hafiz dan pakar dari bidang Al-Quran yang diberi nama 'LAJNAH TASHEH' bertugas menyemak dan meneliti bagi mengesan semula jenis Al-Quran yang ada di negara ini daripada kesalahan. Hasil pe-

nyemakan Lajnah Tasheh itu dikemukakan pula kepada Urusetia Lembaga Pengawalan Pelesenan dan Pencetakan Teks Al-Quran, Kementerian Dalam Negeri untuk tindakan selanjutnya.

- (iii) setakat ini belum ada apa-apa langkah yang diambil kerana memandangkan keanggotaannya sudah mencukupi dan sesuai. Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang mengambil apa-apa langkah untuk meningkatkan prestasi Jawatankuasa Lajnah Tasheh kerana ia baru ditubuhkan dan menjalankan tugas-tugasnya dengan baik.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya sesungguhnya menghormati tindakan yang dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam soalan ini.

Bersabit dengan Quran ini Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi satu kebiasaan Quran ini disimpan di rumah dan banyak Quran-quran yang disimpan di dalam masjid-masjid. Saya ingin menarik perhatian adakah satu kebakaran yang berlaku di lima buah masjid di Pahang terdapat banyak buah Quran yang turut terbakar sama dan seperti yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dahulu Kerajaan sedang menyiasat sumber-sumber orang-orang yang telah membakar masjid ini dan sudahkah Kementerian Dalam Negeri dapat mengesan siapakah yang membakar masjid di Pahang itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Soalan itu terkeluar.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang kedua atau yang terakhir sahaja?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Kedua-dua.

KEWANGAN NEGARA

13. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan kewangan negara dan reservenya memandangkan ekonominya hampir pulih.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, kedudukan kewangan Kerajaan pada tahun 1988 dijangka bertambah baik dengan jangkaan bertambahnya kutipan hasil Kerajaan dari \$17,832 juta bagi tahun 1987 kepada \$21,178 juta. Ini disebabkan pemuliharaan harga eksport barangan utama Malaysia, peningkatan hasil bukan tradisional dan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat. Dengan itu defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan setelah mengambilkira perbelanjaan pembangunan dalam tahun 1988 adalah dijangka sebanyak 7.8% daripada Keluaran Negara Kasar. Kedudukan ini adalah lebih memuaskan jika dibandingkan dengan defisit keseluruhan dalam tahun 1987 sebanyak 8.4% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK). Bagi sektor awam, defisit keseluruhan akan juga berkurangan daripada 9.7% dalam tahun 1987 kepada 8.5% bagi tahun 1988. Dalam masa yang sama Kerajaan juga telah mengurangkan hutang sektor awam melalui pembayaran balik lebih awal.

Kedudukan imbalan pembayaran negara juga terus kukuh. Akaun semasa imbalan pembayaran pada tahun 1987 ialah \$5,887 juta dan bagi tahun 1988 dijangka kekal kukuh. Di samping itu reserve luar negeri Malaysia pada akhir tahun 1987 berjumlah \$19.52 ribu juta. Jumlah ini mampu membiayai import selama 7.4 bulan. Adalah dijangkakan kedudukan ekonomi pada tahun 1988 ini akan bertambah baik dan reserve luar negeri Malaysia terus kukuh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 14 hingga 61 adalah diberi dibawah ini).

SISTEM PENGURUSAN HUTAN

2. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Kementerian beliau mempunyai sebarang rancangan untuk meningkatkan mutu pengurusan hasil-hasil hutan kita mengikut prinsip alam sekeliling yang baik dan jika ia, nyatakan secara terperinci rancangan-rancangan Kementerian ini.

Dato' Alias bin Md. Ali: Pihak Kerajaan sememangnya telahpun melaksanakan sistem pengurusan hutan yang mengamalkan prinsip-prinsip alam sekitar yang baik. Prinsip-prinsip alam sekitar ini boleh didapati dalam Sistem Pengurusan Memilih (Selective Management System).

Di bawah SMS, satu bancian sebelum tebangan dijalankan di kawasan hutan yang akan dibalak. Tujuan bancian ini ialah untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai isi kandungan hutan di samping menentukan kesesuaian jalan-jalan balak. Pembinaan jalan-jalan balak yang minimum sahaja dibenarkan dan kawalan yang ketat diadakan untuk memastikan yang pembinaan dijalankan mengikut spesifikasi jalan yang ditetapkan. Tindakan ini diambil supaya permukaan tanah dalam kawasan hutan tidak diganggu terlalu banyak bagi tujuan mengurangkan hakisan tanah.

SMS juga mengamalkan penebangan yang teratur di mana pengeluaran isipadu adalah ditetapkan berasaskan kepada isi kandungan dirian asal. Tindakan ini akan mengurangkan lagi gangguan terhadap kawasan hutan semasa pembalakan dijalankan. Tambahan pula penandaan pokok (tree marking) mengikut had tebangan yang

ditetapkan juga dijalankan sebelum tebang. Dalam aktiviti ini, arah tebang ditandakan pada pokok yang akan ditebang supaya kerosakan yang minima berlaku ke atas pokok-pokok yang masih ada. Salah satu sebab kawalan tebang yang rapi ini diperlukan ialah supaya dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Dengan yang demikian, Sistem Pengurusan Memilih yang dipraktikkan sekarang memang mempunyai ciri-ciri ke arah prinsip alam sekitar yang baik dan dapat memainkan peranan yang penting ke arah menjaga serta memelihara kestabilan alam sekitar di negara ini.

Di samping itu juga usaha-usaha dijalankan untuk meningkatkan lagi mutu pengurusan hasil-hasil hutan Malaysia melalui kursus dan latihan mengenai teknologi pengurusan hutan di negara maju di bidang perhutanan, membentuk teknologi pengurusan dan inventori hutan berkomputer dengan kerjasama Institut Pengurusan Hutan ASEAN di samping mendapatkan bantuan teknik dan kepakaran daripada agensi-agensi antarabangsa di dalam melaksanakan program pengurusan hutan di negara ini.

PELAJAR MALAYSIA TAJAAN KERAJAAN DI LUAR NEGERI

14. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah pelajar-pelajar Malaysia tajaan Kerajaan di luar negeri sekarang. Sila butirkan mengikut nama negara yang berkenaan. Sila nyatakan pula attace pendidikan ditempatkan di luar negeri dan bidang tugas mereka yang utama.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Jumlah pelajar-pelajar Malaysia tajaan Kerajaan di luar negeri setakat akhir tahun 1987 ialah

seramai 17,797 orang. Mereka kebanyakannya dihantar belajar di negara-negara seperti Australia, Mesir, Bangladesh, Belgium, Perancis, Canada, India, Indonesia, German Barat, New Zealand, Pakistan, Iraq, United Kingdom, Turki, Amerika Syarikat, Jepun, Morocco dan Korea Selatan.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Atase Pendidikan di bawah jagaan Kementerian Pendidikan hanya terdapat di Madras sahaja. Ia bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan penuntut-penuntut Malaysia di seluruh India. Bidang tugas utamanya ialah dari segi bimbingan, kaunseling, pengawasan dan memberikan nasihat akademik. Selain dari itu, Atase Pendidikan di Madras juga adalah sebagai penghubung di antara pelajar dengan Kerajaan Malaysia dalam menyelesaikan setiap masalah yang berkaitan dengan pelajaran serta kebajikan mereka.

PROJEK PEMBETUNGAN BUTTERWORTH — SIASATAN RASUAH

15. Tuan Teoh Teik Huat minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Badan Pencegah Rasuah sedang menyiasat tuduhan-tuduhan rasuah dan penyelewengan projek pembetulan Butterworth/B.M. Metropolitan di Pulau Pinang. Jika ada, bilakah siasatan-siasatan ini dimulakan masing-masing dan adakah ianya telah selesai dan sama ada terdapat pegawai-pegawai Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Perai yang telah disoal oleh BPR dan jika ia, nyatakan nama-nama mereka.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Badan Pencegah Rasuah memulakan siasatannya berkaitan projek Sistem

Pembetulan Batu Feringgi pada bulan Oktober 1986 dan masih meneruskannya.

Berhubung dengan Projek Pembetulan Butterworth, badan ini memulakan siasatan pada bulan Februari 1987 dan hampir siap tidak lama lagi dan akan mengambil tindakan ke atas mana-mana pihak sekiranya mempunyai bukti ke atas kesalahan di bawah Akta Pencegah Rasuah.

Disebabkan perkara-perkara berkaitan adalah masih di dalam tindakan siasatan oleh pihak BPR dan ianya bertaraf rahsia maka saya tidak dapat mengemukakan maklumat selanjutnya mengenai siapakah pihak-pihak yang terlambat.

KEGIATAN KONGSI GELAP/GANGSTER DI SEKOLAH

16. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan telah diambil terhadap tuduhan-tuduhan bahawa kegiatan kongsi gelap atau gangster berlaku dalam sekolah-sekolah di Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang demi menjaga keselamatan murid-murid kita.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar wujudnya kegiatan kongsi gelap atau gangster di sekolah-sekolah di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang tetapi demi untuk menjamin keselamatan murid di sekolah-sekolah tersebut daripada diancam oleh kegiatan kongsi gelap atau gangster, pihak Kementerian Pendidikan telah membuat beberapa tindakan, iaitu:

1. Pihak sekolah telah diberi arahan supaya sentiasa mengawasi dan berwaspada kemungkinan terdapatnya kegiatan kongsi gelap atau gangster di sekolah.

2. Pihak sekolah telah diarah supaya mengenakan tindakan tegas terhadap murid-murid yang didapati terlibat dengan kesalahan tersebut.
3. Kerjasama daripada pihak polis juga telah diminta lebih-lebih lagi jika kegiatan tersebut melibatkan orang luar.
4. Tindakan yang sewajarnya telah dikenakan terhadap pelajar-pelajar yang didapati terbabit dengan kegiatan tersebut.
5. Pihak sekolah telah diarah supaya mengadakan aktiviti-aktiviti berbentuk ceramah dengan tujuan menimbulkan rasa kesedaran di kalangan pelajar-pelajar supaya dapat menghindarkan diri mereka daripada kegiatan-kegiatan yang tidak diinginkan.

KLINIK SWASTA — BAYARAN

17. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa bayaran yang dikenakan oleh klinik swasta terhadap para pesakit adalah tinggi dan ubat yang diberikan tidak menepati penyakit berkaitan; jika sedar, apakah langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengawal amalan klinik swasta itu supaya beban para pesakit luar dapat dikurangkan.

Dato' K. Pathmanaban: Bayaran yang dikenakan oleh klinik-klinik swasta biasanya bergantung kepada tahap perkhidmatan yang disediakan serta ubat-ubat yang diberi. Pada masa ini undang-undang yang sedia ada tidak membenarkan Kerajaan mengawal atau mengawasi bayaran yang ditetapkan. Dalam merawat pesakit juga seorang pengamal perubatan boleh memilih mana-mana ubat yang munasabah yang boleh digunakan untuk sesuatu penyakit.

Seseorang pesakit seharusnya bertanya kepada doktornya sekiranya ubat yang diberi dianggap tidak berkeenaan dengan penyakitnya. Sekiranya penjelasan yang diberi juga tidak memuaskan aduan boleh dikemukakan kepada Majlis Perubatan Malaysia untuk di-siasat.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, semua pengamal perubatan adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Perubatan 1971 dan amalan-amalan perubatan yang dijalankan hendaklah bersesuaian dengan kod etika perubatan.

GAJAH LIAR MEROSAKKAN TANAMAN

18. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan telah diambil oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara ke atas gajah yang dikatakan mengganggu penduduk dan merosakkan tanaman di beberapa buah kampung dalam Mukim Cheka Dua?

Tuan Law Hieng Ding: Jabatan Perhilitan menyedari akan masalah gangguan gajah liar yang berlaku di Mukim Cheka Dua di Negeri Pahang Darul Makmur. Tindakan-tindakan tembak-halau sentiasa dijalankan oleh pihak Jabatan Perhilitan.

Buat masa ini, operasi pemindahan gajah sedang dijalankan di Raub, Maran dan Triang. Apabila operasi ini selesai, Jabatan Perhilitan mungkin akan dapat mengendalikan operasi pemindahan gajah di tempat-tempat lain termasuk Mukim Cheka Dua.

YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA — WANG TABUNGAN

19. Tuan Basri bin Bajuri minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan jumlah tabungan serta perbelanjaan semasa Yayasan Kebajikan dan apakah

projek-projek Yayasan yang sedang dan akan dijalankan.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Jumlah wang tabungan Yayasan Kebajikan Negara semasa ini ialah \$13,120,050. Anggaran belanjawan bagi tahun 1988 ialah \$4,475,500 dan jumlah perbelanjaan sehingga bulan April 1988 ialah \$888,257.

Dari segi projek untuk mengutip derma bagi tabungannya, Yayasan Kebajikan Negara sedang berusaha beberapa aktiviti melalui Kempen Dermawan Malaysia yang telah dilancarkan pada 14hb. Mac 1987.

Dari segi sumbangan, Yayasan Kebajikan Negara akan membiayai projek-projek kebajikan seperti yang berikut:

- (a) Bantuan perubatan kepada individu dan institusi Perubatan;
- (b) Bantuan kepada mangsa-mangsa ribut, banjir dan kebakaran;
- (c) Bantuan kepada Institusi-institusi Kebajikan;
- (d) Bantuan kepada Orang Cacat; dan
- (e) Bantuan kepada Pertubuhan-pertubuhan Sukarela.

PENAGIH DADAH — PENEMPATAN DI PULAU

20. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan oleh kerana penyalahgunaan dadah sedang berleluasa sehingga merebak ke kampung-kampung yang mengakibatkan pemuda dan pemuda terlibat di dalam penagihan dadah. Sungguhpun pihak Kerajaan telah berusaha mengadakan pusat-pusat pemulihan dan penahanan tetapi apabila mereka keluar dari pusat ini mereka akan mengulangi lagi perbuatan yang

terkutuk ini. Oleh itu tidakkah ada cadangan dari pihak Kerajaan untuk menyediakan satu pulau khas untuk ditempatkan mereka-mereka yang berkenaan ini sehingga benar-benar pulih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Cadangan menempatkan penagih-penagih dadah di pulau telah beberapa kali disuarakan di Dewan yang mulia ini dan sekali lagi sukalah saya menegaskan di sini bahawa Kementerian saya pada masa ini belum lagi bercadang untuk berbuat demikian.

Penempatan penagih-penagih di pulau adalah bertentangan dengan hasrat program rawatan dan pemulihan yang disediakan oleh Kementerian ini. Satu perkara yang perlu diingat, walau apa pun program yang diadakan dan walau berapa lama pun tempoh rawatan dan pemulihan yang diberikan kepada penagih, kita tidak boleh menahan mereka sepanjang hayatnya. Satu ketika kita perlu juga membebaskan mereka untuk hidup di dalam masyarakat.

Satu faktor utama mengapa seseorang itu menjadi penagih ialah kerana ketidakmampuan mereka untuk menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran mereka. Oleh sebab itu satu input utama yang perlu ada ialah meningkatkan kemampuan diri mereka untuk menjalani hidup seimbang dengan persekitaran mereka. Untuk mencapai tujuan tersebut, Kementerian saya perlu mendedahkan penagih-penagih, yang menjalani rawatan di pusat-pusat pemulihan, dengan masyarakat luar sebelum mereka dibebaskan dari Pusat.

Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri telah mengaturkan banyak aktiviti kemasyarakatan yang melibatkan pelatih-pelatih dari Fasa IV dalam satu program yang kami panggil program 'mengintegrasikan'. Dengan cara ini pelatih-pelatih dapatlah mengelakkan "cultural shock" apabila mereka ini dibebaskan kelak.

Sekiranya kita menempatkan penagih-penagih ini di pulau, sudah tentulah kita tidak dapat menyediakan program reintegrasi mereka. Oleh sebab itu kemampuan mereka untuk menyesuaikan diri mereka dengan keadaan hidup di luar agak rendah.

Pengertian 'benar-benar pulih' adalah suatu perkara yang subjektif. Ianya tidak ada kaitan dengan tempat dan tempoh pemulihan. Kita telah menyediakan program yang diakui "comprehensive" yang dirasakan dapat membantu penagih-penagih memberhentikan tabiat buruk mereka. Akan tetapi faktor-faktor negatif yang terdapat dalam masyarakat telah mendorong kebanyakan mereka untuk menagih semula. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, menempatkan mereka di pulau tidak akan membantukan penagih-penagih ini untuk memberhentikan tabiat penagihan dan menjalani hidup sebagaimana anggota masyarakat biasa.

BAHASA BAKU DI RTM

21. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Penerangan menyatakan mengapakah RTM tidak menggunakan sebutan bahasa baku terutamanya pada masa warta berita disiarkan seperti yang dilakukan oleh TV3. Atau bilakah RTM hendak menggunakannya.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey): Sungguhpun gagasan sebutan baku, dulunya disebut 'sebutan fonemika', bermula dalam tahun 1956. Namun begitu pengajarannya kepada kanak-kanak di sekolah hanya dimulakan dalam tahun 1988. Oleh yang demikian penggunaannya masih sangat baru dan belum meluas.

Sebutan yang digunakan oleh RTM adalah sebutan yang digunakan dan difahami dengan mudah oleh golongan besar penduduk negara ini. RTM telah menggunakan sebutan baku pada sejumlah perkataan Inggeris yang telah diserapkan ke dalam bahasa

Malaysia seperti sebutan *industri, infrastruktur* dan *hospital*. Istilah-istilah biasa seperti wanita, arena dan sebagainya juga disebut dalam bentuk baku dan begitu juga sebutan dalam lagu dan nyanyian.

Oleh sebab RTM sudah pun mula menggunakan sebutan baku. Kami menunggu penerimaannya secara lebih luas supaya apabila ia digunakan, ia tidaklah kedengaran janggal atau menjejaskan pemahaman oleh masyarakat.

PROJEK KEMUDAHAN ASAS — PERBELANJAAN

22. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan bagi kemudahan asas di luar bandar bagi tahun 1986 hingga 1988 bagi perkara-perkara seperti berikut:-

- (a) jalanraya;
- (b) bekalan air;
- (c) pusat kesihatan kecil; dan
- (d) bekalan elektrik.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Jumlah perbelanjaan bagi projek-projek kemudahan asas di luar bandar (jalanraya, bekalan air, pusat kesihatan kecil dan bekalan elektrik) dari tahun 1986 hingga bulan Mei 1988 adalah seperti berikut:-

- (a) Jalanraya Luar Bandar —\$517 juta
- (b) Bekalan Air Luar Bandar —\$610 juta
- (c) Pusat Kesihatan Kecil —\$11.2 juta
- (d) Bekalan Elektrik Luar Bandar —\$320 juta

PENYAKIT KOLERA DI SABAH

23. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kesihatan menyatakan kes kolera di Sabah semakin meningkat dewasa ini, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementeriannya bagi mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr. Ting Chew Peh): Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sedar atas masalah penyakit kolera di Sabah. Kegiatan-kegiatan untuk mengatasi masalah ini telah dan sedang dijalankan.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, keadaan ketiadaan air yang bersih dan tandas yang sempurna serta kekurangan amalan kebersihan diri adalah punca merebaknya penyakit kolera. Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Kesihatan sentiasa berhubung rapat dengan agensi-agensi yang bertanggungjawab supaya memberikan keutamaan projek-projek mereka kepada kawasan-kawasan yang belum lagi menerima kemudahan bekalan air selamat dan sering dilanda wabak kolera. Kementerian Kesihatan juga membantu Jabatan Kerja Raya membekalkan air yang bersih dan selamat di kawasan-kawasan di mana Jabatan Kerja Raya tidak mempunyai rancangan untuk membekalkannya dalam jangkamasa lima tahun.

Tindakan-tindakan lain yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mencegah penyakit kolera dari merebak adalah seperti berikut:

- (1) Menyiasat dengan segera kes-kes yang dilaporkan dan memusnahkan punca-punca penyakit sebaik-baik sahaja ianya diketahui.
- (2) Mengasingkan dan merawat semua pesakit di hospital-hospital dan pesakit hanya dibenarkan pulang setelah rawatan sepenuhnya diberi.
- (3) Mempergiatkan aktiviti-aktiviti pelajaran kesihatan, bertujuan untuk meningkatkan amalan kebersihan diri dan alam sekitar serta menasihatkan mereka supaya tahu cara-cara untuk mengelakkan daripada terkena penyakit berkenaan.

- (4) Membina dan menyelenggara telaga-telaga dan lain-lain sistem bekalan air yang selamat di tempat-tempat di mana bekalan air Jabatan Kerja Raya belum lagi sampai.
- (5) Mengawas mutu kebersihan dan keselamatan air yang dibekalkan oleh Jabatan Kerja Raya dengan mengambil contoh air mengikut jadual tertentu. Jika terdapat air yang dibekalkan itu dicemari oleh kuman penyakit, Jabatan Kerja Raya diberitahu dengan serta-merta supaya mengambil tindakan-tindakan yang perlu.
- (6) Memberi bantuan teknik dan peralatan untuk membina tandas yang sempurna kepada penduduk luar bandar.
- (7) Bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri serta Kerajaan-kerajaan Tempatan untuk memperbaiki mutu makanan yang dijual kepada orang ramai.

RUMAH KOS RENDAH/SEDERHANA — SASARAN

24. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan setakat ini, bagaimanakah pencapaian Kerajaan untuk menepati sasaran rumah-rumah:-

- (a) Kos Rendah; dan
- (b) Kos Sederhana.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat): Di bawah Rancangan Malaysia Kelima (1986—1990), sasaran program perumahan keseluruhan adalah sebanyak 701,500 unit. Daripada jumlah ini, sebanyak 495,000 unit adalah rumah kos rendah dan sebanyak 180,200 unit adalah unit kos sederhana.

Sehingga 31hb. Disember, 1986 sebanyak 32,738 unit rumah kos rendah

atau 6.6% daripada sasaran rumah kos rendah telah siap dibina. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 18,036 unit rumah kos sederhana atau 10% daripada sasaran rumah kos sederhana telah siap dibina.

Angka-angka mengenai pencapaian program perumahan berbagai sektor bagi tahun 1987 masih lagi dikumpul oleh Kementerian ini. Walau bagaimanapun angka-angka mengenai pencapaian program perumahan kos rendah dan program khas perumahan kos rendah, bagi tahun 1987, ialah seperti berikut:-

5,730 unit rumah atau 12.5% daripada jumlah sasaran program perumahan awam kos rendah RML telah siap dibina di bawah program tersebut. Sebanyak 13,723 unit atau 30.0% adalah di dalam peringkat pembinaan.

Bagi program khas perumahan kos rendah, sungguhpun sasaran asal ialah sebanyak 240,000 unit rumah, setakat 30.4.1988, sebanyak 246,878 unit rumah dikenalpasti untuk dibina. Berdasarkan kepada sasaran baru, sebanyak 11,519 unit atau 4.7% daripada sasaran telah siap dibina. Manakala sebanyak 41,855 unit atau 17.0% adalah di dalam peringkat pembinaan.

KAD PENGENALAN ANGKA KOSONG

25. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahawa Jabatan Pendaftaran Negara tidak pernah mengeluarkan kad pengenalan yang mengandungi nombor terdiri daripada kosong sahaja. Mengapakah ramai orang di negara ini yang memegang kad pengenalan seperti tersebut. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Memang benar Jabatan Pendaftaran Negara tidak pernah mengeluarkan kad pengenalan yang mengandungi nombor terdiri daripada angka kosong sahaja. Nombor kad pengenalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara mengandungi tujuh (7) angka dan ia bermula dengan nombor 0000001. Kementerian tidak menerima laporan mengenai adanya pemegang-pemegang kad pengenalan bernombor sedemikian. Mungkin Yang Berhormat berkenaan dapat membantu Kementerian dengan menghubungi Jabatan Pendaftaran Negara untuk memberi keterangan lanjut tentang perkara ini dan pihak Kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya.

SUKAN SEA KE-15 DI KUALA LUMPUR

26. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapakah jenis-jenis sukan wajib dipertandingkan Sukan SEA ke-15 yang akan diadakan di Kuala Lumpur tahun depan; dan sama ada benar bahawa beberapa buah Pertubuhan telah melambatkan permulaan program latihan untuk Sukan SEA tahun depan walaupun peruntukan sudah diluluskan. Mengapa demikian. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mendapatkan Pertubuhan-pertubuhan sukan yang terlibat memulakan latihan dan memberhentikan pertenggaran yang berlaku di antara pegawai-pegawai pertubuhan sukan.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Sukan SEA ke-15 yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1989 nanti akan mempertandingkan sebanyak 24 jenis sukan. Jawatankuasa Gemilang '90 telah ditubuhkan yang mana di antara lainnya ialah untuk menyediakan program latihan ke arah Sukan SEA 89. Setakat ini sebanyak 22 program sukan telahpun diluluskan yang dianggarkan akan menelan belanja kira-kira \$2.9 juta. Walaupun pada mulanya terdapat

beberapa sukan yang menghadapi masalah untuk memulakan latihan tetapi sekarang ini semua pasukan telahpun memulakan latihan masing-masing. Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara selaku urusetia program latihan ini sentiasa meneliti kemajuan program latihan dan berusaha mengatasi masalah-masalah yang ada berkaitan dengan program.

BIR DAN STOUT DIJUAL DI KEDAI KOPI

27. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Timbalan Menteri Kewangan, semasa lawatannya ke Labuan pada bulan Mei, 1988, mengemukakan bahawa kedai-kedai kopi yang menjual minuman arak yang tidak tergolong ke dalam penjenisan minuman keras tidak perlu mempunyai lesen minuman arak di bawah Akta Eksais 1976; dan disebabkan lebih seribu buah kedai kopi telahpun membayar bayaran bagi lesen tersebut, sama ada Kerajaan akan mengembalikan bayaran yang tersilap pungut itu kepada tuanpunya-tuanpunya kedai kopi.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Adalah disedari bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, dalam lawatannya ke Labuan pada bulan Mei, 1988, telah membuat pengumuman bahawa setengah kedai-kedai kopi yang menjual bir dan stout tidak mempunyai lesen rumah bir. Kedai-kedai kopi tersebut ialah kedai-kedai yang menjual bir/stout secara runcit dalam botol-botol atau tin-tin yang belum dibuka. Walau bagaimanapun kedai-kedai kopi yang menjual bir/stout di mana botol atau tin telah dibuka adalah tertakluk kepada pelesenan tersebut. Dengan itu jika ada kedai-kedai kopi yang telah dilesenkan di bawah lesen rumah bir, walhal kedai-kedai itu hanya menjual bir/stout secara botol atau tinnya tidak dibuka, maka pihak-pihak ini layaklah untuk menuntut kepada Jabatan Kastam dan

Eksais Diraja supaya bayaran lesennya itu dipulangkan. Mengikut undang-undang bayaran lesen yang boleh dipulangkan ialah bayaran yang dibuat dalam jangkamasa setahun sahaja dari tarikh tuntutan.

TINDAKAN TATATERTIB DI SEKOLAH/PUSAT PENGAJIAN TINGGI

28. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa ramai pelajar yang diambil tindakan tatatertib dari Sekolah dan Pusat-pusat Pengajian Tinggi sejak tahun 1985 hingga Mei, 1988 mengikut jenis dan kaum;
- (b) apakah tindakan tatatertib Kementerian kepada guru-guru yang disingkir dari sekolah-sekolah atau Pusat-pusat Pengajian Tinggi sejak 1985 hingga Mei, 1988 dan berapa ramai guru/pensyarah yang terlibat; dan
- (c) apakah usaha Kementerian Pendidikan dalam usaha meningkat tatatertib pelajar dan guru dalam sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bilangan pelajar sekolah yang dikenakan tindakan tatatertib mengikut kaum tidak dapat dinyatakan kerana kajian mengikut kaum tidak menjadi amalan Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun bilangan pelajar yang diambil tindakan tatatertib dari sekolah sejak tahun 1985 hingga Mei 1988 ialah 281,035 orang seperti bergantung sekolah, ditukar ke sekolah lain, dibuang sekolah, dirotan serta diberi nasihat dan amaran. Di Pusat-pusat Penga-

jian Tinggi, bilangan pelajar yang dikenakan tindakan tata-tertib pada masa yang sama ialah seramai 3,211 orang.

- (b) Semenjak tahun 1985 hingga Mei 1988 terdapat seramai 70 orang guru yang telah dibuang kerja dari semua kumpulan kerana melanggar berbagai-bagai peraturan. Di Pusat-pusat Pengajian Tinggi, terdapat dua kes pensyarah yang dibuang kerja sejak 1985 hingga Mei 1988 kerana melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan.
- (c) Di antara usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan disiplin pelajar ialah:-
 - i) Menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Disiplin Sekolah Kementerian Pendidikan yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II.
 - ii) Mengemaskinikan pengurusan pentadbiran disiplin di sekolah dengan penubuhan Jawatankuasa Penasihat Hal Ehwal Murid-murid Peringkat Daerah dan sekolah yang berfungsi untuk meningkatkan lagi disiplin murid.
 - iii) Menyediakan garis-garis panduan untuk meningkatkan disiplin pelajar-pelajar.
 - iv) Melancarkan Program Pembangunan Iklim Sekolah ke Arah Peningkatan Disiplin ke atas 200 buah sekolah untuk mewujudkan 'love and care' di samping meningkatkan lagi disiplin sekolah.

- v) Mewujudkan persefahaman dan kerjasama di antara Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Polis dan lain-lain badan yang berkaitan.

Kementerian Pendidikan setakat ini telah menjalankan beberapa program di dalam usahanya untuk meningkatkan disiplin di kalangan guru-guru. Di antara usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian dapat dibahagikan kepada dua bentuk iaitu bercorak pengawalan dan satu lagi bercorak pencegahan. Di antara aktiviti yang dijalankan bagi menjayakan usaha ini ialah:-

- i) Mengadakan penerangan/dialog dengan Pengetua-pengetua sekolah yang juga merangkap Pengerusi Lembaga Tatatertib sekolah di sekolah-sekolah. Di samping itu juga ceramah-ceramah diadakan untuk guru-guru Pelatih di Maktab-maktab mengenai tatakelakuan yang harus dipatuhi oleh mereka.
- ii) Mengadakan kursus-kursus Tatacara Penyelenggaraan Tatatertib untuk Pengetua Sekolah/Maktab dan guru-guru di setiap negeri yang dianjurkan bersama dengan Jabatan Pendidikan Negeri.
- iii) Mengemaskinikan lagi peraturan-peraturan dan perundangan tatatertib di peringkat Kementerian dari masa ke semasa.

Dalam usaha meningkatkan mutu disiplin pelajar dan pensyarah di pusat-pusat pengajian tinggi melalui arahan-arahan dari masa ke semasa serta peruntukan undang-undang yang terdapat di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti, akta-akta atau peraturan-

peraturan lain yang berkaitan. Peraturan-peraturan berkenaan adalah wajib dipatuhi pada setiap masa kerana peruntukan tertentu kepada pelajar dan pensyarah akan dibuat oleh Pihak Berkuasa institusi-institusi berkenaan sekiranya mereka didapati melanggar peraturan tersebut.

CIK HARISON BINTI SAPIAN — PELATIH JURURAWAT YANG DITAMATKAN

29. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Kesihatan memberi penjelasan kenapa dan mengapa Cik Harison bte. Sopian, Pelatih Jururawat di Sekolah Latihan Jururawat Pulau Pinang ditamatkan latihan biasiswanya setelah beliau diterima menjalani latihan kejururawatan berkenaan selama 3 bulan.

Dr. Ting Chew Peh: Cik Harison bte. Sopian telah diambil menjadi Pelatih Jururawat di Sekolah Latihan Jururawat Pulau Pinang pada 1hb. September, 1987. Beliau terpaksa ditamatkan latihan dan biasiswanya kerana mengalami kecacatan anggota di bahagian tangan kanannya, iaitu tiga batang jarinya tidak tumbuh dengan sempurna dan bercantum antara satu sama lain.

Kecacatan ini pertama kali dikesan di Sekolah Latihan Jururawat Pulau Pinang dan seterusnya beliau dirujuk kepada Doktor Pakar Perunding Otopedik. Pakar Otopedik melaporkan bahawa keadaan kecacatan yang berlaku boleh menjejaskan pelatih berkenaan untuk meneruskan latihan. Laporan juga menyebut bahawa kecacatan yang dialaminya akan mengganggu pelaksanaan tugas-tugas kejururawatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain dari pengetahuan yang cukup dalam bidang berkenaan, tugas-tugas kejururawatan memerlukan ke-

sempurnaan anggota pancaindera yang lima. Ini adalah untuk menentukan supaya segala aspek-aspek berkaitan dengan jagaan, rawatan dan keselesaan pesakit-pesakit dilakukan dengan sempurna.

Sukalah saya menyatakan bahawa tindakan menamatkan latihannya telah diambil dengan berat hati, tetapi hanya selepas pemeriksaan rapi oleh Doktor Pakar dan perbincangan di peringkat Kementerian.

HUTANG DARI PINJAMAN BIASISWA

30. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah wang hutang dari pinjaman biasiswa sehingga 30hb. Mei, 1988, bilangan pemegang biasiswa yang terlibat dan tindakan apakah yang sedang diambil untuk menuntut kembali hutang-hutang tersebut, memandangkan ramai lagi murid-murid yang memerlukan pinjaman tersebut untuk melanjutkan pelajaran mereka di universiti-universiti tempatan atau luar negeri.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah wang pinjaman pelajaran yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan kepada pelajar-pelajar yang menuntut di universiti-universiti dalam negeri sehingga 30 Mei, 1988 ialah sebanyak 3,074,840.00. Bilangan pemegang pinjaman yang terlibat ialah seramai 923 orang. Oleh kerana Skim Pinjaman Pelajaran ini baru sahaja dilaksanakan dalam tahun 1987, maka tempoh bayaran balik pinjaman belum lagi bermula sehinggalah pelajar-pelajar tersebut menamatkan pengajian masing-masing. Mengikut syarat yang telah ditetapkan, sesuatu pinjaman hendaklah dibayar balik setelah pelajar berkenaan mendapat pekerjaan tetap atau setelah enam bulan menamatkan pengajiannya mengikut mana yang terdahulu.

PERTUBUHAN KOKO ANTARABANGSA (ICCO) — KAWALAN HARGA

31. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sebab-sebab Malaysia belum dapat menyertai Pertubuhan Koko Antarabangsa (International Cocoa Organisation);
- (b) apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengawal harga koko.

Dato' Alias bin Md. Ali: Mengenai soalan (a) telah dijawab ketika saya yang sama oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Hsing Yin Shen dari Tanjong Aru dan Ahli Yang Berhormat Dato' Dr. Affifudin Haji Omar dari Padang Terap pada 27 Jun 1988.

Mengenai soalan (b) jawapannya juga telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian ketika menjawab soalan mengenai perkara yang sama oleh Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai dari Semporna di Dewan ini pada 1.7.88.

KEMATIAN PELAJAR DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK CHERAS — PENYIASATAN

32. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang kematian yang berlaku di Sekolah Menengah Teknik, Cheras. Apakah penyiasatan yang telah dibuat oleh pihak polis dan apakah hasilnya. Apakah kedudukan disiplin di sekolah-sekolah lain yang tidak tersiar dalam mass media tempatan dan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan mutu disiplin lebih baik.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seorang pelajar tingkatan 5, Sekolah Menengah Teknik Cheras, Hishamuddin bin Majid, telah meninggal dunia

pada kira-kira jam 8.50 malam, 24 Mac, 1988 semasa dalam perjalanan ke Hospital Besar Kuala Lumpur. Kematian-nya dikaitkan dengan satu upacara penurunan nama gelaran di kalangan beberapa orang pelajar yang diadakan antara jam 11.00 pagi—11.20 pagi pada hari yang sama di dalam sebuah tandas sekolah tersebut. Setiap pelajar yang ingin menerima gelaran mestilah sanggup menerima ujian menahan sakit seperti ditumbuk atau diterajang. Pelajar berkenaan telah bersetuju dan menerima ujian itu pada waktu dan tempat yang tersebut.

Pihak Polis telah membuat penyiasatan dan pada 21 Mei, 1988, Polis telah menghadapkan dua orang pelajar ke Mahkamah.

Kedudukan disiplin di sekolah-sekolah pada keseluruhannya adalah terkawal. Kementerian Pendidikan memang menyedari keadaan kemerosotan disiplin dan dari semasa ke semasa telah mengadakan langkah-langkah untuk mempertingkatkan lagi disiplin pelajar-pelajar di sekolah. Antara langkah yang telah diambil ialah:

- (i) Menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Disiplin Sekolah Kementerian Pendidikan yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II.
- (ii) Menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Hal Ehwal Murid-murid Peringkat Daerah dan Sekolah.
- (iii) Menyediakan garis-garis panduan untuk membetulkan amalan-amalan di sekolah.
- (iv) Melancarkan Program Pembangunan Iklim Sekolah ke Arah Peningkatan Disiplin ke atas 200 buah sekolah.

IKAN YANG DITANGKAP DI MALAYSIA

33. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Pertanian menyatakan amaun atau jumlah ikan yang ditangkap oleh nelayan-nelayan Malaysia dalam tahun 1981 hingga 1987. Nyatakan sebab-sebab penambahan atau pengurangan.

Datuk Seri Sanusi bin Junid:

Jumlah ikan yang ditangkap di Malaysia ialah:

Tahun	Tan Metrik
1981 ..	686,446
1982 ..	627,001
1983 ..	686,463
1984 ..	600,473
1985 ..	540,354
1986 ..	561,967
1987 ..	855,346

Pengurangan ikan dalam pertengahan tahun 80-an ialah disebabkan penerokaan yang pesat ke atas sumber-sumber perikanan terutama sumber di kawasan pantai dan juga penghijrahan ikan-ikan tertentu, dengan penerokaan dan pembangunan yang pesat di perairan laut dalam dan juga penguatkuasa peraturan pengurusan yang tegas oleh Kerajaan. Kerajaan telah membuat peraturan supaya sumber-sumber di kawasan 5 batu daripada pantai dikhususkan untuk pukut-pukat tradisi sahaja manakala pukut tunda dan jerut ikan hanya dibenarkan beroperasi di luar kawasan 5 batu daripada pantai. Langkah ini telah memberi peluang kepada sumber-sumber perikanan diterokai dengan lebih rasional dan tidak dirosaki. Dalam masa yang sama sumbangan perikanan laut dalam telah meningkat ke tahap 25% daripada jumlah pendaratan ikan. Di samping itu juga negara telah dapat meningkatkan eksport ke tahap 247,000 tan metrik bernilai \$465 juta iaitu dengan lebihan dagangan sebanyak \$97 juta.

PENYAKIT AIDS — MENCEGAH

34. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sudah berapa ramai pesakit-pesakit AIDS yang telah dikenalpasti di negara ini;
- (b) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian berkenaan agar penyakit tersebut tidak merebak.

Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 1988 hanya 3 pesakit (kes) AIDS telah dikesan di negara ini. Selain daripada itu, terdapat 16 orang Pembawa Kuman AIDS (Carriers) yang telah pun dikesan sejauh ini.
- (b) Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mencegah merebaknya penyakit AIDS.
 - (1) Oleh sebab tiada rawatan khusus atau vaksin untuk mencegah penyakit AIDS, maka langkah yang paling efektif untuk menghalang merebaknya penyakit AIDS ialah dengan cara memberi pendidikan kesihatan kepada orang ramai supaya mengelak dari cara hidup (life style) yang boleh mendedahkan mereka kepada risiko jangkitan penyakit itu. Maklumat yang disampaikan termasuklah penerangan mengenai penyakit AIDS, cara-cara penyakit ini merebak dan cara-cara mencegah penyakit berkenaan.

(2) Salah satu punca merebak-

nya penyakit AIDS ialah melalui darah atau hasil darah yang tercemar oleh virus AIDS. Sehubungan dengan ini, Kementerian telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan darah dan hasil darah yang digunakan adalah selamat.

- (a) Kementerian Kesihatan tidak membenarkan mereka yang dalam golongan berisiko tinggi menderma darah kepada tabung-tabung darah di seluruh negara.
- (b) Semua darah yang didermakan dan yang hendak digunakan untuk rawatan pesakit adalah diperiksa dengan telitinya untuk memastikan yang darah-darah ini adalah bebas dari kuman AIDS.
- (c) Kementerian Kesihatan juga telah memastikan bahawa semua "blood products and blood concentrates" untuk merawat pesakit pendarahan seperti pesakit haemophilia, yang dibeli dari luar negeri telah pun di "heat-treated" untuk menentukan yang ianya bebas dari kuman AIDS.
- (3) Memberi kaunseling perubatan (medical counselling) kepada pesakit AIDS dan juga pembawa AIDS.
- (4) Meningkatkan program latihan kakitangan perubatan dan kesihatan mengenai AIDS.
- (5) Mempertingkatkan perhu-

bungan dan perbincangan (consultation) dengan pertubuhan kesihatan antara-bangsa dan lain-lain pihak berkuasa kesihatan negara-negara jiran.

HOSPITAL BARU DI KULIM

35. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementeriannya mempunyai rancangan membina sebuah hospital yang baru dengan kelengkapan yang lebih moden di Kulim untuk menggantikan hospital yang sedia ada yang tidak memuaskan langsung, memandangkan Kementerian telah memperolehi sebidang tapak di Kulim.

Dr. Ting Chew Peh: Kementerian Kesihatan memang ada rancangan untuk membina sebuah hospital baru di Kulim dan telah memperolehi sebidang tapak tanah untuk tujuan itu. Bagaimanapun oleh sebab keadaan kewangan negara pada masa ini, projek ini tidak dapat dibina dalam masa Rancangan Malaysia Kelima. Mungkin pembinaan hospital ini akan dapat dijalankan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, jika terdapat peruntukan.

RUMAH KOS RENDAH — PEMBINAAN

36. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sekiranya Kerajaan Persekutuan memasuki bidang pembinaan rumah-rumah kos rendah pada tahun akan datang, bagaimanakah peruntukan perumahan kelak diperbahagikan di antara ia dengan Kerajaan Negeri. Apakah maklumat yang dapat diutarakan oleh Kerajaan bahawa perbadanan awam yang baru di tubuh tidak akan menghadapi masalah-masalah yang sama seperti Kerajaan Negeri ataupun sektor swasta dalam pembinaan perumahan kos rendah.

Tuan Ng Cheng Kiat:

- (i) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya Kerajaan Persekutuan memasuki bidang pembinaan rumah-rumah kos rendah pada masa akan datang, satu badan berkanun Kerajaan Persekutuan mungkin akan diwujudkan. Oleh kerana Kementerian ini sedang mengkaji cadangan penubuhan badan berkanun tersebut, adalah terlalu awal untuk memikirkan soal pembahagian peruntukan perumahan secara terperinci di antara badan berkanun tersebut atau kerajaan-kerajaan Negeri.
- (ii) Memandangkan badan berkanun Kerajaan Persekutuan yang dicadangkan ini akan bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras dan bertindak sebagai 'lead agency' dalam pembangunan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah, adalah dijangka bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri atau sektor swasta akan dapat dikurangkan.

BAHASA MALAYSIA — PENGUNAAN DI JABATAN KERAJAAN SABAH

37. Tuan Pitting Haji Mohd. Ali minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah tindakan Kementerian terhadap keengganan setengah-setengah Jabatan Kerajaan dan jabatan-jabatan Separuh Kerajaan di Sabah menggunakan Bahasa Malaysia dalam urusan dan surat-menyurat dalam negeri; dan
- (b) apakah pula langkah untuk menggalakkan firma-firma

swasta menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya dalam semua urusan dan surat-menyurat dalam negeri, kerana setakat ini masih ada borang-borang dari Jabatan-jabatan Kerajaan dan Jabatan-jabatan Separuh Kerajaan di Sabah tersedia dalam bahasa Inggeris. Kalau ya, bolehkah Menteri menjelaskan apakah langkah-langkah itu.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak mempunyai kuasa mutlak atau tanggungjawab untuk bertindak terhadap mana-mana pihak yang tidak menggunakan Bahasa Malaysia dalam urusan dan surat-menyurat rasmi atau tidak rasmi baik dalam negeri mahupun luar negeri. Pengawasan dan kawalan terhadap pelaksanaan dasar bahasa dan pengguna bahasa adalah dalam bidang kuasa kerajaan pusat dan kerajaan negeri, termasuk pihak penguasa tempatan. Apabila ada kes yang dikemukakan, maka Kementerian Pendidikan hanya akan merujuk perkara tersebut kepada pihak berkuasa negeri atau Jabatan Perdana Menteri untuk tindakan selanjutnya.

Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka, dapat dan bersedia memberikan syor dan nasihat kepada mana-mana pihak yang menghadapi masalah dalam menggunakan Bahasa Malaysia yang baik dan betul.

Kita sedia maklum bahawa Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi hendaklah digunakan dalam semua urusan dan surat-menyurat di jabatan Kerajaan dan jabatan separuh Kerajaan (badan berkanun), kecuali bagi beberapa maksud rasmi tertentu yang masih diizinkan menggunakan Bahasa Inggeris. Perkara ini telah ditetapkan oleh undang-undang dan telah diterima umum. Oleh itu tindakan boleh diam-

bil terhadap mana-mana sektor Kerajaan atau separuh Kerajaan yang enggan menggunakan Bahasa Melayu dalam urusan dan surat-menyurat dalam negeri.

Kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha untuk menggalakkan pihak swasta supaya memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia dalam urusan dan surat-menyurat mereka. Dalam hal ini sepatutnya semua urusan komunikasi dan surat-menyurat pihak swasta dengan sektor Kerajaan dibuat dalam Bahasa Malaysia sahaja. Oleh itu, Jabatan Kerajaan tidak seharusnya lagi melayan surat dari pihak swasta yang tidak menggunakan Bahasa Malaysia. Kita percaya bahawa pihak swasta akan lebih menghormati dan menggunakan Bahasa Malaysia apabila Jabatan Kerajaan sendiri bertindak lebih tegas dan menggunakannya dalam semua urusannya dengan pihak swasta.

Kita sedar bahawa terdapat beberapa banyak borang rasmi Kerajaan yang masih dalam Bahasa Inggeris, yang diizinkan penggunaannya. Borang-borang yang masih ada dalam Bahasa Inggeris ialah yang berkaitan dengan undang-undang dan peraturan rasmi. Kita percaya pihak Bahagian Terjemahan Jabatan Peguam Negara dan Jabatan-jabatan Kerajaan atau pihak-pihak lain yang berkaitan dengan penggunaan borang-borang tersebut sedang berusaha mengatasi masalah ini secara menyeluruh.

Kementerian Pendidikan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka sedia bekerjasama dengan mana-mana sektor yang berusaha menterjemahkan borang-borang Kerajaan yang masih dalam Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Malaysia, iaitu dengan tujuan hendak mengurangkan atau menghapuskan peruntukan yang mengizinkan penggunaan Bahasa Inggeris bagi maksud-maksud rasmi dalam negeri.

Setakat ini, langkah-langkah yang

dibuat untuk menggalakkan pihak swasta menggunakan Bahasa Malaysia bagi urusan dalam negeri termasuklah usaha-usaha yang diselenggarakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, iaitu memberi khidmat nasihat dalam bidang ejaan, peristilahan, tatabahasa, dan terjemahan; memberi taklimat tentang bahasa, pengedaran bahan-bahan pedoman bahasa, membantu menganjurkan kursus bahasa; mengadakan seminar dan seumpamanya. Gerakan Cintailah Bahasa kita juga menurutsertakan pihak swasta supaya mereka lebih terdedah dengan keperluan penggunaan Bahasa Malaysia.

PROJEK LEBUHRAYA UTARA-SELATAN — PERJANJIAN KONSESI

38. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah UEM akan memulakan kerja ke atas lebuh raya utara-selatan memandangkan kontrak telahpun ditandatangani antara syarikat tersebut dengan Kerajaan. Bolehkah menteri menerangkan sebab-sebab berlakunya kelewatan dan tarikh projek tersebut dijangka siap dan nyatakan jumlah pemborong tempatan yang terlibat dalam projek tersebut.

Dato' S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian konsesi projek lebuh raya utara-selatan ini telahpun berkuatkuasa mulai 31 Mei 1988 yang lalu. Di dalam perjanjian tersebut, Kerajaan telah menetapkan bahawa tempoh kerja pembinaan projek selama 7 tahun, bermula daripada tarikh berkuatkuasa perjanjian konsesi projek ini. Oleh yang demikian adalah dijangka kerja-kerja pembinaan projek ini akan siap sepenuhnya pada atau sebelum 31 Mei 1995 yang akan datang.

Buat masa ini, Kerajaan telah difahamkan bahawa kerja-kerja sebenar projek akan dimulakan pada 1 Ogos 1988 dengan pembinaan projek lebuh raya baru Lembah Kelang, Lebuh raya

Gurun-Sg. Petani dan Lebuh raya Pagoh-Yong Peng selatan. Ini bermakna projek ini adalah dimulakan lebih awal daripada yang dijadualkan.

Berhubung dengan jumlah pemborong tempatan yang akan terlibat di dalam pelaksanaan projek ini, buat masa ini Kerajaan tidak dapat memberikan jumlahnya oleh kerana kerja-kerja masih belum dimulakan. Walau bagaimanapun, bagi memastikan kerja-kerja kontrak dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor tempatan, serta mematuhi semua kehendak dan dasar-dasar Kerajaan, khasnya dalam melaksanakan dasar ekonomi baru, semua perkara tersebut telahpun dimasukkan dan termaktub di dalam perjanjian konsesi projek ini.

PROTON SAGA DIEKSPORT KE LUAR NEGERI

39. Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Perdana Menteri menyatakan sehingga Mei, 1988, berapa unitkah kereta PROTON SAGA yang dapat dipasarkan ke luar negeri. Nyatakan nama-nama negeri dan bilangan unit yang dapat dipasarkan di negara yang berkenaan secara berasingan. Dan nyatakan apakah model yang paling diminati dalam pasaran antarabangsa dan nyatakan juga berapakah jumlah pengeluaran beserta dengan modelnya secara berasingan dalam tahun-tahun yang berikut: 1986 dan 1987.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Sehingga 15hb Jun 1988, sebanyak 966 unit kereta PROTON SAGA telah dieksporth ke luar negeri. Negara-negara yang telah mengimport kereta nasional ialah:-

Negara	Bilangan (unit)
Bangladesh	127
Brunei Darussalam	120
New Zealand	168
Malta	80

Negara	Bilangan (unit)
Sri Langka	80
Eire	320
Jamaica	71
JUMLAH	966

Model kereta PROTON SAGA yang paling diminati di pasaran antarabangsa ialah 1.5 (Sedan).

Pengeluaran PROTON SAGA mengikut model adalah seperti berikut:-

Model	Tahun	
	1986	1987
1.3 Sedan	13,448	8,210
1.3 Sedan Aeroback	—	1,028
1.5 Sedan	11,239	12,558
1.5 I	244	1,447
1.5 I Aeroback	—	937
JUMLAH	24,931	24,180

PERTUBUHAN YANG DIHARAMKAN

40. Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah bilangan pertubuhan di negara kita yang telah diharamkan dengan memberi butir-butir lengkap tentang nama dan tarikh ianya diharamkan. Jika sesebuah pertubuhan itu yang tidak sah di sisi Undang-undang Pertubuhan bolehkah pertubuhan tersebut memohon untuk didaftar semula.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya sebuah pertubuhan yang diharamkan di bawah Seksyen 5 Akta Pertubuhan 1966 oleh Menteri Dalam Negeri. Pertubuhan itu ialah Persatuan Murid-murid Tua, Sekolah Menengah dan Rendah (C) San Min Telok Anson,

Perak dan tarikh diisytiharkan ialah 4 Julai 1979.

Berhubung dengan bahagian dua soalan Yang Berhormat, tiap-tiap pertubuhan tempatan selain daripada yang dikenakan perintah oleh Menteri di bawah Seksyen 5, bolehlah memohon untuk mendaftarkannya di bawah Seksyen 6 Akta Pertubuhan 1966 dan pendaftarannya tertakluk kepada Seksyen 7 Akta yang sama.

LEMBAGA JAGUNG NEGARA — PENUBUHAN

41. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pertanian Malaysia menyatakan tentang projek atau penubuhan Lembaga Jagung Negara. Sejauh ini apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menambah pengeluaran jagung. Berapa luaskah tanah yang dicadangkan dan di mana. Beri jumlah tersebut, berapa luaskah yang telah diusahakan dan di mana.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Penubuhan Lembaga Jagung Negara dicadangkan di peringkat awal sebagai antara langkah bagi mempergiatkan pengeluaran jagung di dalam negara. Walau bagaimanapun, setelah dikaji semula keperluan asas dan justifikasi penubuhan Lembaga Jagung Negara terutamanya dalam konteks penanaman jagung sebagai satu usaha/projek yang berdayamaju lagi menguntungkan, maka Kerajaan telah memutuskan bahawa pada masa ini adalah memadai sebuah Majlis ditubuhkan dahulu dan Majlis ini dinamakan Majlis Industri Jagung Negara (MIJN).

MIJN akan berperanan sebagai sebuah badan untuk menasihati dan membantu Kerajaan dalam menggubal dasar, menggalakkan penanaman jagung bijirin serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya, menyelaraskan pembangunan perusahaan berkenaan serta mengumpul dan menganalisa

maklumat-maklumat berhubung dengan pembangunan industri tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah sedang diambil untuk mengenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai bagi penanaman jagung. Sebagai permulaan, kemungkinan untuk mengadakan satu projek usahasama yang melibatkan pelabur luar negeri sedang diusahakan. Mengikut kajian awal, pulangan daripada penanaman jagung bijirin adalah rendah, iaitu \$700 sehektar semusim berbanding dengan tanaman-tanaman lain sebanyak \$2,000 sehektar semusim. Dalam hubungan ini, ingin dijelaskan bahawa untuk mendapat faedah daripada "bidangan ekonomi" (economies of scale), jagung perlu ditanam di kawasan tanah yang luas. Sudah pasti setelah MIJN beroperasi nanti, pembangunan industri jagung di dalam negara akan lebih teratur dan seimbang.

Dalam pada itu, ingin dimaklumkan bahawa pihak Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak telah menanam jagung bijirin seluas 80 hektar di kawasan Mukim Lambor, Perak Tengah. Walau bagaimanapun, projek ini masih lagi di peringkat percubaan. Sekiranya berjaya, projek ini akan diperluaskan lagi sehingga 500 hektar di kawasan yang sama.

KADAR KEMISKINAN

42. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah benar dakwaan yang mengatakan 'poverty rate' di Malaysia adalah tinggi;
- (b) apakah kriteria yang digunakan untuk menentukan paras 'poverty rate' ini; dan
- (c) berapakah pendapatan per kapita kita dan berikan justifikasi atas kemampuan kita meng-

gunakan garis pendapatan tersebut sebagai sukatan yang paling berkesan atau 'reliable' untuk menentukan keunggulan ekonomi kita.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):

- (a) Adalah tidak benar kadar kemiskinan di Malaysia pada tahap 18 peratus pada masa ini dianggap tinggi. Harus diingat kadar kemiskinan pada tahun 1970 adalah kira-kira 50 peratus. Jika dibandingkan dengan tahap yang terdapat di negara-negara lain yang sedang membangun, kedudukan kemiskinan di Malaysia adalah dianggap antara yang paling rendah.
- (b) Kadar kemiskinan di Malaysia dikira berasaskan satu pendapatan garis kemiskinan yang mengambilkira bukan sahaja keperluan asas makanan sesebuah isirumah tetapi juga keperluan-keperluan minimum yang lain. Garis ini ditentu berdasarkan taraf hidup di Malaysia sendiri. Isirumah yang mempunyai pendapatan kurang daripada garis kemiskinan ini adalah dianggap sebagai miskin. Perlu dijelaskan bahawa pendapatan yang diambilkira bukan sahaja pendapatan tunai tetapi merangkumi juga pendapatan bukan tunai. Peratus isirumah miskin daripada jumlah penduduk adalah ditakrifkan sebagai kadar kemiskinan.
- (c) Pendapatan per kapita negara mengikut harga semasa ialah kira-kira \$4,400 dalam tahun 1987. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan pendapatan per kapita ini merupakan satu indikator yang

biasa digunakan secara meluas untuk mengetahui kemajuan ekonomi sesebuah negara. Ia tidaklah sekali-kali dianggap sebagai sukatan yang paling berkesan atau 'reliable' bagi mengukur kemajuan ekonomi. Di samping pendapatan per kapita, banyak lagi petunjuk-petunjuk lain digunakan sebagai sokongan seperti kadar kemiskinan, agihan pendapatan, liputan kemudahan-kemudahan asas, penggunaan dan pelaburan per kapita serta kadar pertumbuhan ekonomi.

KWSP—PENYELEWENGAN KELUARAN WANG

43. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil berhubung dengan penyelewengan keluaran wang KWSP.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Pertanyaan Ahli Yang Berhormat telahpun dijawab semasa saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah pada 28.6.1988. Oleh itu saya tidak bercadang mengulangi jawapannya.

DISIPLIN DI SEKOLAH-SEKOLAH

44. Tuan Gerald Math Lee Min minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (i) bilangan sekolah dalam negara ini yang telah disenarai-hitamkan kerana rekod kemerosotan disiplin;
- (ii) namakan sekolah yang terlibat dan jenis kemerosotan disiplin; dan
- (iii) apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah ini.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (i) Kementerian Pendidikan tidak mempunyai bilangan sekolah dalam negara ini yang telah disenarai-hitamkan kerana kemerosotan disiplin.
- (ii) Oleh kerana soalan ini ada hubungan dengan soalan di atas, maka nama-nama sekolah yang terlibat dengan kemerosotan disiplin tidak ada. Sungguhpun begitu, untuk makluman Yang Berhormat, jenis kemerosotan disiplin yang terdapat di sekolah-sekolah ialah:

Datang lewat,
Bergaduh/bertumbuk,
Ponteng sekolah,
Mencuri,
Bersifat kurang sopan terhadap guru-guru,
Ponteng kelas,
Berambut panjang,
Menghisap rokok,
Berjudi,
Menganggotai kumpulan haram,
Memeras ugut,
Menghidu gam,
Merosakkan harta benda sekolah.

- (iii) Langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pendidikan bagi mengatasi masalah ini ialah:

- (i) Menerbitkan Buku Panduan Disiplin bagi pelajar-pelajar yang akan menggariskan perkara-perkara seperti tanggungjawab pelajar, cara-cara menyelesaikan masalah, bimbingan, kerjaya dan tafsiran mengenai disiplin.

- (ii) Mengadakan satu siri ceramah mengenai disiplin melalui Radio Pendidikan dan TV Pendidikan.
 - (iii) Menyiarkan rencana dan makalah yang menerapkan nilai positif disiplin melalui media massa termasuk majalah atau komik untuk kanak-kanak.
 - (iv) Mengedarkan poster ke sekolah-sekolah dari semasa ke semasa yang bertemakan pembentukan perlakuan.
 - (v) Mencadangkan supaya pengurusan dan pentadbiran disiplin dimasukkan ke dalam kurikulum latihan perguruan di maktab dan universiti.
 - (vi) Mencadangkan supaya sistem ganjaran di sekolah perlu meliputi semua aspek disiplin dan tidak hanya terbatas kepada prestasi akademik dan ko-kurikulum semata-mata.
 - (vii) Mengenakan tindakan tegas kepada pelajar yang didapati melanggar disiplin sekolah yang dianggap berat seperti melakukan kegiatan jenayah dan penyalahgunaan dadah.
- ngan memberi butir-butir penjara terlibat dan bilangan pegawai penjara yang telah dikenalpasti sebagai terlibat dalam menyeludup dadah ke dalam penjara-penjara;
- (b) adakah Jawatankuasa khas yang ditubuhkan untuk mengkaji masalah dadah dalam penjara telah menyiapkan laporannya dan jika ada apakah cadangan-cadangan tertentu jawatankuasa tersebut;
 - (c) bilangan pegawai-pegawai penjara yang telah dikenakan tindakan disiplin sehingga akhir Mei 1988 bagi kesalahan dadah beberapa banyak yang dihadapkan ke mahkamah di bawah seksyen 39 (b) Akta Dadah Berbahaya; dan
 - (d) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah pegawai-pegawai penjara daripada menyeludupkan dadah dalam penjara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Soalan Yang Berhormat ini telahpun saya jawab bersama dengan soalan No. 5 dari Yang Berhormat Sandakan pada 28.6.1988. Oleh itu saya tidaklah bercadang untuk membuat apa-apa jawapan tambahan.

PROTON SAGA MEMASANG EKSESORI

46. Dr. Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah 'optional extras' seperti radio kaset dijual sebagai 'compulsory package' kepada bakal-bakal pembeli kereta PROTON SAGA, dan bahawa cara-cara penjualan ini tidak menggalakkan pembeli-pembeli dan ini menjejaskan tujuan penjualan maksimum kereta itu.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Langkah Proton memasang pembeli-pembeli kereta PROTON SAGA mendapat nilai

DADAH DALAM PENJARA

45. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) bagaimanakah serius masalah dadah dalam penjara kita de-

terbaik dalam pembelian kereta itu. Melalui cara demikian Proton dapat menjamin kawalan mutu alat-alat aksesori tersebut dengan cara pemasangan melalui kilang sendiri. Alat-alat aksesori yang dimaksudkan adalah seperti pendingin udara, radio kaset, tikar getah dan penghadang lumpur. Harga alat-alat ini adalah kompetitif dan berseesuaian serta memenuhi spesifikasi untuk dipasang pada kereta PROTON SAGA.

Langkah ini tidak menjejaskan penjualan kereta PROTON SAGA kepada pembelian tempatan.

SIJIL BERANAK PALSU

47. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) setakat 30hb. Jun, 1988 berapakah jumlah sijil beranak yang tidak dituntut dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyerahkan sijil-sijil beranak ini kepada pemilik-pemilikinya yang sah; dan
- (b) berapakah seriusnya masalah sijil-sijil beranak palsu di Malaysia dan menyatakan sama ada mana-mana sindiket telah ditangkap dan bagaimanakah Kerajaan dapat mengesan sijil-sijil beranak palsu yang telah dikeluarkan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Kerajaan tiada menyimpan perangkaan sijil beranak yang tidak dituntut kerana jumlahnya terlalu kecil. Bagi kanak-kanak yang lahir di hospital, ibubapa/pemaklum boleh mendapatkan sijil beranak berkenaan selepas satu minggu dari tarikh melapor kehilangan. Sekiranya, selepas 3 bulan sijil tersebut tidak dituntut, Pendaftar Kelahiran di negeri masing-masing akan menghubungi ibubapa/

pemaklum untuk datang mengambalnya.

- (b) Masalah sijil beranak palsu di Malaysia adalah tidak serius kerana bilangan yang terlibat sangat kecil dan JPN akan bekerjasama dengan pihak Polis apabila timbul kes-kes mengenainya. Hanya satu sindiket yang disyaki terlibat pada awal tahun ini telah dikesan dan kesnya sedang disiasat. Kerajaan mempunyai cara-cara tersendiri untuk mengesan sijil-sijil beranak yang dikeluarkan secara palsu.

KEGIATAN KONGSI GELAP DI SEKOLAH-SEKOLAH

48. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pihak polis sudah menjalankan satu siasatan yang rapi dan teliti berkenaan dengan tuduhan-tuduhan bahawa kegiatan-kegiatan kongsi gelap atau gangster sudah wujud dalam beberapa sekolah dalam negeri terutamanya dalam sekolah-sekolah di Seberang Perai Tengah, jika ya, apakah keadaan sebenarnya, jika tidak, sama ada pihak polis ingin membuat siasatan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa ada kegiatan kongsi gelap dalam sekolah-sekolah di Seberang Perai Tengah, setelah berlakunya kejadian kes peras ugut di Sekolah Jit Sin, Jalan Aston, Bukit Mertajam pada 2.3.1988 yang melibatkan empat orang pelajar. Polis sedang menyiasat dengan teliti kes ini.

INDUSTRI PELANCONGAN DI SELANGOR

49. Tuan S.S Subramaniam minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan adakah Menteri sedar Negeri Selangor mempunyai beberapa tempat istimewa yang boleh digunakan

untuk menarik pelancong-pelancong dari luar negeri, tetapi kos pembangunan tersebut sangat tinggi untuk dibiayai oleh pihak swasta sahaja. Apakah tindakan yang sedang diambil oleh pihak Kementerian untuk membangun industri pelancongan di Negeri Selangor Darul Ehsan. Sebab apakah pihak Kerajaan Pusat dan Negeri tidak boleh membantu pihak swasta untuk mengadakan infrastruktur dan sistem galakan seperti taraf printis dan lain-lain, untuk membangun industri pelancongan di Negeri Selangor Darul Ehsan.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Kementerian memang sedar bahawa Negeri Selangor Darul Ehsan mempunyai tempat-tempat tarikan pelancong, lebih-lebih lagi kerana ia berhampiran dengan Kuala Lumpur yang merupakan pintu masuk utama ke Malaysia. Dalam usaha penggalakan pelancongan, Kementerian sentiasa mengutarakan tarikan-tarikan pelancongan yang utama di seluruh negara termasuk Negeri Selangor Darul Ehsan.

Berhubung dengan pertanyaan yang menyentuh akan bantuan dari pihak Kerajaan Pusat dan Negeri kepada pihak swasta untuk di bawah Rancangan Malaysia Kelima (RML), Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri telah menumpu usaha-usahnya dalam menyediakan kemudahan-kemudahan asas, mengawal pencemaran serta mempertingkatkan kemudahan-kemudahan asas kepada para pelancong. Sebahagian besar daripada usaha membangunkan projek-projek pelancongan dijangka akan dilaksanakan oleh sektor swasta sementara sektor awam akan terus memberi sokongan kepada sektor swasta dalam bentuk:-

- (a) Galakan yang terdapat di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986;
- (b) Aktiviti penggalakan dan pemasaran;

(c) Peruntukan infrastruktur;

(d) Pembiayaan di bawah Tabung Pelaburan Baru (NIF) yang dilancarkan pada bulan September 1985.

KEMPEN SEMARAK

50. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Penerangan menyatakan tujuan sebenar kempen SEMARAK yang sedang dijalankan di semua kawasan dan kos yang diperlukan untuk setiap kempen tersebut. Berapa lamakah Kerajaan ingin menjalankan kempen seperti yang tersebut.

Tuan Railey bin Jaffrey: Jawapan bagi soalan ini adalah sama seperti jawapan bagi soalan No. 3 dari Yang Berhormat Ahli dari Bukit Bintang yang dijawab di Dewan ini pada 27.6.1988. Kementerian ini tidak ingin membuat tambahan kepada jawapan tersebut.

KENDERAAN PERDAGANGAN —PEMERIKSAAN

51. Dr. Eng Seng Chai minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah cadangan Menteriannya mengatasi masalah-masalah yang sedang ada di dalam Akta "Commercial Vehicles Licensing Board 1987" di mana didapati pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis menghadapi kesulitan menahan dan memeriksa kereta-kereta komersial.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Napsiah binti Omar): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis tidak menghadapi kesulitan untuk menahan dan memeriksa kenderaan perdagangan. Pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan boleh menahan dan memeriksa kenderaan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Buat masa ini oleh kerana tidak ada kesulitan, Kementerian tidak bercadang untuk mengambil apa-apa langkah bagi mengatasinya.

PEMBUNUHAN RAKYAT ASING DI SANDAKAN

52. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kerajaan telah siap membuat siasatan ke atas percubaan kumpulan lapan orang (yang telahpun ditembak mati oleh polis) untuk menyerang Balai Polis di Sandakan pada 16.5.1988. Kalau sudah, nyatakan:-

- (a) nama kelapan-lapan orang itu serta bangsa dan asal usul mereka;
- (b) apakah motif mereka sebenarnya; dan
- (c) apakah tindakan kerajaan demi untuk memastikan agar peristiwa seperti itu tidak akan berulang lagi.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telahpun saya jawab bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat dari Sandakan pada 27.6.1988. Oleh itu saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

KEMPEN ANTI-AIDS

53. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) kenapa jumlah kes AIDS yang dikesani kian meningkat walaupun wujud kempen anti AIDS yang begitu luas; dan
- (b) adakah ini bermakna kempen anti-AIDS itu tidak berkesan dan mempunyai kelemahan, sila jelaskan.

Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, semenjak 1985 sehingga 30.6.1988, hanya 3 kes AIDS telah dikesan di negara ini.

(b) Tetapi kita telah mengesan seramai 16 orang Pembawa AIDS (Carriers), 8 orang dari mereka adalah pesakit Haemophilia, yang telah dijangkiti kuman AIDS ini melalui hasil darah (factor 8) yang diberi kepada mereka secara rawatan. Hasil darah yang diimport sebelum tahun 1985 tidak terjamin bebas dari kuman AIDS.

(c) Jumlah kes dan pembawa AIDS ini adalah masih sedikit sahaja dan tidak membuktikan bahawa Kempen Anti AIDS kita tidak berkesan. Jangkitan kuman AIDS kepada pesakit Haemophilia itu telah tidak dapat dielakkan.

PROTON SAGA KE AMERIKA —PENGEDARAN

54. Tuan Ahmad bin Omar minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan dari segi pengedaran kereta Saga ke Amerika. Apakah kelewatan rancangan eksport kereta nasional ke Amerika ini disebabkan perubahan korporat dalam Syarikat Induk Proton Amerika Inc. (PAI), Global Motor Inc.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Berhubung dengan langkah untuk mengedar PROTON SAGA ke Amerika Syarikat, pihak Proton sedang giat mengaturnya. Ini termasuklah persediaan untuk mengubahsuai spesifikasi untuk disesuaikan dengan keperluan Amerika Syarikat. Selain daripada itu, ujian sedang dijalankan ke atas PROTON SAGA supaya dapat memenuhi piawai keselamatan dan kawalan emisi (emission control). Sebenarnya kerja-kerja pengubahsuaian inilah yang menyebabkan kelewatan PROTON SAGA memasuki pasaran Amerika Syarikat dan bukanlah disebabkan oleh perubahan korporat dalam Syarikat Induk Proton American Inc. (PAI), Global Motor Inc.

**URUSETIA HAL EH WAL
WANITA (HAWA) —
PENUBUHAN**

55. Dr. Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan sejak penubuhan Urusetia Hal Ehwal Wanita (HAWA), apakah di antara usaha-usaha atau kejayaan yang tercapai untuk mengubah serta mendidik hak-hak dan status perundangan (legal status and rights) wanita di Malaysia secara keseluruhannya. Bagaimana pula dengan pencapaian dalam kebajikan serta kemajuan ekonomi kaum wanita.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman: Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sekarang ini sedang di dalam tahap penggubalan Dasar Wanita. Walaupun Dasar ini sedang dalam proses penggubalan tapi pertubuhan-pertubuhan Wanita telah dapat mencapai beberapa kejayaan di dalam bidang perundangan hak-hak wanita melalui beberapa akta yang telah diterima oleh Kerajaan dan telah dilaksanakan seperti:-

1. Law Reform (Marriage and Divorce Act, 1976 for non-Muslims);
2. Undang-undang Keluarga Islam;
3. Persamaan gaji di dalam Perkhidmatan Awam;
4. Persamaan hak menceburi di dalam pekerjaan yang dulunya belum ditempuhi oleh Wanita, seperti Kejuruteraan, Kedokteran dan Pertahanan; dan
5. Women dan Girls Protection Act 1986.

Dari segi kebajikan, wanita di negara ini telah dapat menikmati kemajuan di dalam berbagai bidang termasuklah bidang kesihatan, pelajaran dan sosial. Kerajaan telah mengambil berat atas soal-soal kesihatan kaum wanita ter-

utamanya ibu-ibu yang mengandung. Kaum wanita juga tidak dibezakan dalam mendapatkan pelajaran. Mereka tidak pernah dihalang untuk melanjutkan pelajaran sehingga ke tahap yang paling tinggi. Mereka juga sama-sama mempunyai peluang dalam mendapatkan biasiswa dan lain-lain kemudahan pelajaran dan juga sama berpeluang mengikuti kursus-kursus pakar di dalam berbagai bidang.

Dari segi ekonomi pula, kaum wanita tidak ketinggalan diberikan peluang untuk bergiat di dalam aktiviti ekonomi seperti perniagaan, pembinaan dan sebagainya. Mereka diberi peluang yang sama di dalam memenangi tender-tender kerajaan ataupun menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan termasuk kemudahan kredit bahan-bahan dari agensi-agensi Kerajaan dan juga kemudahan pinjaman bank-bank.

**PAMPASAN KEPADA PETANI DI
CAMERON HIGHLAND**

56. Tuan Hu Sepang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa pihak LLN tidak bercadang memberi pampasan kepada penanam-penanam sayur, bunga dan buah-buahan di Cameron Highland yang mana tanaman-tanaman mereka dimusnahkan apabila pihak LLN membuka ampangannya di Cameron Highland baru-baru ini untuk membenarkan air mengalir keluar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): LLN tidak bercadang untuk membayar pampasan kepada petani-petani di Lembah Bertam, Cameron Highlands berikutan dengan peristiwa 19.5.1988 kerana beberapa sebab, di antaranya:-

- (a) Kesemua ladang-ladang yang terlibat itu adalah terletak di bahagian aliran sungai, sim-

panan sungai atau di dalam kawasan banjir.

(b) Petani-petani telah diberitahu awal-awal lagi mengenai risiko-risiko bercucuk tanam di kawasan berkenaan melalui Jawatankuasa Tindakan Daerah, Cameron Highlands.

(c) Ada petani-petani yang mana yang telah menambak tebing-tebing Sungai Bertam menyebabkan aliran sungai tersebut menjadi cetek dan sempit.

Setiap tahun Tabung Haji ada membantu sebahagian dari perbelanjaan Urusan Haji dari keuntungannya. Jumlahnya adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Bantuan Tabung Haji
1981..	0.77 juta
1983..	0.63 juta
1984..	1.05 juta
1985..	0.75 juta
1986..	0.41 juta
1987..	0.35 juta

PEJABAT TABUNG HAJI DAN BILANGAN PENDEPOSIT

57. Tuan Haji Mohd. Sam Sailan minta Perdana Menteri menerangkan sejak penubuhan Tabung Haji, berapa banyak pejabat Tabung Haji telah diwujudkan di seluruh negara. Nyatakan juga jumlah ahli, jumlah caruman serta harta yang telah terkumpul sehingga hari ini. Adakah Tabung Haji menggunakan keuntungan daripada pelaburan Tabung Haji untuk membantu "Subsidi" kepada bakal-bakal haji. Kalau ya, berapa banyak dan kalau tidak mengapa?

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Sejak penubuhan Tabung Haji hingga 31 Mei, 1988 sejumlah 75 buah pejabat Tabung Haji telah diwujudkan di seluruh negara.

Bilangan pendeposit terkumpul Tabung Haji hingga 31 Mei, 1988 adalah seramai 1,212,363 orang dan jumlah simpanan terkumpul adalah sebanyak \$2.42 ribu juta, manakala simpanan bersih (setelah ditolak pengeluaran Wang Naik Haji dan lain-lain tujuan) adalah sebanyak \$730.6 juta. Jumlah harta Tabung Haji pada 31 Mei, 1988 atas harga belian adalah lebih kurang \$853.7 juta.

BUKU TEKS DI SEKOLAH

58. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (i) apakah bentuk dan garis panduan yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan terhadap penggunaan sesebuah buku teks di sekolah;
- (ii) penggunaan buku teks Kesusasteraan Melayu Tingkatan 6, Novel Keluarga Gerilya oleh Promodnya Anantatoer. Semenjak bilakah buku ini digunakan. Kenapa begitu lama. Kenapa kita tidak menggunakan teks/novel karangan anak Malaysia sendiri; dan
- (iii) bagaimana tentang kemasukan buku-buku ulangkaji SRP, SPM dan STPM yang terlebih dahulu tidak mendapat kebenaran Kementerian Pendidikan tetapi digunakan oleh guru-guru di sekolah-sekolah. Apakah sikap dan perhitungan Kementerian sebenarnya.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (i) Kementerian Pendidikan memang mempunyai dasar dan

garis panduan mengenai pemilihan, penukaran dan penggunaan sesebuah buku teks di sekolah yang telah diperakukan. Oleh itu semua sekolah adalah dimestikan mematuhi aspek-aspek dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

- (ii) Novel Keluarga Gerilya telah digunakan sebagai buku teks Tingkatan 6 sejak 1976. Novel ini digunakan agak lama kerana Kementerian Pendidikan terpaksa terus menggunakan semua sukatan pelajaran Cambridge termasuk Bahasa Malaysia apabila mengambilalih pengendalian peperiksaan STP/HSC dari Lembaga Peperiksaan Cambridge.

Kementerian Pendidikan memang ada menggunakan buku teks Tingkatan 6 karangan penulis tempatan seperti novel yang berjudul Sandera oleh Arena Wati dan Kementerian Pendidikan juga sedang mengkaji semula sukatan pelajaran Bahasa Malaysia STPM dengan tujuan untuk menggunakan lebih banyak buku karangan penulis tempatan.

- (iii) Pada masa ini semua sekolah rendah dan menengah menggunakan buku-buku teks yang telah dilulus dan diperakukan oleh Kementerian Pendidikan. Buku ulangkaji SRP, SPM dan STPM yang digunakan di sekolah-sekolah, hanya merupakan bahan tambahan untuk membantu guru-guru bagi mempertingkatkan lagi latihan kemahiran. Penggunaan buku-buku tersebut bergantung kepada keperluan sekolah berkenaan, tetapi mestilah tidak membebankan ibu bapa dan juga bahan tersebut hendaklah

sesuai dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan sedang merancang untuk mengawal penggunaan buku-buku tersebut dalam program KBSM yang sedang dilaksanakan.

WANITA ISLAM BEKERJA DI RUMAH URUT/BAR

59. Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff minta Perdana Menteri menjelaskan adakah pihak Kerajaan menghalang wanita-wanita Islam dari bekerja di rumah-rumah urut dan bar-bar di seluruh negara selaras dengan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Pendekatan yang telah dan sedang diambil terhadap masalah ini ialah melalui aktiviti dakwah dan pendidikan agama serta mempertingkatkan ekonomi orang Islam. Ini merupakan tindakan-tindakan secara tidak langsung bagi menyelesaikan semua masalah kemiskinan.

Sementara itu wanita-wanita Islam yang bekerja di rumah-rumah urut dan bar-bar adalah merupakan satu kesalahan yang ada diperuntukkan dalam undang-undang Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan. Lain-lain negeri sedang menimbang untuk mengadakan undang-undang yang serupa.

JAMBATAN PULAU PINANG — KUTIPAN TOL

60. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) Jumlah kutipan tol bagi pengguna jambatan Pulau Pinang bagi tempoh masa 1987 hingga Mei 1988 dan
- (b) Angka pecahan bilang lori, kereta, motosikal yang meng-

gunakan jambatan tersebut sejak pembukaan rasmi pada tahun 1985.

Dato' S. Samy Vellu:

- (a) Jumlah kutipan tol jambatan Pulau Pinang dalam tahun 1987 sehingga bulan Mei 1988 adalah berjumlah \$32,583,213.00.
- (b) Pembahagian jenis kenderaan seperti lori, kereta dan motosikal yang menggunakan jambatan Pulau Pinang sejak pembukaan rasmi pada 14 September 1985 hingga 31 Mei 1988 adalah seperti berikut:-

Lori/bas/van..	918,884 buah
Kereta..	4,911,509 buah
Motosikal..	3,674,103 buah
Jumlah semua	9,504,496 buah

PENTERNAK LEMBU SUSU

61. Puan Hajjah Sharifah Dorah binti Dato' Syed Mohammed minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) Apakah langkah Kementerian untuk membantu mengatasi masalah 'Penternak-penternak Lembu susu' yang mana pihak Jabatan Pertanian sendiri enggan membeli susu yang telah diperah. Keadaan ini menimbulkan kerugian besar kepada si-penternak dan menimbulkan rasa gusar kepada Kerajaan;
- (b) Di waktu yang sama tidakkah Kementerian Pertanian melalui agensi-agensinya yang lain memberikan kursus atau bimbingan bagaimana susu-susu itu boleh menjadi di antara lain

- (i) Susu Pekat
- (ii) Susu Tepung
- (iii) Minyak Sapi
- (iv) Keju

- (v) Mentega
- (vi) Tairu dan lain-lain serta mendirikan satu "PU-SAT PENGUMPULAN DAN PEMEROSAN" disatu-satu kawasan seperti yang dilakukan oleh RISDA kepada pekebun-pekebun kecil.

Datuk Seri Sanusi bin Junid:

- (a) Dalam usaha membantu dan memudahkan pemasaran susu yang dikeluarkan oleh penternak-penternak, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah menubuhkan 40 buah pusat pengumpulan susu di kawasan-kawasan pengeluaran susu di Semenanjung Malaysia.

Pusat-pusat pengumpulan susu tersebut di samping memberi perkhidmatan sokongan lain juga berperanan dalam membeli semua susu yang dihasilkan oleh penternak, dengan syarat susu itu menemui piawaian minima. Namun begitu sekiranya seseorang penternak hendak memasarkan susu yang dikeluarkan dengan sendiri adalah dibenarkan.

- (b) Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan melaksanakan latihan berbentuk amali serta memberi bimbingan kepada penternak-penternak yang berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pemerosan susu yang mudah terutamanya dadih dan minyak sapi. Latihan dalam bidang ini adalah terbuka kepada penternak dan sekiranya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kaum penternak latihan secara formal boleh diaturkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Peng-

libatan penternak-penternak dalam pemerosesan bahan-bahan lain seperti susu pekat, susu tepung dan lain-lain sedang diteliti, untuk menentukan kos pengeluaran serta dayamajunya. Bagi memudahkan aktiviti pemerosesan susu, 13 daripada pusat-pusat pengumpulan susu mempunyai kemudahan pemerosesan terutamanya dalam mengeluarkan susu 'pasteurised' dan dadih.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN DALAM NEGERI (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG ORDINAN DARURAT (KETENTERAMAN AWAM DAN MENCEGAH JENAYAH) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MEMBAHARUI UNDANG- UNDANG (PENGHAPUSAN SAMSU GELAP) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (4hb Julai, 1988).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat dari Sungai Petani dijemput menyambung.

3.38 ptg.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Bismillahir-rahmanir-rahim.

Dalam perbincangan saya semalam, saya telah mencadangkan bukan sahaja samsu gelap atau samsu cerah malah semua jenis minuman yang memabukkan hendaklah diharamkan dan yang keduanya memperbaiki taraf hidup pekerja-pekerja ladang supaya mereka tidak terlibat dengan minuman samsu iaitu apabila mereka mendapat bekalan elektrik yang cukup, maka masa lapang mereka boleh digunakan untuk melihat televisyen, bukanlah membuang masa dengan minuman samsu kerana kebanyakan pekerja-pekerja ladang yang minum samsu adalah kerana mereka tidak dapat melihat

televisyen dan lain-lain hiburan. Dengan sebab itu mereka telah membuang masa tersebut dengan minum samsu untuk menghilangkan kerisauan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sesungguhnya sedar bahawa negara kita adalah negara berbilang kaum dan berbilang agama, tetapi cuba kita fikir dan renungkan betul-betul orang-orang yang menganut agama manakah yang sanggup melihat orang mabuk memukul dan membuat kacau anak isteri orang.

Kaum mana, bangsa mana yang mahu melihat kacau bilau berlaku di dalam bandar atau di atas jalanraya akibat daripada mabuk. Agama dan kaum mana, bangsa mana mahu melihat orang-orang mabuk membawa kereta dan berlaku kemalangan yang dahsyat di jalanraya. Saya rasa tidak ada satu bangsa, tidak ada satu kaum, tidak ada satu agama yang bersetuju dengan peristiwa mabuk dan asal usul mabuk itu. Dengan sebab itu perlulah pihak kita mengambil perhatian dan meneliti supaya minuman-minuman keras dan minuman mabuk itu diharamkan.

Saya percaya pihak akhbar-akhbar boleh memainkan peranan yang penting bagi menonjol perkara ini. Barangkali pihak akhbar-akhbar yang dapat membuat tinjauan umum untuk mendapat pendapat umum yang terdiri daripada orang-orang awam dari berbagai-bagai agama dan kaum sama ada mereka bersetuju atau tidak supaya minuman-minuman keras dan minuman-minuman memabukkan ini diharamkan.

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

3.43 *ptg.*

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kerajaan mengharapkan tindakan mengenakan hukuman yang lebih berat ke atas kegiatan mengilang dan memperdagang samsu gelap akan menegah mereka yang terlibat dari meneruskan usaha mereka ia adalah tidak mencukupi. Selagi penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada bersama dengan pindaannya sekali adalah kurang cekap maka hasrat Kerajaan tidak akan tercapai dan undang-undang tersebut adalah tidak berkesan. Sekiranya Kerajaan berkeras kepala hendak mengatakan hukuman berat berkesan dan usaha-usaha penguatkuasaan sekian lama ini adalah baik juga maka mengapakah Akta Ibu Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 adalah tidak berkesan sejak tahun bermulanya dikuatkuasakan hingga sekarang iaitu 12 tahun di mana masalah penjualan dan pengilangan samsu gelap tetap wujud dan nam-paknya bertambah-tambah pula.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat daripada Bukit Bintang, saya akan tambahkan lagi. Dalam tahun 1977 terdapat 18 kematian di Seremban yang berhasil daripada minuman samsu gelap. Pada tahun 1979 pula seramai 21 orang mati juga disebabkan oleh samsu gelap. Kematian-kematian ini direkodkan di kedua-kedua Negeri Selangor Darul Ehsan dan Bukit Mertajam. Bilangan ini terus meningkat kepada 32 orang yang mati di Lunas, Kedah pada tahun 1981.

Sesungguhnya maklumat-maklumat diberi ini adalah dari negeri-negeri berlainan angka-angka itu tidak menunjukkan bahawa dari setahun ke setahun bilangan orang yang mati daripada minuman samsu gelap meningkat pada keseluruhannya. Ini menunjukkan Akta yang sedia ada tidak dapat dikuatkuasakan dengan berkesan.

Jika keempat-empat kematian yang berlaku di Ladang Kelapa Sawit Trans Kerian, Parit Buntar, Perak tidak membongkar keadaan ketagihan samsu gelap yang serius di mana dilaporkan bahawa setiap keluarga di ladang tersebut ketagihkan samsu gelap maka Rang Undang-undang ini mungkin tidak dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya Kerajaan akan dipergunakan dengan tindakan mengenakan hukuman yang berat dan enggan mengakui kenyataan bahawa penguatkuasaan Undang-undang ini juga bermasalah dan adalah salah satu daripada sebab-sebab mengapa kegiatan mengilang dan memperdagang samsu gelap tetap wujud sesungguhnya negara kita sudah mempunyai Undang-undang untuk menegahkan kegiatan yang buruk ini. Apakah pula yang akan dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk merangka semula unit penguatkuasaannya?

Sekadar mengadakan Undang-undang tanpa penguatkuasaan yang cekap dan berkesan adalah sama seperti menabur bijian ke tasik. Oleh itu Kerajaan perlu memberi pertimbangan kepada soal sama ada kita mempunyai kemampuan untuk menguatkuasakan Undang-undang ini dengan berkesan dan selain daripada itu kami juga bimbang kalau-kalau ada kumpulan orang tertentu yang mengambil kesempatan untuk memonopolikan pengeluaran serta penjualan samsu dengan kebenaran Kerajaan.

Sekiranya perkara ini dibenarkan maka ia adalah tidak begitu baik bagi pekerja. Lebih-lebih lagi apabila kemungkinan berlakunya penyelewengan mahu pun penjejasan pekerja amatlah tinggi dalam sesuatu monopoli. Dari segi ini nampaknya Yang Berhormat Menteri tidak menyentuh soal monopoli yang saya berharap dapat dipertimbangkan dan saya pun berharap dalam usaha untuk menguatkuasakan Rang Undang-undang ini apabila diluluskan

kelak Yang Berhormat Menteri tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang tegas kerana nampak semalam beliau lewat sampai ke Dewan yang mulia ini sehingga tidak dapat membentangkan Rang Undang-undang ini dan Dewan terpaksa ditangguhkan 10 minit untuk mencari Yang Berhormat Menteri. Saya berharaplah di dalam usaha untuk meluluskan dan menguatkuasakan Rang Undang-undang ini perkara seperti ini tidak akan diulangi.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun berbezanya pendapat di antara kita asasnya adalah pendidikan orang ramai adalah paling penting sekali dalam usaha-usaha Kerajaan untuk mengikis ketagihan samsu gelap. Pendidikan orang ramailah satu-satunya senjata yang boleh digunakan untuk menawan culture samsu gelap dengan berkesan sekali. Apakah pula peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan bagi mengerah serta menggalak pendidikan orang ramai terutama mereka yang ketagih samsu gelap dan masih berpeluang diselamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan untuk mendidik orang ramai mengenai keburukan ketagihan alkohol atau samsu gelap menjadi lebih didesak lagi apabila kita tinjau angka-angka yang menunjukkan bahawa daripada seramai 200,000 dikenalpasti ketagihkan alkohol 45% adalah terdiri daripada pemuda/pemudi yang berumur di bawah 18 tahun. Bak kata pepatah melentur biarlah waktu rebungunya.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan ini kami berpendirian bahawa selagi langkah atau Undang-undang serta penguatkuasaan Undang-undang tersebut adalah tidak berkesan maka perundangan tersebut tidak akan membawa apa-apa manfaat kepada masyarakat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Bandau.

3.49 *ptg.*

Tuan Madatang bin Morejal (Bandaau): Tuan Yang di-Pertua, Akta yang sedang dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini merupakan manifestasi kejujuran Kerajaan Persekutuan amnya dan Menteri Kerjaraya khasnya untuk menjamin keselamatan rakyat jelata di negara ini. Akta ini sesudah diluluskan kelak akan menghapuskan kematian akibat penggunaan samsu gelap.

Saya difahami bahawa pembaharuan Akta ini adalah akibat daripada kematian di kalangan pekerja-pekerja ladang khususnya yang sudah meminum samsu-samsu gelap. Saya juga difahami bahawa pembaharuan Akta ini dibawa khas oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya yang mempunyai makna simbolik iaitu perjuangan pihak MIC untuk menghapuskan penggunaan samsu gelap ini di kalangan masyarakat di bawah naungan mereka.

Walau bagaimanapun, Akta ini sudah diluluskan kelak, akan berkuatkuasa di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, adalah perlu bagi pihak Kerajaan untuk menjelaskan secara terperinci semua jenis minuman keras yang termasuk dalam kategori samsu gelap. Penjelasan ini sangat diperlukan memandangkan penggunaan tapai atau 'rice wine' di Sabah dan tuak, sejenis minuman keras di Sarawak. Untuk jelasnya penggunaan tapai di Sabah dan tuak di Sarawak di kalangan orang-orang asli di kedua-dua negeri tersebut adalah berdasarkan kepada tradisi dan adat istiadat warisan daripada nenek moyang mereka. Sejarah menunjukkan bahawa penghormatan kepada kewujudan tradisi dan adat istiadat kaum-kaum asli di Sabah dan Sarawak ini merupakan dasar utama wujud di negara kita seperti yang ada sekarang ini.

Dewan yang mulia ini perlu dimaklumkan bahawa tapai dan tuak merupakan hidangan utama di masa-masa

perayaan dan hari-hari kebesaran di kalangan suku-suku kaum asli di Malaysia Timur. Untuk jelasnya di kalangan suku kaum Rungus yang terdapat di utara Negeri Sabah iaitu kaum saya sendiri, hari-hari kebesaran seperti Pesta Menuai atau Pesta Keamatan, majlis-majlis perkahwinan serta upacara keagamaan di kalangan penganut agama animisma atau, dengan izin, animistic believers, dipercayai tidak lengkap tanpa penggunaan tapai atau rice wine sepanjang perayaan tersebut.

Selaku Wakil Rakyat di golongan masyarakat ini, soalan utama yang berkaitan dengan pembaharuan Akta ini adalah; adakah pembaharuan Akta ini menjejaskan atau mengganggu penggunaan tapai dan tuak di kalangan suku kaum asli di Malaysia Timur? Sekiranya Kerajaan Persekutuan dapat memberi jaminan bahawa Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 ini tidak menjejaskan penggunaan tapai dan tuak di Malaysia Timur, saya tidak akan ragu-ragu menyokong Akta tersebut. Sekian, terima kasih.

3.53 *ptg.*

Tuan Ngoi Thiam Woh (Kampar): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan bersabit dengan satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Kerajaan menimpa sesuatu masalah, maka Kerajaan terus membuat undang-undang dengan harapan bahawa masalah itu dapat diselesaikan. Masalah samsu gelap ini pada hemat saya tidak boleh diselesaikan hanya dengan adanya undang-undang ataupun memperkuatkan undang-undang sahaja. Masalah semua gelap ini adalah masalah golongan miskin, golongan tertindas terutama di ladang-ladang, di estet-

estet. Ini adalah masalah golongan yang miskin. Biasanya orang minum samsu, alkohol ataupun arak dan samsu gelap ini merupakan satu minuman keras yang murah yang golongan miskin dapat membeli dengan harga murah. Mereka yang minum samsu ini adalah mereka yang hendak, dengan izin, escape daripada keadaan kemiskinan dan tindasan. Hanya mengadakan Rang Undang-undang ini dan mengharapkan bahawa ia boleh menghapuskan segala-galanya masalah itu, saya fikir tidaklah boleh mendatangkan apa-apa faedah yang kita ingin.

Pada masa lampau di tahun 1930-an di Amerika Syarikat, mereka juga hendak menghapuskan masalah alkohol dengan mengadakan undang-undang supaya mengharamkan langsung tetapi mereka gagal dalam perbuatan itu. Pada masa ini juga di Amerika Syarikat untuk menghapuskan masalah najis dadah, mereka ingin mengadakan satu registration supaya dapat mengawal masalah itu. Tetapi sudah sampai masanya sekarang bagi negara kita untuk menghapuskan samsu gelap. Pada pandangan saya, Kerajaan Barisan Nasional hanya mengharapkan undang-undang sahaja sedangkan tanggungjawab yang lain iaitu memperbaiki keadaan kemiskinan di ladang-ladang tidak dijalankan. Bukan apa yang disebutkan oleh rakan kita Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, mereka yang bekerja dalam ladang itu minum samsu gelap sebab mereka tiada TV dan tiada kemudahan elektrik. Itulah saya fikir sangat tidak betul. Kalau mereka tiada apa-apa hiburan, mereka juga boleh buat kerja seperti tanam bunga, tanam sayur, main catur, itu bukan masalah. Punca masalah itu ialah kerana kemiskinan dan tindasan mereka hendak cari jalan keluar daripada, dengan izin, reality yang mereka sedang ada. Saya juga hairan mengapa Rang Undang-undang ini diturunkan oleh Menteri Kerjaraya. Sepatutnya Rang Undang-undang ini hendaklah diturunkan oleh Menteri Kewangan yang

baru masuk, telah keluar, sekejap sahaja. Ini adalah sikap Kerajaan yang kurang tanggungjawab — kurang tanggungjawab. Saya tahu....

Dato' S. Samy Vellu: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang ini mesti dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, tetapi saya minta kebenaran istimewa daripada beliau oleh kerana sayalah yang mula-mula kerja atas Rang Undang-undang ini. Ini bukan bererti bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak bertanggungjawab.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Itu memang saya faham tetapi bila kita nampak Yang Berhormat Menteri Kewangan jarang datang ke Dewan yang mulia ini....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat tidak payah sebut itu. Teruskan dengan ucapan.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Itu saya tahu. Menteri Kerjaraya menurunkan Rang Undang-undang ini, sebab hendak dapat political mileage, dengan izin, sebab samsu gelap ini bersabit lebih dengan rakyat Malaysia keturunan orang India dan dia hendak menjadi political mileage, dengan izin, sedangkan punca masalah itu — negara kita sudahpun merdeka lebih 30 tahun — seperti kemiskinan, tindasan dari majikan di ladang-ladang belum diselesaikan. Jadi kalau ada undang-undang ketat, undang-undang yang keras bolehkah kita hapuskan masalah ini? Itulah punca masalahnya. Itu yang kita mesti teliti, bukan seperti apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semalam. Barisan Nasional selalu berkata hendak menjaga dan menghapuskan kemiskinan dan jawapan yang diberi oleh beliau semalam amat mengkagumkan sebagai seorang Timbalan Perdana

Menteri yang boleh mengeluarkan kenyataan-kenyataan begitu.

Jadi, saya berharap supaya Kerajaan janganlah hanya bergantung kepada membuat undang-undang yang keras dan mengharapkan undang-undang ini boleh menyelesaikan masalah sosio-ekonomi. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pagoh.

4.01 ptg.

Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Memperbaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap). Dengan adanya Rang Undang-undang ini, kita harap penghapusan samsu gelap ini akan dapat dilaksanakan. Langkah ini akan menyekat dan menghapuskan kegiatan pembuatan dan penjualan samsu gelap, satu bahan yang dianggap merbahaya yang kerap kali menimbulkan bahaya maut kepada peminum-peminumnya disebabkan tidak adanya langkah-langkah yang menjamin kebersihan.

Mereka yang tidak bertanggungjawab membuat dan menjual samsu gelap itu memang harus dihapuskan dengan mengenakan hukuman-hukuman yang lebih berupa mandatori. Mereka ini adalah orang-orang yang memikirkan kepentingan diri sendiri dan orang-orang yang semata-mata mengambil kesempatan untuk mendapatkan keuntungan wang ringgit tanpa mengira apa kesan yang buruk yang akan diterima oleh pengguna-penggunanya. Tanpa

hukuman yang berat itu, saya percaya kegiatan itu tidak akan dapat dlenyapkan. Saya bimbang jika langkah ini tidak diambil ia akan menjadi lebih rumit dan lebih sukar untuk diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu hukuman-hukuman berat ini mestilah juga disekalikan dengan kempen-kempen yang lebih hebat; kempen-kempen yang menekankan kepada aspek-aspek utama tentang merbahayanya penggunaan bahan ini dan juga amaran-amaran yang keras yang patut dijelaskan kepada sesiapa yang terlibat dengan penyalahgunaan samsu gelap ini. Penggunaan samsu gelap ini boleh menjadi satu tabiat yang sukar diatasi apabila sudah sampai ke peringkat ketagihan dan bukan semata-mata untuk bersuka-suka atau riadah. Dalam hal ini dalam apa bentuk sekalipun tindakan Kerajaan, mereka tidak akan dapat mengelakkan diri. Mungkin ada cadangan menyediakan padang bola, menyediakan TV ataupun cadangan-cadangan yang lain, tetapi apabila peringkat ketagihan itu sampai, apa juga langkah kita ambil, saya rasa pada masa itu sudahpun terlewat.

Tuan Yang di-Pertua, apabila keadaan ketagihan itu telahpun berlaku, maka langkah mengatasinya adalah terlalu mahal. Banyak kempen-kempen yang telah kita jalankan di negara ini yang melibatkan langkah-langkah penghapusan seperti penagihan dadah dan kempen tidak merokok. Bagi mereka yang telah ketagih itu, walau apapun hukuman yang dikenakan, sudah tidak bererti lagi. Oleh itu langkah yang paling berkesan ialah pencegahan dan penghapusan dalam hal ini ialah pembuatan samsu gelap.

Di dalam Fasal 5, peruntukan yang baru itu amat penting. Peruntukan ini memberikan penekanan kepada soal punca atau sumber dari mana masalah itu timbul. Oleh itu, kita perlu menghapuskan puncanya dahulu bagi mengatasi yang lain-lain. Di dalam Fasal 5 (3) menerangkan:-

“5 (3) Jika samsu gelap, jika ada, yang menjadi hal-perkara sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini mengandungi apa-apa bahan berbahaya, pesalah hendaklah dihukum —

(a) penjara selama suatu tempoh tidak melebihi dua puluh tahun dan tidak kurang daripada tujuh tahun; dan

(b) sebat tidak kurang daripada enam kali.”

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menekankan bahawa tempoh 20 tahun itu walaupun telah ditambah beberapa tahun ataupun mungkin 20 tahun itu merupakan satu tempoh yang lama; saya lebih menekankan kalau boleh tempoh itu melebihi daripada 20 tahun, kerana dalam hal ini kita sering melihat jika berlaku sesuatu penyalahgunaan dalam samsu gelap itu, dengan adanya pengguna-pengguna bahan-bahan yang berbahaya, yang mati bukan satu orang, bahkan dalam satu masa yang serentak boleh melibatkan 10 atau 20 orang yang akan mati, bahkan kalau penyiaran itu telah meluas, mungkin akan melibatkan lebih ramai daripada itu. Oleh sebab itu, saya ingin menekankan supaya tempoh 20 tahun itu ditambah supaya lebih banyak lagi dan begitu juga dengan hukuman sebat itu patut dikenakan kepada mereka.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang ini patut juga meliputi mereka yang bersubahat sebagai pembuat samsu gelap. Bukan sahaja kepada mereka yang membuat, tetapi sesiapa juga yang ada kaitan, yang bersubahat dengan pembuatan samsu gelap ini juga patut dikenakan hukuman. Selalunya pembuatan samsu gelap itu bergerak secara sulit dan ini juga memerlukan penyiasatan yang dijalankan secara sulit dan dengan itu memerlukan banyak maklumat daripada orang ramai sendiri.

Oleh itu usaha itu mesti dijalankan dengan melibatkan semua pihak, bukannya satu orang sahaja, bahkan semua pihak harus terlibat dan di dalam kegiatan menghapuskan samsu gelap ini adalah amat penting sekali.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah satu langkah yang wajar dan kita harap masalah samsu gelap tidak ada lagi menjadi satu masalah yang besar sehingga ia boleh menjadi masalah lain yang sama besarnya dengan masalah penagihan dadah yang berlaku dalam negara kita yang hari ini menjadi masalah nasional. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Yang Berhormat dari Marang.

4.09 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membincangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya yang juga sebagai Presiden MIC, Yang Berhormat Dato' S. Samy Vellu.

Apabila Yang Berhormat Menteri membentangkannya dan merupakan tokoh serta pendukung utama parti yang paling dihormati dan disegani di kalangan orang-orang India, sudah barang tentulah pembentangannya itu membawa makna dan erti yang besar di kalangan orang-orang India terhadap penggunaan samsu gelap terutamanya dan juga di kalangan orang-orang lain. Ia membawa erti bahawa penggunaan samsu gelap di kalangan masyarakat Malaysia sudah begitu serius, makin bertambah, makin banyak dan meminta suatu penyelesaian segera dibuat.

Apabila Akta ini ditulis pada tahun 1976 dan dibentangkan di dalam Dewan

Rakyat pada tahun ini (1988), bererti Akta itu sudah tua, Akta itu sudah lama. Ketuaan serta kelamaan yang ada itu sudah tentulah memerlukan suatu penyelesaian dan gagasan pemikiran bersama-sama oleh Ahli-ahli Dewan. Bukan setakat menyuarakan rasa tidak setuju macam Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP ataupun PAS tetapi minta kita membicarakannya secara serius, secara sungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, daripada seksyen-seksyen yang dibentangkan iaitu sebanyak lapan puncak segala perkara yang hendak ditonjolkan, iaitu mengenai dengan penalti dan juga hukuman dan ini boleh dilihat dalam fasal-fasal 3, 4, 6 dan 7 yang menambah penalti bagi kesalahan-kesalahan mengilang, memperdagang dan menggunakan premis-premis yang berkaitan dengan samsu gelap dan memiliki alat dan mengilang. Kalau dahulu tempoh pemenjaraan adalah di antara 4 sehingga 10 tahun tetapi memandangkan keadaan itu kurang berkesan, maka fasal-fasal itu telah mengganjalkan hukumannya daripada 7 tahun sehingga 20 tahun. Saya kira ini merupakan salah satu cara yang berkesan, yang terbaik bagi memastikan bahawa mereka yang bersalah itu akan merasa kesannya dan juga merasa serik dan akan membawa taubat ataupun tidak mahu mengulangi lagi kesalahan-kesalahan itu.

Fasal-fasal 3, 4, 6 dan 7 merupakan satu perkara yang sangat baik sementelah lagi ianya ditambah dengan satu sebatan mendatori yang tidak kurang dari 6 kali bagi mengilang dan memperdagang. Tetapi bukanlah ini merupakan satu perkara yang muktamad terhadap penyelesaian penggunaan samsu gelap di kalangan masyarakat Malaysia. Saya kira aspek-aspek lain perlu ditekankan dan diberi perhatian. Misalnya, perlu diwujudkan kesedaran tentang bahayanya penggunaan samsu gelap ini di

kalangan kanak-kanak, juga orang-orang dewasa dan ianya tidak seharusnya dibataskan kepada kaum India sahaja, kerana hari ini kalau kita perhatikan mereka yang meminum samsu gelap ini ada juga bukan India. Orang Melayu pun banyak, orang-orang Cina pun banyak, orang-orang bukan Melayu bukan Cina pun ada seperti di Sabah dan di Sarawak, cuma mungkin namanya lain sedikit. Kalau di Sarawak dia minum bahan lain yang dikenali sebagai 'Cap Langkau' dan ini kita boleh golongkan dalam samsu gelap juga.

Makna kesedaran itu mungkin hari ini kita boleh membuat anggapan bahawa majoritinya orang-orang India. Tetapi kalau sekiranya kesedaran ini tidak ditingkatkan, kempennya tidak dibesar dan diperluaskan kepada orang-orang lain, nescaya hasil daripada keterbidaan ini akan melibatkan kaum-kaum lain juga akan terlibat sama. Begitu juga soal pendidikan moral dan akhlak seharusnya berjalan seiring dengan hukuman, dengan Akta yang dibuat pada hari ini. Kalau sekiranya pendidikan itu tidak diberi, maka kemungkinan besar anak-anak yang dibesarkan di ladang-ladang, di estet-estet yang mendapat pendidikan minum samsu gelap daripada ibubapanya sudah barang tentulah akan terbawa.

Soalan pendidikan terutama di kalangan kaum yang terlibat secara serius perlu ditekan dan seharusnya dijadikan aspek pembelajaran di sekolah-sekolah ataupun di pusat-pusat pengajian yang ada. Saya juga melihat bahawa Akta ini perlulah diperkembangkan juga dengan tindakan-tindakan segera dan juga tindakan yang berterusan. Umpamanya serbuan-serbuan, tangkapan-tangkapan, pemeriksaan-pemeriksaan seharusnya wujud bukan sahaja di ladang-ladang ataupun di tempat-tempat yang terpencil tetapi juga di kawasan-kawasan yang dianggap sebagai pintu masuk membawa samsu gelap ini sendiri. Hari ini kita mungkin mengangap bahawa ladang-ladang itu jugalah

merupakan tempat memproses samsu-samsu gelap. Sebenarnya lebih daripada itu. Apabila tempat itu telah dimusnahkan, maka dibawanya samsu gelap itu daripada tempat-tempat yang lain. Kekurangan tindakan, serbuan dan pemeriksaan lazimnya membawa kepada keghairahan dan kesimpulan di kalangan mereka itu bahawa pihak berkuasa tidak mengambil tindakan apa-apa dan kita oleh melakukannya sehinggalah kita disedarkan dengan dua tiga berita dalam akhbar, dalam radio, mass-media ada orang mati beramai-ramai.

Saya juga ingin menekankan bahawa Rang Undang-undang ini perlulah juga melihat kenapa bila kita bercakap tentang samsu gelap ini sering kali dirujuk malah dibenarkan apabila terjumpa bukti-bukti bahawa orang-orang India adalah yang ramai terlibat dalam samsu gelap ini. Sebenarnya ada faktor-faktor lain yang perlu kita titikberatkan. Misal kata faktor infrastruktur, faktor kediaman, faktor kesihatan, faktor hiburan, faktor kesedaran sivik perlulah diberi penekanan. Hari ini masyarakat India bukan sahaja miskin tetapi kita lihat di ladang-ladang, estet-estet kehidupan mereka adalah masih lagi jauh daripada apa yang kita impikan ataupun yang kita hasratkan. Mereka itu seolah-olah diletakkan di satu kawasan semata-mata untuk bekerja. Kalau diletakkan di ladang getah, kerjanya untuk mendapatkan susu getah, kalau ditempat kelapa sawit, tugasnya untuk mendapatkan buah. Kita nampak soal riadah, soal sukan, soal kediaman, soal sosial tidak diberikan tempat dan penekanan istimewa. Perkara ini telah diletakkan serta dimulakan oleh penjajah semenjak sebelum merdeka sehinggalah selepas merdeka.

Mungkin orang bertanya saya kenapa saya menyokong supaya soal-soal ini dititikberatkan. Kita sebagai anggota Barisan Nasional seharusnya terlibat bahawa masyarakat India merupakan

sebagai sebahagian daripada masyarakat kita yang juga perlu diberikan kemudahan-kemudahan supaya hidup mereka ini tidaklah dibebankan dengan masalah kerja sahaja tetapi juga direlaksakan atau direhatkan dengan kemudahan-kemudahan hiburan, kemudahan-kemudahan untuk berehat, bersosial dan seumpamanya. Soal ini perlu diberikan penekanan yang agak istimewa.

Saya sama sekali tidak bersetuju dengan Wakil dari Kampar yang mengatakan faktor utama orang-orang India terlibat dalam samsu gelap ini disebabkan oleh kemiskinan, langsung dia minum samsu. Kalau hendak kira miskin, banyak lagi orang lain yang miskin. Orang Asli lebih miskin, orang-orang kaum bumiputera, Murut, Kadazan, Kayan, Kenan, Penan dan sebagainya lebih miskin. Tetapi kenapa mereka itu tidak terlibat dengan samsu kerana alam sekeliling mereka lebih luas, lebih terbuka dan lebih terikat kepada faktor-faktor lain, faktor hutan rimba, air terjun, haiwan, bersosial, bergotong-royong, bermasyarakat dan sebagainya. Tetapi kalau satu masyarakat itu diletakkan dalam satu alam yang begitu padat, compact dan begitu tersekat dari segi pergerakan mental serta jasmaninya, maka mereka itu mudah merasa tersepit, mereka ditekan, oleh sebab itulah mereka mencari jalan keluar, cari jalan mudah ingin masuk syurga cepat, ingin berkhayal cepat dengan cara mengambil samsu, mudah-mudahan fikiran yang sempit, yang susah itu akan selesai. Tetapi jalan mereka itu salah kerana penyelesaian itu sementara. Kalau nasib tidak baik mereka akan mati. Jadi, perkara-perkara tentang keadaan sosial, keadaan kesihatan, keadaan kediaman, infrastruktur merupakan faktor-faktor ataupun aspek-aspek sampingan yang penting dalam mempersoalkan serta menggubal Akta ini.

Saya juga ingin menjelaskan bahawa PAS iaitu seperti yang diterangkan oleh

Wakil dari Pengkalan Chepa langsung tidak bersetuju dengan Rang Undang-undang ini. PAS mengatakan bahawa dia tidak bersetuju kerana semua samsu itu adalah haram. Tetapi kita perlu tanya, kita boleh tanya Tuhan. Sebab apa Tuhan jadikan anjing, Tuhan jadikan babi sedangkan anjing dan babi itu juga merupakan perkara yang haram. Tentulah apa rahsia dan nikmat di sebaliknya. Sebab itulah Tuhan tidak menjadikan semua binatang itu halal.

Saya juga tidak bersetuju dengan PAS kerana apabila dia menentang Rang Undang-undang ini dia sekadar menentang sahaja tetapi tidak mencadangkan satu cara penyelesaian bagaimana untuk menghapuskan penggunaan samsu gelap ini di kalangan masyarakat kita. Dia hanya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini tidak diluluskan oleh Parlimen pada hari ini tetapi tidak langsung memberikan cadangan baru malah hanya bercakap sekadar untuk mengatakan ianya tidak setuju. Kalaulah begitu caranya ramailah orang boleh bercakap dan ramailah orang boleh membahaskan sesuatu perkara.

Saya kira perkara-perkara yang diterakan dalam fasal-fasal yang ada itu jelas sekali suatu peringatan yang serius daripada pihak Kerajaan, pihak Kementerian bagi mengingatkan para pedagang, para pengilang serta orang-orang yang terlibat dengan pihak-pihak ini untuk lebih berhati-hati dan mengingatkan perkara-perkara yang akan mungkin dilakukan.

Jadi, saya dengan ini menyokong penuh tentang hasrat Kementerian, hasrat Kerajaan untuk mewujudkan satu pindaan kepada Akta Undang-undang Samsu Gelap kerana nyata sekali bahawa penghapusan samsu gelap ini walaupun tidak secara keseluruhannya, walaupun masih ada lagi, sedikit-sedikit tetapi memberi makna kepada kita bahawa sekatan, kawalan terhadap penggunaan ini ternyata begitu dititikberatkan oleh pemerintah.

Jadi, dengan itu saya turut mencadangkan agar Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 ini diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Simunjan.

4.24 ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua atau Tuan Pengerusi?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang di-Pertua.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Kerana saya dengar "Tuan Pengerusi" dari salah seorang Yang Berhormat yang bercakap tadi tetapi saya tengok cokmar itu belum turun lagi. Jadi masih Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masih lagi.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya turut melibatkan diri dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 ini yang semestinya menarik perhatian begitu ramai Ahli Dewan Rakyat, Dewan yang mulia ini semenjak kelmarin sehingga ke hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniahlah kepada Kerajaan dan juga kepada Presiden MIC yang kita hormati, yang muda remaja kerana mengambil peluang ini untuk membentangkan Rang Undang-undang ini atas kesedaran bahawa perkara ini ialah perkara nasional, yang melibatkan moral ataupun disiplin rakyat di Malaysia ini supaya kalau dapat di-

kurangkan penglibatan mereka mengambil samsu mungkin dapat mengorak langkah ke arah pencapaian matlamat kemajuan yang lebih bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya lihat daripada Rang Undang-undang ini ialah penekanan yang diberi kepada samsu gelap dan secara langsung atau tidak langsung ianya membawa kita kepada hakikat bahawa kaum India ialah yang nampaknya lebih melibatkan diri dalam pengeluaran samsu gelap, minuman, pemilikan dan sebagainya. Namun demikian, saya rasa perlu kita wujudkan satu garis panduan yang jelas sama ada ini benar-benar ditujukan kepada kaum India semata-mata ataupun yang ditujukan kepada samsu gelap, bukan kepada yang lain kerana Yang Berhormat dari Marang tadi menyentuh mengenai Sarawak dan Sabah di mana ada juga yang berupa samsu gelap.

Beliau menyebut 'Langkau'. 'Langkau' ini sebenarnya bukan yang dibuat oleh orang kampung tetapi 'Langkau' ialah minuman keras yang dibeli dan diminum oleh kaum Iban, kaum bumiputera di sana. Tetapi yang dibuat oleh orang-orang di Sarawak dan mungkin Sabah ialah tuak yang dibuat daripada tapai dan saya rasa ini mungkin menyerupai juga samsu gelap ataupun samsu tidak gelap yang dibenarkan oleh Kerajaan untuk membuat.

Tetapi apa yang saya ingin cadangkan di sini ialah supaya satu garis pemisahan itu diwujudkan kerana ini sepatutnya ditumpukan kepada samsu gelap. Kerana saya takut walaupun saya ini seorang beragama Islam, yang sepatutnya patuh kepada ajaran Islam, jangan minum, jangan menggalakkan orang minum minuman keras dan sebagainya, namun demikian kita juga perlu mempertimbangkan sosio-budaya orang-orang Sabah dan Sarawak kerana ada yang menyatakan bahawa orang-orang Iban dan lain-lain bumiputera di

Sarawak buat tuak dan minum tuak terutama sekali di hari perayaan. Ini adalah satu sosio-budaya dan kalau kita dengan cara yang melulu membuat sesuatu menghapuskan sosio-budaya mereka ini, ini mungkin akan menghadapi tentangan daripada salah sebuah golongan bumiputera di Sarawak dan Sabah, walaupun ada juga golongan daripada kalangan mereka sendiri memikirkan bahawa masanya sudah tiba untuk dihapuskan amalan membuat, meminum, memiliki dan sebagainya.

Tetapi dari segi pelaksanaan ini, saya kata samsu gelap ini kalau dapat ditunjukkan kepada samsu gelap dan tidak sepatutnya dihubungkan dengan yang lain di Sarawak dan yang di Sabah, kerana saya rasa ini perlu kajian yang mendalam, kerana takut nanti kita menghadapi tentangan daripada kumpulan ini, rakyat Malaysia di Sarawak dan Sabah ini yang masih menganggap bahawa ini ialah amalan ataupun sosio-budaya mereka yang telah diamalkan, dikerjakan sejak turun-temurun dari nenek moyang mereka hingga ke hari ini dan kadangkala orang melawat kampung Iban pun mereka dijemput untuk minum.

Kalau mereka tahu kita tak minum, dia tak berilah. Jadi, kalau saya melawat kampung Iban, saya beritahu mereka, saya tak minum, jadi mereka tak berilah. Ada orang kata macam mana tak hendak minum Yang Berhormat, mereka sudah beri. Jadi, saya kata kalau kita kata tak minum, dia tak beri, mereka tak paksa kita. Jadi, ada yang pura-pura mengatakan bahawa mereka paksa mereka minum, dengan izin, maybe on the pretext that they really want to test minuman itu.

Tuan Yang di-Pertua, itulah saya rasa saranan saya kerana saya memikirkan bahawa memanglah jelas dalam Akta ini bahawa ianya ditujukan kepada samsu gelap yang dipelopori oleh Yang Berhormat yang kita hormati yang muda remaja, manis dipandang mata

ditujukan kepada amalan di kalangan masyarakat India di Semenanjung Malaysia terutama sekali dan mungkin di Sabah dan Sarawak juga kalau ada supaya harapan untuk mengurangkan penglibatan dalam perkara ini dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga Fasal 5 di dalam Huraian yang berbunyi:

“Walau bagaimanapun dalam hal keadaan tertentu mahkamah boleh memutuskan bahawa seseorang yang dipertuduhkan atas memperdagang, melakukan sesuatu kesalahan hukuman lebih ringan iaitu hanya sebagai seorang pengguna jika milikan itu melibatkan samsu gelap sebanyak kurang daripada suku gelen”.

Saya rasa ini kadang-kadang mengelirukan. Kita juga harus mengambil kira sejauh mana — orang ini kadang-kadang dia minum 10 gelen pun dia tak mabuk. Ada juga orang minum satu titik pun dia mabuk. Jadi, ini perlu kita ambil kira. Kita juga kaji sejauh mana kesan terhadap seseorang itu, gred ataupun tahap kemabukan dia itu. Kalau dia minum ‘one drop’, dengan izin, dia mati, itu teruk. Kalau dia minum 10 gelen tak mati, masih cergas, masih boleh main bola dengan Yang Berhormat Dato’ Samy Vellu, alhamdulillah, tak ada hal. Jadi, saya rasa ini perlu kita ambil kira supaya mungkin ‘the degree of seriousness,’ dengan izin, dari kesan itu, bukan dari segi jumlah. Ini saya rasa perlu kita ambil kira akan keseriusan kesan itu

Dr. Goh Cheng Teik: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato’ Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa Yang Berhormat?

Dr. Goh Cheng Teik: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato’

Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Penjelasan.

Dr. Goh Cheng Teik: Tadi Yang Berhormat sebutkan orang yang minum 10 gelen tak mabuk. Ini datang dari Guinness Book of Records, ini datang dari mana? (*Ketawa*).

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Itu sebenarnya “misal kata”, mungkin dia memakan masa 10 hari minum 10 gelen — misal kata boleh juga berlaku (*Ketawa*) Kadang-kadang 10 hari atau satu bulan, tetapi serta-merta pun kadang-kadang ada juga, mungkin, itu misalan. Kita ini kalau tak sebut sesuatu yang aneh di Dewan ini orang tak ketawa. Jadi, orang tak ketawa nanti kemeriahan Dewan tak wujud, jadi kita perlu main sedikit-sedikit (*Ketawa*).

Satu lagi ialah saya rasa akhir sekali yang ingin saya sentuh ialah dari segi keseluruhannya, umum. Memanglah kalau dapat yang macam ini kita hapuskan, kerana saya ini pernah juga jadi cikgu, kemudian jadi Timbalan Menteri Pelajaran pun pernah juga, sekarang saya serah kepada Yang Berhormat Dr. Leo Michael Toyad jadi Timbalan Menteri Pendidikan ini, takkan saya sahaja sudah 7 tahun jadi Timbalan Menteri, berilah peluang kepada dia. Kita ini kadang-kadang secara tak langsung kita beri peluang kepada kawan. Kita buat masalah, timbulkan masalah terhadap diri sendiri supaya kita itu diturunkan, dapatlah dia peluang. Jadi, pernah menjadi guru, jadi Timbalan Menteri, jadi masalah yang timbul kadang-kadang di kalangan pelajar-pelajar tiap-tiap sesuatu yang memabukkan itu bukan hanya samsu gelap tetapi arak, tuak atau sebagainya. Kalau dapat secara beransur-ansur kita hapuskan kerana saya rasa ini akan dapat mempertingkatkan disiplin di kalangan anak-anak kita, pelajar-pelajar di seluruh negara kita ini, takut nanti kalau mereka itu sudah jadi ‘drunkard’, misal kata ‘minum’, jadi ini mungkin, bukan sahaja mungkin tetapi

sebenarnya akan membawa kepada kejatuhan moral di kalangan anak-anak kita dan di kalangan warganegara Malaysia.

Jadi, itu sahajalah daripada saya dan saya taklah hendak sebut saya sokong atau tidak, ini sahaja saranan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

4.37 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin untuk mengambil kesempatan bagi membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976.

Sungguhpun banyak ucapan-ucapan dan pandangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dahulu daripada saya, saya juga mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah penghargaan kepada Kerajaan dan juga penyampai Akta ini semalam, Yang Berhormat Dato' Samy Vellu bagi menerangkan dan menghuraikan fasal-fasal yang ada dalam Rang Undang-undang yang kita bahaskan pada hari ini. Saya mengharapkan dengan adanya Rang Undang-undang ini dapat mengelakkan masalah-masalah yang telah dihadapi oleh manusia yang berkehendakkan kesenangan untuk diri mereka sendiri. Mereka ini sanggup untuk membunuh, menganiaya dan sebagainya kepada orang lain asalkan mereka dapat kesenangan, dapat duit dan seterusnya dengan mengadakan, umpamanya menyediakan samsu-samsu gelap, samsu-samsu haram ini untuk diminum oleh orang-orang yang telah disebutkan banyak oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi.

Dengan adanya penalti-penalti ataupun fasal-fasal yang telahpun disebut-

kan tadi, dengan masing-masing ditujukan meminda seksyen-seksyen 3, 4, 6 dan 7 supaya menambahkan penalti bagi kesalahan-kesalahan mengilang, memperdagang, menggunakan premis-premis yang berkaitan dengan samsu gelap dan milikan alat pengilang yang mana ini juga terdapat di dalam Akta ini juga adalah satu kesalahan yang telahpun ditetapkan hukuman-hukuman kepada mereka yang terlibat ini.

Dalam masalah ini juga kita mengharapkan setelah Akta ini diluluskan, ia dapat dijalankan dengan serta-merta. Kepada pihak-pihak yang bersalah yang telah dapat ditangkap supaya dijalankan hukuman-hukuman serta-merta mengikut Rang Undang-undang ini, yang kita akan luluskan pada hari ini nanti, kerana dengan adanya Rang Undang-undang ini kita akan menyelamatkan nyawa lebih banyak lagi. Sebagaimana yang kita lihat dan dengar 2 — 3 bulan yang lalu melalui surat-khabar dan dalam kaca televisyen bagaimana keadaan orang-orang yang telah meninggal dunia akibat meminum samsu-samsu gelap buatan sendiri ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang lain, sungguhpun ini telah banyak disebutkan, saya ingin juga menyebutkan, iaitu di Sarawak. Di Sarawak juga diadakan tapai ataupun yang dibuat dari pulut yang telah menjadi tradisi turun-menurun bagi minuman untuk satu keramaian dan seterusnya. Ini saya rasa dapat pihak Kerajaan mengambil dan melihat keadaan pembuatan-pembuatan ini ataupun bagaimana keadaan mereka ini supaya tidak berlaku kesilapan-kesilapan campuran dan seterusnya tapai ini nanti akan mengorbankan nyawa. Setelah ada yang terkorban, besok sekali lagi kita akan membuat Akta untuk tapai pula, kerana rasa saya lebih baik kita buat sekali dengan cara samsu gelap ataupun tapai yang boleh memabukkan supaya dijalankan satu Akta yang boleh digunakan seterusnya.

Saya tidaklah berhajat di dalam

Dewan ini untuk menahan, sebab sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi, sebelum saya bercakap ini, kemungkinan akan mendapat tentangan daripada orang-orang yang menjalankan ini, tetapi bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingin berlaku di masa akan datang dapat dijagai dengan rapi. Sungguhpun tapai di Sarawak ada kemungkinan dibuat dengan baik, kebersihannya baik, tetapi jikalau sekiranya pihak Kerajaan masih berkehendakkan juga tapai itu diusahakan, diharap pihak Kerajaan menentukan tapai itu dibuat tidak dengan sewenang-wenangnya. Semua orang boleh buat tapai ini, jadi dengan keadaan ini mungkin berlaku kemalangan di mana campuran-campuran yang tidak betul.

Kalau kita hendak mengharamkan meminum arak, samsu seterusnya di negara Malaysia ini, saya rasa memang susah untuk dijalankan, kerana kita berada dalam negara yang berbilang kaum, bangsa serta agama. Sungguhpun kita boleh melarang kepada orang-orang beragama Islam, tetapi untuk bangsa-bangsa lain kita harus menjaga supaya tidak menjadikan masalah kepada mereka. Pihak Kerajaan harus berpakat dengan pihak Kerajaan Sarawak supaya satu kilang ataupun perusahaan yang boleh membuat tapai ini dengan cara halal, bukan secara gelap, supaya ianya dapat diedarkan ke Malaysia Barat supaya sama-sama meminum minuman yang halal dan di samping itu juga dapat menambahkan lagi pendapatan dalam negara kita ini dan merupakan hasil yang boleh memberi keuntungan kepada negara ini.

Soal lagi satu termasuk juga todi. Kedai todi yang ada di seluruh negara sekarang ini masih banyak lagi, yang mana lesennya telah berkurun-kurun dan sejak zaman penjajah dahulu lagi, dan saya melihat banyak kawasan-kawasan seumpama ini masih menjual todi. Ini juga patut mendapat jagaan

dari pihak-pihak yang tertentu. Tiap-tiap peniaga ini hendak untung, hendak mendapat laba yang lebih banyak, dan kita dapat tahu todi-todi yang dijual ini dicampur dengan air yang begitu banyak. Kemungkinan ini juga menjadikan keadaannya lebih ataupun kurang.

Saya tidak pernah minum, tetapi kita melihat mereka yang minum itu kadang-kala tidak sedar diri dan mabuk. Ini juga pihak Kerajaan harus menjaga kedai-kedai todi ini, terutamanya apabila kita lihat kedai-kedai todi ini masih lagi dengan cara-cara lama, dengan kotornya, koleh-koleh yang begitu kotor dan tidak terbasuh dan di samping itu menjual makanan sama ada ketam, ikan saya melihat begitu banyak lalat, habuk dan seterusnya. Mereka yang sudah mabuk ini tidak kira kemungkinan itu tidak boleh dijual, tidak boleh dimakan pun dia kata boleh dimakan. Oleh itu sebelum perkara-perkara itu berlaku diharap pihak Kerajaan menjaga kedai-kedai todi seperti yang saya sebutkan tadi.

Di seluruh negara kita ini masih banyak kedai-kedai todi yang kotor, sama ada tandasnya yang tidak tentu, longkang-longkang dan keadaan orang yang minum. Kalau hendak minum juga hendaklah diadakan undang-undang supaya ada peraturannya. Kita tidak boleh menyekat mereka ini, kemungkinan kaum-kaum yang biasa minum ini nanti dia tidak dapat bekerja dengan kuat kerana tidak dapat minum, tetapi bagi menjaga keselamatan mereka penjagaan yang rapi mesti dijalankan oleh pihak Kerajaan. Di samping itu juga, kemungkinan Yang Berhormat yang lain ada menyebutkan tadi, umpamanya samsu gelap ini dijual di kawasan-kawasan estet dan di pendalaman supaya dapat pihak Kerajaan membuat sepanduk ataupun poster yang menyatakan bagaimana akibatnya jikalau meminum samsu haram ini dan seterusnya akibat-akibat yang berlaku seperti mana yang dijalankan kempen-kempen anti-dadah yang mengadakan

poster katun dan sebagainya bagi mengelakkan mereka meminum samsu-samsu haram yang dijual dengan harga yang murah, tetapi akibatnya akan membawa maut kepada keluarga-keluarga di kawasan-kawasan ini ataupun di kawasan lain.

Jadi, saya rasa itu sahajalah pandangan-pandangan saya berhubung dengan Akta ini supaya dapat dijalankan dan berkuatkuasa dengan seberapa segera yang boleh bagi mengelak berlaku lagi kemalangan jiwa kepada rakyat-rakyat dalam negara kita yang tidak berdosa disebabkan oleh orang-orang yang berkehendakkan lebih cepat kaya dan senang, mereka ini sanggup untuk membunuh manusia sesama manusia.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dilaksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Yang Berhormat dari Besut.

4.47 ptg.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya yang dengan beraninya telah membentangkan Rang Undang-undang ini dan saya berharap mudah-mudahan kepada persidangan Dewan sekali lagi Yang Berhormat Menteri Kerjaraya juga akan membentangkan Rang Undang-undang yang mengharamkan semua jenis arak daripada diminum dan digunakan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini berasaskan kepada sekurang-kurangnya tiga sebab utama. Sebab yang pertama, saya dan juga semua orang menyakini bahawa samsu haram adalah sejenis minuman yang memusnahkan manusia dan ia tidaklah sepatutnya dibiar-

diminum secara berleluasa, bahkan seboleh-bolehnya ia sepatutnya dihapuskan daripada penggunaannya. Kedua, samsu haram juga di setengah-setengah tempat digunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk mengeksploitasi pekerja-pekerja. Secara tradisi semenjak zaman pemerintah penjajah, pekerja-pekerja digalakkan meminum samsu supaya mereka menjadi lemah daya pemikiran dan daya mempertahankan diri dan memperjuangkan hak-hak mereka sebagai pekerja. Dengan yang demikian, majikan-majikan pada masa itu dapat memperalatkan pekerja dengan sesuka hati, oleh sebab itulah barangkali mula tersebarunya penggunaan samsu haram di estet-estet di dalam negara kita di zaman-zaman penjajahan dahulu.

Pada masa ini semua pekerja-pekerja adalah merupakan manusia yang patut dilindungi dan hak-hak mereka diperjuangkan dengan sewajarnya. Maka penggunaan samsu haram ini patutlah dibatasi dan sebaik-baiknya diharamkan terus supaya eksploitasi yang berlaku berpanjangan itu dapat ditamatkan.

Yang ketiga, melalui penggunaan samsu haram ini juga golongan-golongan tertentu mengaut keuntungan yang besar melalui penindasan golongan yang berpendapatan rendah. Dengan menggalakkan golongan berpendapatan rendah menjadi ketagih dengan samsu haram ini, maka golongan-golongan tertentu akan dapat memperolehi keuntungan daripada penjualan samsu ini.

Jadi, ketiga-tiga sebab yang saya terangkan itu sudah mencukupi saya rasa untuk Kerajaan mengawasi perkembangan ini dan mengelakkan daripada sebahagian rakyat atau penduduk dalam negara kita ini daripada terus ditindas.

Tuan Yang di-Pertua, sekali fikir kadangkala saya ternampak seolah-olah orang yang mabuk setelah minum sam-

su haram ini adalah lebih bahagia daripada orang yang tidak mabuk dan hidup di dalam keadaan dunia pada hari ini kerana biasanya orang yang mabuk mereka tidak dapat mengalami keadaan-keadaan yang berlaku di sekeliling mereka, mereka tidak mengambil kira atau mengambil kisah tentang apa-apa peristiwa yang berlaku dalam negara, mereka biasanya tidak mengambil tahu dan tidak menerima apa-apa beban daripada segala pergolakan yang berlaku di dalam masyarakat. Bagi orang yang tidak mabuk, bangun sahaja pagi dari tidur mereka terdedah dengan berbagai-bagai gejala dan angkara yang barangkali mengusutkan fikiran mereka.

Dengan pandangan saya ini bukanlah ertinya saya menggalakkan peminuman samsu haram tetapi saya terpancang seolah-olahnya begitu di dalam suasana yang ada pada hari ini kerana nampaknya banyak perkara-perkara dan kejadian-kejadian yang sudah terbalik. Jika kita baca suratkhbar tiap-tiap hari, tengok televisyen atau berbual-bual di mana sahaja, di kedai kopi, di kantin, di lobi Parlimen, banyak perkara-perkara yang sudah terbalik. Umpamanya, parti MIC yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Kerjasama sendiri, kalau masa dahulu terkenal di dalam tiap-tiap kali mesyuarat berterbangan kerusi meja tetapi pada masa ini dapat menjalankan mesyuarat dengan aman damai bahkan di dalam parti lain pula nampaknya pergaduhan berlaku. Kalau pada kebiasaan manusia berusaha untuk terus hidup tetapi ada kadangkala sekarang kita terdengar manusia berusaha untuk mati dan ada pula yang terpaksa menyediakan keranda sendiri untuk mati. Ini cerita-cerita yang agak pelik.

Begitu juga di dalam Parlimen ini, Dewan yang mulia ini diperuntukkan oleh Perlembagaan bagi setiap wakilnya mewakili rakyat untuk bersidang lebih kurang 3 bulan sekali, dalam setahun 3—4 kali untuk menyuarakan hasrat

dan masalah rakyat untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan dan pihak-pihak tertentu, tetapi pada masa ini menjadi lengang seolah-olah macam suatu pasar yang tidak mendapat kunjungan daripada peminat-peminat lagi, seolah-olah kalau di dalam filem-filem barat terpancang semacam “Ghost Town”. Jadi tidak ada seronok lagi di dalam Dewan ini. Kita tidak kedengaran pandangan-pandangan yang bernas untuk menyuarakan hasrat dan masalah rakyat kerana barangkali ada wakil-wakil rakyat yang berpendapat tidak ada gunanya bercakap lagi, cakap pun kalau salah cakap dipandang lain, kalau cakap elok pun barangkali tidak mendapat perhatian, tidak mendapat apa-apa tindakan sewajarnya; lebih baik diam, jaga diri, jaga badan. Itu terdiri pada hari ini dan bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini suatu gejala yang terbalik daripada keadaan yang sepatutnya.

Begitu juga kita terdengar heboh cerita-cerita ganjil kalau kita berbincang, berborak-borak di lobi-lobi Parlimen ini. Umpamanya, beberapa minggu dahulu cerita bagaimana Ahli-ahli Dewan daripada Barisan Nasional yang tidak menyertai UMNO Baru umpamanya akan dipecat, heboh-heboh dan selepas itu kita dengar pula cerita-cerita Ahli yang berkenaan tidak boleh dipecat

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan (Larut): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Perbincangan kita ini mengenai Akta Samsu ataupun UMNO Baru dan UMNO lama?

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, kita bahas tentang samsu.

Point saya tadi ialah orang yang mabuk tidak boleh fikir perkara ini semua, jadi orang yang tidak mabuk sedang berfikir perkara ini, apa yang telah terjadi kepada masyarakat kita ini kerana kita hendak menyelamatkan masyarakat kita, negara kita. Satu daripada caranya ialah dengan menghapuskan penggunaan samsu haram, tetapi ada cara-cara yang lain lagi ialah barangkali dengan mewujudkan suasana keadilan, kemesraan, perpaduan yang sebenar di dalam negara kita dan masyarakat kita dan dengan yang demikian barangkali ini juga boleh membantu kita hidup sebagai rakyat di dalam sebuah negara yang merdeka dan barangkali boleh menjauhi daripada rakyat kita pergi kepada mencari jalan keluar dengan menggunakan cara-cara yang tidak baik seperti penggunaan samsu haram itu.

Saya sebut ini sebagai contoh-contoh sahaja bahawa ada banyak perkara dan masalah yang merunsingkan. Barangkali bagi setengah-setengah rakyat merasa bimbang dan perkara ini sepatutnya mendapat perhatian yang serius daripada semua pihak termasuk kita sebagai Wakil-wakil Rakyat yang berpeluang memberi pandangan dan pendapat di Dewan yang mulia ini.

Kalau kita baca suratkhbar setiap hari pun begitulah, semua jenis suratkhbar, kita tengok barangkali pandangan kasar lebih daripada 50% berita atau apa-apa yang dibicarakan di dalam suratkhbar-suratkhbar itu adalah tentang pertelingkahan antara satu pihak dengan pihak yang lain. Saya tidak hendak kata pihak mana betul, pihak mana tidak betul, tetapi kadang-kadang inilah yang menjadi rakyat di semua peringkat barangkali hidup di dalam kebimbangan, kekeliruan dan tidak mendapat keadaan yang sebenar. Umpamanya, kita dengar pertelingkahan setiap hari, pertelagahan cakap setiap hari antara orang-orang atasan, antara pemimpin, antara peguam-peguam dengan Perdana Menteri umpamanya, antara Perdana

Menteri dengan hakim, antara kumpulan 1 dan 2 di dalam satu parti, ada UMNO Baru, ada UMNO lama. Kedua-dua pihak mengatakan sayang kepada UMNO, kasih kepada UMNO tetapi mengapa mereka ini berkelahi kalau kedua-duanya sayang dan kasih kepada UMNO? Inilah perkara-perkara yang barangkali menjadi fikiran rakyat setiap hari yang tidak mabuk dengan samsu terpaksa menghadapi keadaan di sekeliling yang seumpama ini.

Saya menyebut barangkali orang yang minum samsu, mabuk dari samsu sahaja dia lupa perkara ini semua dan dia hidup lebih bahagia. Oleh yang demikian saya menyokong Rang Undang-undang ini supaya orang yang biasa mabuk dari samsu juga tidak mabuk dan dapat sama-sama menghadapi masalah yang dihadapi oleh negara pada masa ini mudah-mudahan kepada kita yang waras ini dapat berfikir untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi, barangkali orang yang pernah mabuk dari samsu itu bila tidak mabuk satu hari nanti akan dapat memberi buah fikirannya, pendapatnya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh negara pada masa ini. Sekian, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Yang Berhormat Menteri berkenaan menjawab kerana tidak ada yang hendak bercakap.

5.02 ptg.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang ini. Suka saya menghargai pandangan-pandangan mereka dan syor-syor telah diberi untuk memperbaiki keadaan ini dan juga sokongan-sokongan yang mereka telah berikan kepada Rang Undang-undang ini.

Saya juga suka mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana dalam perbahasan mereka, mereka telah menganalisa perkara mengapakah banyak di antara penduduk-penduduk di ladang-ladang dan juga di luar bandar menjadi mangsa kepada samsu gelap ini.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu pendidikan dan pencegahan dari segi sikap mereka yang menjadi penagih samsu. Saya mengaku kepentingan ini dan Kerajaan akan seboleh-bolehnya menggunakan media massa untuk tujuan ini, tetapi adalah juga menjadi tanggungjawab keluarga-keluarga dan badan-badan masyarakat untuk membantu dalam proses ini dengan bimbingan dan juga bantuan untuk pemulihan (rehabilitation).

Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengatakan bahawa masalah samsu gelap ini adalah masalah kawasan estet-estet sahaja. Ini tidaklah benar, masalah menjual dan minum samsu gelap berlaku juga di kawasan-kawasan bandar dan penangkapan yang telah dijalankan telah juga meliputi kawasan-kawasan bandar.

Wakil dari Bukit Bintang telah menegur bahawa Fasal 5 yang baru yang menggantikan seksyen 5 yang sedia ada adalah sangat keras memandangkan yang terlibat di dalam pemilikan samsu gelap ini kebanyakannya terdiri daripada mereka yang miskin dan berpendapatan rendah, tanpa mengambil kira banyaknya samsu gelap yang dimiliki, walaupun setitik mereka akan menerima akibat yang buruk. Oleh itu ia mencadangkan Kerajaan mempertimbangkan semula peruntukan ini. Yang Berhormat dari Simunjan pun telah memberi pandangan-pandangan seperti itu.

Untuk menjawab kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu, Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan bahawa

tujuan utama pindaan kepada Akta ini ialah bagi menghapuskan atau sekurang-kurangnya menghindarkan aktiviti-aktiviti yang kurang menyenangkan akibat dari minuman samsu gelap ini. Jika peminumnya yang terdiri daripada mereka yang miskin dan berpendapatan rendah ini dibenarkan minum samsu gelap tanpa berperasaan takut disebabkan hukuman yang ringan, maka hasrat yang diperlukan itu tidak akan tercapai dan mereka inilah yang akan menerima padahnya, yang akan mati akibat hukuman yang ringan bukannya pengilang atau pedagang tetapi yang minum dari milikan yang sedikit itu.

Dari statistik yang terkumpul, kejadian kematian yang sia-sia ini bukan pengilang atau pedagang, tetapi mereka dari golongan yang miskin dan berpendapatan kecil ini. Dengan yang demikian peruntukan Fasal 5 baru itu adalah wajar bagi mencapai tujuan utama pindaan kepada Akta 1976 itu, maka terpulanglah kepada mereka ini untuk mati secara sia-sia atau menghindar diri dari minuman samsu gelap ini dan dapat hidup lebih lama akibat beratnya hukuman yang diperuntukkan.

Wakil yang sama juga membuat cadangan agar Kerajaan melancarkan kempen mendidik pekerja ladang tentang kesan buruk samsu gelap ini, mengeluarkan rencana bersiri melalui media massa, mengadakan pertubuhan-pertubuhan sukarela untuk melawat ladang-ladang untuk memberi penerangan membuka pusat-pusat pemulihan, mengadakan kemudahan minuman gantian yang murah seperti todi, menggalakkan pengilang-pengilang berlesen memperkenalkan minuman yang murah, menggalakkan pengurusan ladang menyediakan minuman yang tidak berbayar dan juga perlu mengadakan caduan.

Jawapan kami, Tuan Yang di-Pertua, ialah cadangan-cadangan Ahli Yang

Berhormat itu akan dikaji dan dilaksanakan di mana-mana berupaya.

Wakil dari Hulu Selangor mencadangkan penguatkuasaan Akta ini perlu dikemaskinikan dan penyediaan minuman alternative umpamanya pembekalan todi yang terkawal 'dan "rice wine" yang murah. Selama inipun Kerajaan tidak mengabaikan penguatkuasaan Akta ini. Tanpa kerjasama rakyat adalah sukar untuk mengadakan penguatkuasaan yang berkesan kerana penglibatannya adalah secara sulit atau secara gelap. Oleh itu ingin saya menyeru semua pihak membantu Kerajaan untuk mendedahkan aktiviti-aktiviti gelap ini dan dengan demikian ia dapat dihapuskan sama sekali dari bumi Malaysia ini.

Berkenaan dengan cadangan-cadangan yang lain, itu akan dikaji dan dilaksanakan di mana berupaya.

Tuan Yang di-Pertua, separuh Ahli-ahli Yang Berhormat mencadangkan iaitu kita boleh juga menggunakan todi untuk mengganti samsu gelap ini. Ini bererti seorang tidak menjadi mangsa kepada harimau, tetapi dia jatuh dalam sungai dan pada akhirnya dia jadi mangsa kepada buaya. kepada saya, samsu jadi harimau dan todi jadi buaya dan kedua-dua pun bahaya. Saya tidak boleh katakan todi boleh jadi lebih baik daripada samsu, kedua-dua ini pun adalah serupa. Todi memakan masa untuk menghilangkan nyawa, tetapi dengan samsu, ia boleh menghapuskan nyawa dalam tempoh satu jam atau dua jam.

Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mencadangkan agar samsu sama ada gelap atau tidak diharamkan terus.

Jawapan kami, Tuan Yang di-Pertua, gejala samsu gelap ini timbul ialah kerana ianya murah dan dengan demikian memberi kemampuan kepada ramai mereka yang terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah tanpa menghiraukan akibatnya.

Dengan pindaan kepada Akta ini ke arah hukuman yang lebih berat adalah diharap mereka yang terlibat akan memberhentikan tabiat minum samsu gelap ini dan tidak mampu meminum yang dilesenkan itu lama kelamaan tabiat minuman samsu ini akan hilang dengan sendirinya dan dengan demikian satu hari nanti negara kita akan bebas dari peminum samsu.

Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal mengesyorkan Kerajaan memberi penerangan yang meluas kepada orang-orang dewasa dan kanak-kanak sekolah berhubung dengan akibat buruk yang timbul dari penglibatan dengan samsu gelap. Beliau juga berkata dalam ucapan beliau, beliau mewakili penduduk-penduduk daripada Nibong Tebal dan pengundi-pengundi daripada tempat itu. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua, tempat seperti ladang dan juga kampung-kampung, kampung bukan berertinya kampung Melayu, iaitu telah menjadi kampung, nama sahaja kampung tetapi kawasan-kawasan setingan, ladang-ladang itu dipunyai oleh tuan-tuan punya tanah iaitu orang British, apabila mereka menjual tanah itu, tempat yang mana penduduk-penduduk atau pekerja-pekerja yang sedia ada itu sudah jadi bukan tanah haram iaitu boleh dikatakan terdapat di Nibong Tebal sahaja, iaitu "no man's land". Orang yang duduk di sana bebas tidak kira dia jadi rakyat jelata di dalam tanahair ini dan di kawasan tersebut tidak ada air, tidak ada api, tidak ada jalan dan lain-lain. Mereka sudah jadi seperti satu kawasan di antara Thailand dengan sempadan Malaysia. Ada juga satu kawasan kita kata "no man's land". Ini pun jadi "no man's land", tidak ada undang-undang untuk memperbaiki keadaan mereka.

Jawapan kepada Yang Berhormat dari Nibong Tebal itu syor-syor tersebut akan dilaksanakan setakat yang berupaya dan saya berjanji kepada Yang Berhormat, jika ada juga apa-apa

masalah daripada kawasan itu saya akan mengambil tindakan.

Yang Berhormat dari Bandau berkata berkenaan dengan samsu gelap ertinya liquor yang memabukkan yang telah dikilang tanpa kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua, liquor yang memabukkan termasuklah apa-apa alkohol ataupun apa-apa cecair daripada apa juga jenis yang mengandungi lebih daripada 2% spirit proof tetapi tidak termasuk apa-apa alkohol diubah sifat yang diluluskan.

Spirit proof ertinya campuran alkohol dan air suling yang mana pada suhu 51 °F beratnya adalah betul-betul 12/13 bahagian daripada ukuran air suling yang sama pada suhu yang sama iaitu alkohol, ertinya 'alcohol ethil'. Jika tapai yang digunakan di Sabah dan Sarawak tidak mengandungi spirit proof ianya bukan liquor yang memabukkan dan dengan itu bukan samsu gelap.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah membangkitkan beberapa isu berkenaan dengan kesalahan. Jawapan daripada saya Tuan Yang di-Pertua, walaupun sebab melakukan kesalahan telah tidak dengan khusus diperuntukkan di dalam Akta ini, tetapi di bawah Kanun Keseksaan (Penal Code) sesiapa yang subahat iaitu pensubahat, akan melakukan apa-apa kesalahan yang sama dengan yang melakukan kesalahan itu, dengan ini pensubahat dalam kes samsu gelap akan boleh dituduh di mahkamah juga.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah membangkitkan beberapa isu, jawapan daripada saya iaitu selama ini pun hukuman yang diperuntukkan itu berkesan tetapi pindaan ini adalah untuk mencapai tahap yang lebih berkesan agar di satu masa yang tidak lama lagi samsu gelap ini akan lenyap. Peningkatan angka kematian bukan 'full proof' sukatan bahaya penguatkuasaan tidak berkesan.

Perkara yang dilakukan di dalam gelap secara sorok-sorok memang rumit untuk dikesan. Jadi kerjasama rakyat adalah penting untuk memberi maklumat kepada pihak yang berkuasa untuk mengambil tindakan yang wajar. Selain daripada itu hukuman yang berat juga satu langkah yang membuat seseorang berfikir dua kali sebelum melakukan satu-satu kesalahan. Dengan strategi ini adalah diharap samsu gelap ini akan terhapus.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kampar telah menuduh Akta ini dibentangkan oleh saya, oleh kerana saya suka mendapat political mileage. Mengapa saya suka membentangkan Undang-undang ini di dalam Parlimen ini Tuan Yang di-Pertua. Pada masa sekarang ada juga setengah peratus, ada satu, dua peratus yang menyokong kepada DAP. Mereka pun pada masa ada apa-apa kempen, mereka menggunakan samsu gelap ini dia menyokong kepada DAP, dia lawan sama kita. Jika kita hapuskan

Dr. Chen Man Hin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat.

Dato' S. Samy Vellu: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila Yang Berhormat dari Seremban.

Dr. Chen Man Hin: Yang Berhormat bercakap tidak betul. Tidak benar. Yang sokong DAP sekarang di seluruh Malaysia lebih daripada 20%. Tahukah atau tidak, bukan 1%.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya kata daripada kaum keturunan Indialah, bukan kaum-kaum yang lain, mana ada lebih.

Dr. Chen Man Hin: (*Bangun*)

Dr S. Samy Vellu: Saya tidak beri jalan kepada beliau. Ahli Yang Berhormat tidak datang ke Gopeng. Orang-orang penyokong DAP meminum samsu buang batu atas saya, mana Ahli Yang Berhormat. Mahukah proof, saya boleh beri photograph.

Dr Chen Man Hin: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta jalan Yang Berhormat.

Dato' S. Samy Vellu: Boleh beri jalan.

Dr Chen Man Hin: Pertikaian itu bukan sahaja DAP, saya ingat dia pun ada blame. You sendiri ada blame.

Dato' S. Samy Vellu: Ahli Yang Berhormat dari Seremban, saya hormat Ahli Yang Berhormat, sebab itu saya tidak mahu gaduhlah (*Ketawa*). Tetapi betul-betul mahu proof, saya boleh beri. Sebahagian daripada penyokong di Gopeng pada hari itu yang buat banyak huru hara saya tahu ialah semua kerana samsu gelap. Jikalau saya ambil tindakan ini untuk menghapuskan samsu gelap, pada masa akan datang dia boleh juga, dengan izin, 'use their own common mind', Tuan Yang di-Pertua.

Bukan juga saya mencari political mileage, oleh kerana saya membentangkan Rang Undang-undang ini. Rang undang-undang ini saya bentangkan dalam Dewan yang mulia ini oleh kerana saya bertanggungjawab kepada kaum keturunan India di dalam tanahair ini oleh kerana saya Ketua MIC. Saya bukan daripada DAP (*Tepuk*).

Walaubagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, pandangan-pandangan yang lain daripada Ahli Yang Berhormat dari Kampar itu saya terima. Kami, jikalau ada juga pandangan-pandangan yang baik memberi faedah kepada rakyat jelata walaupun dari DAP, daripada

PAS saya terima, saya seorang tidak payah cakaplah Yang Berhormat sendiri pun tahu (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah mengejutkan saya sedikit iaitu beliau dalam ucapannya berkata parti MIC ada banyak peruntukan oleh kerana itu meminta parti MIC sendiri bertindak untuk menghapuskan samsu gelap ini. Saya percaya itu tidak betul. Parti MIC ialah satu parti diwakili oleh rakyat jelata daripada yang berpendapatan rendah di dalam tanahair ini.

Tindakan-tindakan seperti itu tidak boleh dipertanggungjawab oleh Parti MIC. Tindakan-tindakan ini dipertanggungjawab ke atas Kerajaan kita.

Saya minta Ahli Yang Berhormat tukar fikirannya sedikit. Jikalau memberi pandangan, janganlah memberi pandangan seperti itu pada masa akan datang. Saya tidak mahu Kerajaan mengambil perhatian masalah-masalah kaum keturunan India oleh kerana mereka diwakili oleh MIC, tidak payahlah Kerajaan mengambil tindakan. Saya mahu Kerajaan mengambil tindakan, oleh kerana itu jugalah saya membangkitkan isu ini kepada Kerajaan. Jadi, pada akhirnya, Jemaah Menteri telah meluluskan dan pada akhirnya, insya Allah, kita akan mengadakan satu undang-undang baru untuk menghapuskan samsu gelap ini.

Saya suka mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani. Beliau telah membangkitkan beberapa isu-isu berkenaan dengan kaum keturunan India dan juga penduduk-penduduk ladang. Di dalam ucapan beliau, beliau berkata mereka yang menduduki dalam ladang-ladang ini tidak ada tindakan, tidak boleh menjalankan tindakan sosial, tidak mengadakan kemudahan-kemudahan dan lain-lain. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengambil beberapa tindakan untuk memperbaiki ke-

adaan di ladang-ladang. Pada masa ini saya tahu oleh kerana tiap-tiap minggu saya melawat beberapa banyak ladang-ladang di dalam tanahair ini. Saya tahu apakah keadaan di ladang, saya tahu juga apakah kemudahan mereka yang belum dapat lagi. Dan tidak berapa lama lagi saya akan mencadangkan kepada Kerajaan untuk memberi air yang lebih baik kepada mereka daripada Rancangan Bekalan Air Luar Bandar iaitu saya percaya Kerajaan ini akan berbelanja lebih daripada \$20 juta untuk memberi kemudahan seperti itu.

Berkenaan dengan kemudahan lampu elektrik kepada ladang-ladang iaitu mengikuti dengan ucapan Yang Berhormat dari Sungai Petani itu, banyak di antara ladang-ladang tidak mempunyai lampu elektrik sampai pukul 7.00 malam. Saya telah membangkitkan isu ini kepada agensi-agensi Kementerian untuk menjalankan siasatan dan saya percaya Kementerian Buruh akan menyiasat dan memberi satu pandangan kepada saya, saya percaya kita boleh juga berbincang dengan ladang-ladang untuk memberi lampu elektrik kepada mereka selepas pukul 5.00 petang sampai pukul 12.00 malam. Dan dengan itu, mereka boleh juga menyaksikan TV dan lain-lain serta mendapat tahu apakah kemudahan-kemudahan yang mereka boleh dapat.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Simunjan dan juga Lembah Pantai dan dari Besut yang telah memberi pandangan mereka. Saya percaya dengan Akta ini pada masa akan datang dengan kerjasama daripada agensi-agensi Kerajaan, kita boleh juga menghapuskan samsu gelap daripada tanahair ini.

Dua bulan yang lalu saya melawat ke ladang Trans - Krian. Saya dapat tahu apakah keadaan di ladang Trans - Krian. Beberapa tahun yang lampau apabila saya melawat pekan Kajang yang mana ada mangsa-mangsa samsu gelap lebih

daripada 14 orang mengorbankan nyawa mereka dalam dua hari, saya tahu apa keadaan itu. Pada hari ini banyak di antara masalah-masalah ini bukan sahaja di ladang-ladang itu tetapi pengilang samsu ini dibuat di bandar, tetapi dijual kepada penduduk-penduduk di ladang-ladang. Saya percaya jikalau kita meluluskan undang-undang seperti ini dan juga mengadakan penguatkuasaan yang lebih baik, saya percaya kita boleh menghapuskan samsu gelap ini.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan. Sekian ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA PELESENAN
KENDERAAN PERDAGANGAN
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.28 *ptg.*

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 1987 dibaca kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda beberapa peruntukan dalam Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987. Pindaan-pindaan ini adalah perlu bagi memperkemas dan memperlengkapkan lagi peruntukan-peruntukan yang ada dalam Akta ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 adalah merupakan suatu Akta yang berkaitan dengan pelesenan dan pengawalseliaan serta penguatkuasaan kenderaan-kenderaan perdagangan di bawah Lembaga-lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan di Kementerian saya. Akta ini mula berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1988 bagi menggantikan Bahagian 5 Ordinan Lalulintas Jalan 1958 yang berkaitan dengan Pelesenan Kenderaan-kenderaan Perdagangan.

Setelah Akta ini diluluskan dan dikuatkuasakan, terdapat beberapa perkara teknikal yang perlu dijelaskan dengan nyata. Ini memerlukan beberapa pindaan kepada Akta ini.

Untuk memperkemas Akta ini supaya lebih jelas dan teratur, beberapa takrif baru pindaan dan peruntukan-peruntukan tambahan telah dimasukkan ke dalam Akta. Ini bertujuan untuk mengelakkan keraguan dalam pen-

tafsiran ataupun mentafsirkan perkataan-perkataan atau peruntukan-peruntukan yang ada dalam Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya Rang Undang-undang ini telah memasukkan takrif baru dan menambakan beberapa perkataan di bawah Fasal 2 supaya menjelaskan maknanya dengan nyata. Antaranya ialah dengan meminda takrif 'bas mini' untuk mencerminkan amalan sekarang yang membenarkan 26 penumpang yang mana juga adalah termasuk pemandu bas. Di samping itu Fasal 2 juga memasukkan takrif baru iaitu Ketua Pegawai Polis yang bermaksud mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang diberi kuasa secara bertulis oleh seorang Ketua Pegawai Polis untuk menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada Ketua Pegawai Polis. Takrif Pegawai Polis juga dimasukkan dalam Fasal ini. Ini adalah bertujuan untuk menjelaskan takrif Ketua Pegawai Polis dan pegawai-pegawai polis yang diberikan kuasa-kuasa tertentu di bawah Akta ini.

Fasal 5 Rang Undang-undang ini pula membuat pindaan berkenaan dengan kuasa Lembaga mewakili fungsi-fungsinya kepada pegawai awam sahaja. Ini adalah perlu untuk mengelakkan fungsi-fungsinya Lembaga diwakilkan kepada orang-orang yang bukan pegawai awam.

Fasal 6 Rang Undang-undang ini meminda seksyen 34 untuk memberi kuasa kepada Lembaga menetapkan berat dan muatan maksima dibenarkan bagi sesuatu kenderaan perdagangan. Memandangkan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan adalah bertanggungjawab berkenaan dengan pelesenan kenderaan perdagangan, adalah wajar tersebut dikuatkuasakan oleh Lembaga.

Untuk memberi kuasa menyasiat kepada Pegawai Pengangkutan Jalan, Rang Undang-undang ini memasukkan

seksyen baru iaitu Seksyen 44A. Dengan adanya kuasa ini penguatkuasaan yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Pengangkutan Jalan akan lebih berkesan.

Satu lagi seksyen baru ialah seksyen 45A untuk memberi kuasa kepada pegawai polis dan pegawai pengangkutan jalan memerintah seorang awam yang disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta ini menghadiri diri ke mahkamah Majistret yang paling berhampiran sebagai ganti membuat permohonan kepada mahkamah untuk mendapatkan saman. Dengan adanya peruntukan ini tindakan penguatkuasaan akan dapat berjalan dengan segera dan berkesan.

Rang Undang-undang ini juga membuat pindaan kepada seksyen 49 Akta ini supaya pegawai polis dan pegawai pengangkutan jalan yang khusus diberi kuasa secara bertulis. Ini adalah bertujuan untuk menghadkan kuasa yang diberikan di bawah seksyen ini kepada pegawai-pegawai tertentu sahaja.

Pindaan-pindaan dan tambahan kepada Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 adalah perlu bagi memperkemaskinikan dan memperlengkapkan lagi peruntukan-peruntukan yang ada.

Walaupun peruntukan-peruntukan Akta memberi kuasa yang secukupnya dalam penguatkuasaan Akta ini, ianya tidak menyatakan kuasa dengan nyata bagi pihak tertentu untuk melaksanakannya. Dengan memasukkan atau menambahkan peruntukan-peruntukan baru, maka kuasa-kuasa pihak tertentu akan lebih nyata dan jelas. Ini akan memberi kesan yang lebih dalam penguatkuasaan peruntukan-peruntukan di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1978 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

5.35 ptg.

Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan-pindaan yang dicadangkan. Berkenaan dengan pindaan ke atas seksyen 34 untuk memberi kuasa kepada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan menetapkan Maximum Permissible Laden Weight (MPLW) atau muatan maksimum yang dibenarkan bagi sesuatu kenderaan perdagangan, saya berpendapat bahawa langkah ini mempunyai lojiknya. Lembaga meluluskan lesen kenderaan perdagangan. Ia patut juga diberikan kuasa untuk menetapkan muatan maksimum yang dibenarkan.

Di samping menyokong pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan supaya menggunakan kuasa baru yang akan diberikan oleh Parlimen ini untuk mengkaji semula had berat muatan yang dikuatkuasakan pada masa sekarang.

Selepas kemerdekaan tercapai, jalan-jalan di negara kita telah diperbaiki dan dimodenkan sehingga lebuh raya-lebuh raya bertaraf antarabangsa pun sudah wujud. Lagi pun kenderaan-kenderaan perdagangan pun sudah dinaikkan tarafnya. Kebanyakan lori yang berjalan hari ini diimport dari Eropah, Amerika dan Jepun dan boleh mengangkut barang-barang yang berat dengan selamat. Tetapi malangnya, had berat muatan yang ditetapkan pada zaman kolonial masih dikekalkan. Sedikit pindaan pernah dibuat pada

tahun 1978, tetapi pindaan menyeluruh dan jangka panjang masih ditunggu-tunggu. Akibatnya, bukan sahaja merugikan pengusaha-pengusaha lori tetapi negara juga rugi kerana negara tidak dapat menggunakan sumber pengangkutan secara optima.

Lihat sebuah SCANIA LB80, satu *articulated vehicle*, sebagai contohnya. Harga pasarannya bernilai \$180,000 satu unit. Kenderaan ini boleh mengangkut berat muatan maksimum sebanyak 36 tan dan *pay load* sebanyak 26 tan, tetapi mengikut MPLW yang ditetapkan sekarang kenderaan buatan Sweden ini dibenarkan muatan maksimum sebanyak 28 tan dan *pay load* sebanyak 18 tan sahaja.

Oleh yang demikian, kos pengangkutan lori di negara kita tinggi sekiranya dibandingkan dengan negara-negara yang lain seperti Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Kerajaan menggalakkan kilang dibuka secara besar-besaran di kawasan luar bandar seperti Nibong Tebal, kos pengangkutan haruslah diminimumkan. Sekiranya tidak, pelabur-pelabur besar, terutama sekali yang datang dari luar negeri tentu tidak akan melabur di kawasan luar bandar. Mereka lebih suka menempatkan kilang-kilang mereka dekat pelabuhan.

Pada minggu yang lalu masalah ini telah dibangkitkan di Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri oleh Menteri Besar Kedah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Osman Arof. Beliau berkata bahawa pelabur-pelabur yang telah membuka kilang dikawasan-kawasan perindustrian di negara beliau mengadakan bahawa kos mengangkut barang-barang ke pelabuhan besar seperti Butterworth terlalu tinggi. Saya merasa gembira bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berkata bahawa Jawatankuasa Kabinet mengenai

pelaburan akan mencari jalan untuk mengatasi masalah ini.

Ingin saya dengan hormatnya memaklumkan kepada Menteri Perusahaan Awam yang menjaga Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan bahawa jalan yang paling berkesan untuk mengatasi masalah yang disebutkan oleh Menteri Besar Kedah itu ialah menggunakan kuasa yang dipohonkan dalam Rang Undang-undang ini untuk meminda maximum permissible laden weight yang ada sekarang. Sekiranya maximum permissible laden weight dipinda dari 28 ton ke 36 ton, kenderaan SCANIA LB80 yang disebutkan tadi dapat meningkatkan *pay load*nya dari 18 ton ke 26 ton dan menjimatkan kos pengangkutan sebanyak 44%.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

5.43 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan satu Akta meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987.

Sungguhpun penerangan begitu ringkas yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sebentar tadi, saya ingin mengambil kesempatan sedikit berhubung dengan fasal-fasal yang telahpun dibacakan satu persatu.

Pertama, Fasal 2. Fasal 2 bertujuan memasukkan takrif-takrif baru dalam seksyen 2 Akta, termasuk takrif-takrif "Akta ini" yang tujuannya ialah mengelakkan keraguan dalam mentafsirkan perkataan-perkataan itu. Ia juga bertujuan meminda takrif "bas mini" untuk mencerminkan amalan masa kini

membenarkan dua puluh enam penumpang (termasuk pemandu) berada atas bas.

Dalam soal bas mini ini, lebih-lebih lagi di Kuala Lumpur, boleh dikatakan bas mini kadangkala pemandunya begitu ganas membawa kenderaan di tengah pekan yang kadangkala di masa-masa yang sangat mencemaskan sama ada pagi dan petang mereka ini berlumba-lumba untuk mendapatkan penumpang-penumpang. Dalam keadaan ini dihadkan 26 penumpang sahaja (termasuk pemandu) tetapi kita lihat bas-bas mini ini lebih membawa penumpang, kadangkala sampai tidak muat, sampai bergayut di pintu-pintu dari di tangga-tangga bas ini. Dalam masalah ini saya mengharapkan supaya Lembaga Pelesenan mengambil berat hal ini lebih serius lagi kerana di samping kita melihat keadaan menyakitkan mata melihat penumpang-penumpang, di samping itu kita takut kemalangan-kemalangan berlaku yang akan mengakibatkan nyawa ataupun terbalik dan seterusnya jika kita tidak awasi.

Sungguhpun pihak Kerajaan telahpun memberi pihak polis, Jabatan Pengangkutan Jalan dan seterusnya membuat sekatan-sekatan dan sebagainya tetapi driver-driver ini masih lagi bermaharajalela di jalanraya-jalanraya. Jikalau tidak ada had yang benar-benar, kalau 26 orang tetap 26 orang, satu orang sahaja lebih pun patut didenda supaya pemandu-pemandu ini benar-benar mengikut peraturan di jalanraya.

Dalam soal yang lain, soal bas mini ini, kita mengharapkan tidak juga pemandu-pemandu ini sesuka hati berhenti mengambil penumpang dan juga menurunkan penumpang. Kadangkala mana suka sahaja, sungguhpun pihak Dewan Bandaraya, khususnya di Kuala Lumpur ini telah menyediakan tempat-tempat perhentian bas tetapi bas-bas mini ini tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah disediakan, kadangkala meng-

ganggu kenderaan yang lain yang dari belakang. Ini akan menyusahkan lagi di Kuala Lumpur ini, lebih-lebih lagi di masa kesesakan yang berlaku.

Kedua, soal teksi. Teksi juga dalam Kementerian Perdagangan. Kita mendapati banyak rungutan-rungutan, di samping pemandu-pemandunya yang tidak bersopan jika membawa kenderaan memotong kenderaan-kenderaan lain, ini juga di samping melihat keadaan penumpang-penumpang juga.

Saya pada satu pagi naik keretapi dari Pulau Pinang dan sampai di Kuala Lumpur hendak menaiki teksi di Stesyen Keretapi. Dia bertanya kepada saya hendak pergi ke mana. Saya kata hendak balik ke Petaling Jaya. Dia kata, "Saya tidak mahu, dekat sangat." Dia hendak cara orang yang jauh, lagipun saya seorang sahaja. Rupa-rupanya teksi ini kalau hendak naik satu teksi, dia charge, kalau ada ramai yang turun dari keretapi dia charge tiap-tiap satu orang, bukan satu teksi. Kalau dia datang ramai, dia charge ramai. Inilah keadaan-keadaan yang berlaku dengan teksi di Kuala Lumpur ini. Sekiranya yang berlaku kepada penumpang-penumpang dari luar negeri, menunjukkan keadaan yang tidak baik ini, ini akan menjatuhkan imej negara kita. Ini juga sepatutnya mendapat pandangan dari pihak Lembaga Pelesenan supaya mereka yang berkenaan ini berhati-hati.

Begitu juga mengambil penumpang serupa dengan tabiat pemandu-pemandu bas mini tadi di mana dia suka dan kalau nampak di depan itu ada pelanggan-pelanggan, walaupun dia laju, dia boleh potong kita. Kalau kita tidak betul-betul, kita akan langgar dia ataupun dia melanggar kita. Ini menjadi masalah, kadang-kadang bergaduh, pertengkaran berlaku di tengah-tengah jalan mengakibatkan juga kenderaan-kenderaan lain akan tergendala disebabkan keadaan bas-bas ini.

Soal yang ketiga ialah bas kilang. Bas-bas kilang ini juga Lembaga Pelesenan memberikan permit. Kita melihat bas-bas kilang ini juga bermaharajalela lebih macam bas juga. Di tepi-tepi jalan atau di mana-mana juga dia akan mengambil penumpang-penumpang awam, dia akan berhenti dan mengambil sedangkan bas kilang ini adalah khas untuk pekerja-pekerja kilang-kilang yang berkenaan sahaja, tetapi mereka ini menggunakan bas-bas ini untuk mengambil penumpang-penumpang awam untuk mendapatkan wang tambahan kepada mereka.

Kita tahu dalam keadaan ini bas-bas kilang ini khas kepada pekerja-pekerja kilang-kilang sahaja. Jikalau sekiranya berlaku kemalangan dan seterusnya kemungkinan pihak insurans tidak akan memberi pampasan dan sebagainya kerana mereka ini bukan pekerja kilang tetapi pekerja awam. Ini juga kita mengharapkan supaya keadaan-keadaan seumpama ini dapat diperbaiki dari masa ke semasa.

Lagi satu ialah lori. Lori-lori berat ini juga, khususnya di Kuala Lumpur, sungguhpun ada diberi had masa, di masa-masa yang sibuk sama ada pagi, petang dan tengah hari lori-lori ini juga sungguhpun ada diminta berhenti di bahu-bahu jalan tetapi lori-lori ini masih juga berjalan. Kadang-kadang muatan yang dibawa itu lebih daripada had muatan yang disediakan yang ditulis di dinding lori-lori tersebut. Sungguhpun muatan itu ringan, umpamanya membawa zinc yang tidak berat atau plastik, tetapi tingginya sampaikan kita tidak boleh melihat daripada belakang, kalau kita hendak melihat ke hadapan tidak nampak. Ini juga kita harus perhatikan supaya mengadakan undang-undang yang standard, undang-undang yang benar-benar dapat diikuti oleh lori-lori ini, termasuk juga lori-lori berat ini di jalanraya-jalanraya yang besar, kita selalu tergendala lebih-lebih lagi kalau kita pergi ke arah utara kerana banyak lagi jalan-jalan yang belum ada dua haluan.

Mereka ini kadangkala tidak menghiraukan keselamatan orang lain. Kita lihat lori-lori ini buat sesuka hati sahaja kerana dia membawa muatan yang begitu berat, naik bukit dia perlahan mengikut limit di jalan yang kadang-kadang sampai berbatu-batu dan kalau hendak kita memotong, tidak boleh.

Saya mencadangkan di sini supaya pihak Lembaga Pelesenan ini ataupun pihak Jabatan Pengangkutan Jalan membuat undang-undang supaya kenderaan-kenderaan seumpama ini kalau melihat kenderaan banyak di belakang supaya mereka ini boleh berhenti di tepi ataupun di bahu-bahu jalan supaya memberi laluan. Ini saya rasa banyak masalah yang timbul, misalnya Bomba kemungkinan hendak lalu, ambulan hendak lalu, kadang-kadang ada keadaan kecemasan yang lain. Dengan adanya kenderaan seperti ini kenderaan kecemasan tidak dapat bergerak cepat kerana kenderaan yang datang dari hadapan pun sudah menutup jalan, yang disini pun menutup jalan. Kerana keadaan ini, ia menjadi susah kepada kenderaan-kenderaan ringan.

Oleh itu kita mengharapkan kenderaan-kenderaan seumpama ini dapat memberi laluan kepada kenderaan-kenderaan lain, lebih-lebih lagi bila mendaki bukit atau menurun dan seterusnya memberi laluan kepada kenderaan awam.

Satu perkara lagi berhubung dengan kereta, kalau tidak silap saya sudah empat kali berlaku kereta saya bertembung dengan lori yang membawa batu. Sungguhpun lori itu sudahpun ditutup tetapi ada dindingnya yang masih pecah dan batu itu terkeluar. Kereta saya sudah lima kali bertukar wind-screen kerana pecah. Apabila kita pergi tangkap dia, pemandu lori ini kata macam-macam ceritanya, dia makan gaji sehari \$25, hendak bayar macam mana, menyembah dan sebagainya. Kita hendak claim insuran, baru sahaja sudah claim dan

hendak claim lagi tidak boleh, dan terpaksa bayar beratus-ratus ringgit. Ini juga kita harapkan supaya benar-benar lori yang membawa batu-batu ini khususnya batu-batu jalan ini jaga betul-betul rapi, jangan batu-batu ini tercampak kena cermin-cermin kereta yang ikut di belakangnya. Ini kerap berlaku yang saya sendiri alami. Ini juga sepatutnya pada pandangan saya diambil satu cara membuat undang-undang khusus kepada pemandu-pemandu lori ini.

Saya rasa itulah sahaja pandangan saya bagi menguatkan lagi Akta ini supaya berjalan dengan lancar dan dengan keadaan ini kita mengharapkan supaya pada suatu masa negara kita ini akan dapat mencerminkan keadaan yang begitu baik sama ada pemandu kenderaan perdagangan dan juga kenderaan-kenderaan yang dipandu sendiri supaya bertatertib di jalanraya dan menjaga keselamatan di antara satu sama lain.

Dengan keadaan ini, kemungkinan orang lain yang datang akan dapat melihat negara kita ini ada mempunyai undang-undang dan undang-undang yang kita luluskan di dalam Parlimen ini benar-benar diikuti oleh pihak-pihak yang menggunakan kenderaan berlesen dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong di atas Rang Undang-undang ini supaya diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat dari Maran.

5.54 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Tuan Yang di-Pertua, sambil menyokong Rang Undang-undang ini, saya mengambil kesempatan untuk membahaskan beberapa perkara yang berkaitan dengan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka merujuk kepada Fasal 2(d) yang mana Akta ini akan memberi kuasa kepada selain daripada yang ditetapkan diberi kuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa yang diletakkan oleh Akta ini, selain daripada Pegawai Polis, termasuklah Pegawai Polis Tambahan, Pegawai Polis Sukarelawan Simpanan dan Pegawai Polis Bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah Akta ini sudah barang tentu pegawai-pegawai yang berkenaan ini berkehendakkan tahu dari segi undang-undang dan lain-lain aturcara yang ditentukan oleh Kementerian yang berkenaan. Dan perkara ini dalam kita menjalankan undang-undang sudah barang tentu kita boleh mendakwa dan didakwa.

Jadi saya ingin tahu setakat mana Kementerian yang terlibat boleh memberi jaminan bahawa Pegawai Polis Tambahan, Pegawai Polis Sukarelawan Simpanan dan sebagainya boleh menjalankan tugas mereka dengan lebih sempurna. Sebab kita bimbang kalau mereka ini kurang cekap dari segi peraturan dan undang-undang, kita bimbang kuasa yang diberi akan disalahgunakan dan yang menjadi susah ialah kepada pemilik-pemilik lesen kenderaan ini.

Jadi pada saya bagi menentukan mereka ini boleh menjalankan tugas, pihak Kementerian mestilah sentiasa memberikan kursus ataupun memberitahu perkara-perkara baru supaya apabila mereka menjalankan kerja ataupun kuasa-kuasa yang diberikan kepada mereka tidak menyalahi dari undang-undang yang sebenar.

Perkara yang kedua ingin saya merujuk kepada Fasal 8 yang mana kuasa Pegawai Pengangkutan Jalan dalam penyiasatan yang kita tambah pada Seksyen baru 44A. Ini juga perlu diambil perhatian kerana selain daripada

Pegawai Pengangkutan Jalan, pihak Polis juga tentu diberi kuasa menjalankan perkara ini.

Perkara yang perlu kita ambil perhatian ialah kita takut perkara yang diambil tindakan oleh Polis diberi juga kuasa kepada Pegawai Pengangkutan Jalan. Jadi perkara ini akan berlapis dan menyulitkan lagi dalam tindakan kita bagi menjalankan tugas-tugas yang berkenaan.

Dalam hal merujuk kepada mahkamah dalam Fasal 10, saya menyokong tambahan Seksyen 45A ini kerana ini boleh mempercepatkan lagi perkara-perkara yang berkaitan. Kita tidak perlu merujuk perkara itu kepada mahkamah bahkan kita boleh menyelesaikan perkara itu tanpa merujuk kepada mahkamah, hanya melalui Pegawai Pengangkutan Jalan sahaja. Ini boleh mempercepatkan perkara kecil yang perlu dipercepatkan. Tetapi perlu ingat supaya kita tidak boleh jalankan ataupun menyalahgunakan kuasa yang diberikan.

Saya ingin menyentuh satu lagi perkara — saya tidak berapa pasti sama ada perkara ini di bawah Kementerian ini ataupun di bawah JPJ iaitu berhubung dengan bas-bas pelancong dan bas-bas ekspres. Setahu saya bas-bas pelancong dan bas ekspres ini telah ditentukan tempat-tempat yang perlu mereka mengambil penumpang. Tetapi apa yang kedapatan sekarang ialah ada di antara bas ekspres yang memang tidak langsung ada berkaitan tempat laluan dan tempat mengambil penumpang bas-bas ekspres ini telah datang ke tempat yang berkenaan dan mengambil penumpang-penumpang di situ. Jadi, bas runcit yang ada di situ yang boleh mengambil sedikit keuntungan sentiasa menghadapi masalah, begitu juga teksi. Jadi, perkara ini perlulah diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan.

Begitu juga bas-bas pelancong, ka-

dangkala apabila mereka agak tidak mendapat pelancong-pelancong, mereka menggunakan bas ini kadangkala dengan sewenang-wenangnya mencari di mana sahaja penumpang yang mereka dapat. Ini juga akan menyusahkan kepada bas-bas runcit dan juga teksi-teksi kerana penumpang-penumpang yang selalu mereka ambil telah diambil oleh orang lain yang sepatutnya tidak boleh mengambilnya mengikut undang-undang yang ditentukan. Jadi, perkara ini juga perlulah Kementerian yang terlibat mengambil perhatian. Perkara ini memang menjadi rungutan kepada tuanpunya-tuanpunya teksi dan juga tuanpunya-tuanpunya bas runcit.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong.

6.02 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya kita diberitahu tujuan Rang Undang-undang tersebut ialah untuk memberikan kuasa kepada Pegawai-pegawai Polis dan Pegawai-pegawai Pengangkutan Jalan untuk menjalankan kuasa-kuasa yang diletakkan oleh Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987. Ia juga cuba untuk menghuraikan bidang kuasa Pegawai Pengangkutan Jalan dalam sesuatu penyiasatan. Suatu takrif baru telah diberikan kepada maksud 'Ketua Pegawai Polis' dan 'Pegawai Polis'.

Walau bagaimanapun, satu penjelasan yang lebih jelas harus diberikan kepada seksyen-seksyen yang dipinda. Misalnya dalam Fasal 5 yang cuba untuk meminda seksyen 11 Akta, ia di-huraikan sebagai memastikan Lembaga mewakili fungsi-fungsinya kepada pegawai-pegawai awam ini tetapi dalam pindaan ini ia tidak menjelaskan siapakah yang dimaksudkan dengan

pegawai-pegawai awam ini. Penjelasan semua adalah perlu memandangkan bidang kuasa yang diberikan di bawah pindaan ini hanya boleh diketahui jika dijelaskan pegawai-pegawai awam yang terlibat itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi yang membangkitkan mengenai kekeliruan atau pencerobohan kawasan-kawasan oleh bas-bas pelancong, kilang, ekspres, bas mini dan teksi. Saya pun seringkali menerima aduan daripada pihak teksi, bas mini mengenai pencerobohan-pencerobohan yang tersebut. Sukalah saya mencadangkan bahawa pihak lembaga mengambil tindakan yang lebih tegas untuk menyelenggarakan hal keluaran permit dan lesen supaya bilangan bas pelancong, kilang, ekspres, mini dan teksi itu tidak melebihi apa yang diperlukan yang dapat ditanggung oleh penduduk-penduduk dan supaya kawasan-kawasan tertentu tidak ada kelebihan kenderaan-kenderaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi aduan yang seringkali saya terima penyelewengan yang lain, termasuk rasuah dan sebagainya dan saya tidak mempunyai bukti untuk mengesahkan sama ada perkara ini berlaku kerana saksi-saksi enggan untuk menjadi saksi di mahkamah. Saya berharaplah juga pihak Lembaga dapat meneliti dan berjaga-jaga perkara-perkara penyelewengan seperti rasuah dan sebagainya.

Seksyen 44 pula dipinda dengan menambahkan seksyen baru 44A yang mempunyai tiga bahagian. Dalam seksyen 44A ini ia cuba untuk menghurai-kan kuasa Pegawai Pengangkutan Jalan dalam sesuatu penyiasatan. Kemudian pada seksyen 44A(1) pula Pegawai Pengangkutan Jalan diberikan kuasa untuk mendapatkan maklumat sama ada secara lisan atau bertulis daripada mana-mana pihak yang disangkakan tahu akan fakta-fakta dan hal-keadaan kes yang disiasat. Walau bagaimanapun,

ia tidak menjelaskan daripada pangkat mana Pegawai Pengangkutan Jalan yang diberi kuasa untuk berbuat demikian, tidak seperti dalam pindaan seksyen 2(c) hanya Pegawai Polis yang tidak rendah dari pangkat Inspektor dan yang berhak menjalankan kuasa-kuasa yang diletakkan di bawah akta ini dapat berbuat demikian. Satu takrif yang jelas harus diberikan kepada Pegawai Pengangkutan Jalan seperti yang telah dibuat untuk takrif 'Ketua Pegawai Polis'.

Tuan Yang di-Pertua, secara kesimpulannya adalah perlu bagi Kementerian Pengangkutan untuk memastikan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan yang hanya diluluskan pada tahun 1987 kini akan dipinda pada seksyen-seksyen tertentu tidak akan mempunyai 'loopholes' ataupun kelemahan-kelemahan seperti yang terdapat pada Akta ibunya. Di samping itu, Kementerian sendiri patutlah mengawasi Pegawai-pegawai Pengangkutan Jalan yang diberikan bidang kuasa yang luas supaya menjalankan tugas mereka dengan dedikasi dan berhati-hati. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pagoh.

6.08 ptg.

Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut sama membahaskan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987.

Saya ada beberapa perkara yang saya ingin terangkan di sini. Yang pertama, berkaitan dengan pindaan Fasal 6. Dalam pindaan Fasal ini ialah bertujuan meminda seksyen 34 Akta untuk memberi kuasa kepada Lembaga menetapkan berat dengan muatan maksimum dibenarkan sesuatu kenderaan perdagangan. Dalam hal ini, kita memang

selalu menghadapi masalah berkaitan dengan kenderaan-kenderaan yang tidak mematuhi had muatan dan kenderaan-kenderaan ini selalunya membawa muatan-muatan yang berlebihan — bukan sahaja sedikit tetapi amat berlebihan dan keadaan ini selalunya adalah membahayakan bukan sahaja kepada kenderaan yang berkenaan, tetapi juga membahayakan kepada kenderaan-kenderaan yang lain.

Dalam hal ini saya ingin membawa kepada soal penggunaan kenderaan-kenderaan lebih muatan di kawasan-kawasan luar bandar, iaitu bagi penggunaan jalan-jalan yang bertaraf C di kawasan-kawasan luar bandar. Pada kebiasaannya kenderaan-kenderaan yang membawa barang yang lebih muatan ini beranggapan bahawa kawasan-kawasan luar bandar ini terlepas daripada penguatkuasaan dan mereka lebih suka menggunakan jalan-jalan ini bagi tujuan pengangkutan mereka. Oleh sebab itu, kita dapati banyak kenderaan-kenderaan yang melebihi muatan ini menggunakan jalan-jalan di kawasan luar bandar yang bertaraf C dan banyak jalan-jalan yang bertaraf C ini menjadi rosak, bukan sahaja rosak yang sedikit tetapi kerosakan-kerosakan ini adalah amat banyak dan terlalu teruk kerana sentiasa digunakan oleh kenderaan-kenderaan yang berat ini.

Biasanya mereka akan mengangkut hasil-hasil ataupun barang-barang di kawasan-kawasan luar bandar, tetapi mereka tidak mematuhi had-had muatan ini dan apa yang berlaku ialah soal kos bagi penyelenggaraan jalan ini. Kebiasaannya oleh sebab berlaku banyak yang rosak sehingga tidak ada usaha-usaha untuk membaiki jalan ini, sama ada jalan ini terlalu banyak tempat yang rosak ataupun kos bagi penyelenggaraan ini terlalu tinggi hingga tidak dapat diperuntukkan kos penyelenggaraan ini bagi satu-satu masa. Ini kerap berlaku bukan sahaja di kawasan saya, tetapi saya fikir di kawasan-kawasan lain juga berlaku keadaan ini dan adalah

malang apabila keadaan ini berlaku jalan-jalan ini hanya dibaiki dengan menurap kawasan-kawasan yang tertentu sahaja untuk sekadar menutup lubang-lubang dan itupun bukan dengan batu putih tetapi banyak tempat-tempat ini pula ditutup dengan tanah merah sahaja. Ini bukan membaiki keadaan tetapi lebih memburukkan keadaan di kawasan-kawasan jalan khususnya di kawasan-kawasan luar bandar. Oleh itu saya berharap pegawai-pegawai yang telah diletak hak oleh Akta ini bagi menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukkan hendaklah tidak sahaja menitikberatkan di kawasan-kawasan bandar tetapi juga di kawasan-kawasan luar bandar. Dengan cara ini kita harap lori-lori ini tidak akan bermaharajalela di kawasan-kawasan luar bandar dengan tidak mengikuti undang-undang yang telah ditetapkan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, lori-lori yang membawa barang-barang ini juga mesti benar-benar mematuhi cara-cara pembawaan barang-barang berat, bukan sahaja muatan itu diikuti, tetapi kenderaan yang mempunyai lampu isyarat mesti berada di hadapan bagi memberi amaran berhati-hati. Perkara ini selalu berlaku, iaitu kenderaan berat berada di suatu jalanraya tanpa ada tanda-tanda amaran di hadapan dan amat membahayakan. Adalah menjadi kelaziman juga bagi mengelakkan daripada penguatkuasaan undang-undang ini, mereka mengambil kesempatan untuk membawa barang-barang yang lebih muatan ini di waktu-waktu malam kerana di waktu malam biasanya kurang penguatkuasaan. Tetapi keadaan ini lebih membahayakan kepada pengguna-pengguna jalanraya kerana waktu malam dengan keadaan yang gelap dan kadang-kadang kita juga terserempak dengan satu keadaan yang lebih membahayakan apabila kenderaan-kenderaan yang berat ini, bukan satu buah tetapi berpuluh-puluh buah berhenti di kiri kanan jalan kerana mereka telah terlalu jauh berjalan, penat

dan berhenti di kiri kanan dengan keadaan menjadi terlalu sempit dan membahayakan dengan tidak ada isyarat-isyarat tertentu dan ini lebih lagi membahayakan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sering terlibat dengan keadaan di mana kenderaan-kenderaan atau lori-lori yang dimuatkan dengan bahan-bahan atau barang-barang cair seperti buku getah, pasir sungai dan juga binatang yang boleh menyebabkan pembuangan najis dan lain-lain kotoran sewaktu dalam perjalanan. Perkara ini selalu berlaku dan kita tidak faham bagaimana seharusnya peraturan ini patut dikenakan kepada kenderaan-kenderaan ini kerana pembuangan bahan-bahan ini juga mengganggu kenderaan-kenderaan yang lain bukan sahaja dari segi kotoran, tetapi apabila terlalu banyak buangan, ini boleh menyebabkan gangguan kepada penglibatan dan lain-lain lagi. Jadi, saya fikir sampai masanya hari ini supaya pihak Kementerian menetapkan bagaimana cara-cara tertentu boleh digunakan dan penguatkuasaan yang ketat boleh dijalankan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Dijemput Timbalan Menteri menjawab.

6.14 ptg.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji

Taha: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal, Lembah Pantai, Maran, Kepong dan Pagoh.

Pada keseluruhannya saya bersetuju dengan sebahagian besar pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana kadangkala saya sendiri juga pun mengalami pengalaman yang sama, misalnya keadaan pemandu bas mini, pemandu lori, teksi dan sebagainya. Dalam hal ini saya

sukalah memberi ulasan dengan secara detail juga kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal supaya had muatan kenderaan ini dikaji semula berdasarkan kepada jalanraya-jalanraya yang telah bertambah baik, lebuhraya-lebuhraya moden telah kita wujudkan, pihak Kementerian bersedia mengkaji semula had-had kenderaan ini dan memanglah logiknya dikaji semua berdasarkan kepada kos pengangkutan yang agak tinggi sekarang ini. Walau bagaimanapun untuk mengubah had-had berat muatan ini ia tertakluk kepada persetujuan daripada Jabatan Kerjaraya dan juga Lembaga Lebuhraya Malaysia, kerana kita perlu mendapat kepastian had-had berat jalanraya itu boleh menampung berat-berat kenderaan yang boleh melalui jalanraya-jalanraya ataupun lebuhraya-lebuhraya tersebut kerana kemungkinan jalanraya-jalanraya ini tidak sekata ataupun tidak sama dari segi kemampuan untuk menampung berat-berat kenderaan. Sebab itu kita perlulah mengkaji jalanraya-jalanrayanya dengan secara terperinci dan kemungkinan kerumitan ialah untuk memberi maklumat kepada kenderaan-kenderaan tersebut yang mereka tidak boleh melalui jalanraya-jalanraya ataupun lebuhraya-lebuhraya yang mana kenderaan ini adalah terlalu berat untuk jalanraya-jalanraya ataupun lebuhraya-lebuhraya itu menerima keberatan itu, dan sebab itu kita perlu membuat kajian yang mendalam dan terperinci. Walau bagaimanapun kita tidak akan berlengah-lengah untuk mengkaji masalah ini demi untuk mengurangkan lagi kos pengangkutan dan untuk meningkatkan lagi kecekapan pengangkutan dan perdagangan.

Saya suka menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai mengenai kelakuan pemandu-pemandu bas mini yang begitu

ganas dan tidak bertimbang rasa kepada pengguna-pengguna kenderaan lain di jalanraya. Saya sendiri pernah mengalami keadaan itu pada 1hb Julai yang lalu yang mana 2 buah bas mini telah berhenti di satu persimpangan, selepas sahaja ia berbelok pada satu simpang ia berhenti di hadapan saya yang menyebabkan saya hampir melanggar buntut bas mini yang kedua itu dan apabila saya bertanya mengapa bas mini kedua berbuat demikian dia menyalahkan bas mini yang di hadapan kerana berhenti dengan serta-merta. Jadi, ada jugalah jawapan dia. Walau bagaimanapun kelakuan-kelakuan ini sentiasa menjadi tabiat mereka dan Kementerian bercadang memanggil tuan-punya-tuan-punya bas-bas mini ini untuk memberikan amaran kepada mereka supaya memberikan perhatian supaya pemandu-pemandu bas mini ini berhati-hati di jalanraya dan tidak mengganas dan bermaharajalela.

Sekiranya ada rungutan-rungutan ataupun komplek-komplek daripada pihak-pihak tertentu, pihak Kementerian akan tidak berlengah-lengah mengambil tindakan, mengambil semula ataupun menarik balik permit-permit yang telah diluluskan kepada mereka. Laporan-laporan seperti ini kita perlu dapatkan daripada pihak orang ramai dan kepada pihak JPJ dan pihak polis, saya percaya akan sentiasa mengambil tindakan apabila kedapatan pengalaman ataupun keadaan-keadaan seperti ini.

Saya cadangkan kepada Ahli Yang Berhormat, di masa yang akan datang ambillah nombornya, masa, tarikh berlaku, situasi yang berkenaan, nombor kereta, nombor laluan dan sebagainya kepada kita supaya kita dapat menyiasat dan mengambil tindakan sekiranya ia betul-betul berlaku dan sebab-sebab munasabah tidak dapat diberikan oleh mereka untuk membolehkan mereka berbuat kelakuan seperti yang telah mereka lakukan.

Saya juga bersimpati dengan Ahli Yang Berhormat kerana telah tidak diambil perhatian oleh teksi yang sepatutnya mengambil Ahli Yang Berhormat balik ke Lembah Pantai. Sebenarnya ini menjadi satu kesalahan, setiap teksi bertanggungjawab untuk mengambil passengers ataupun penumpang, tidak kiralah sama ada penumpang itu seorang, berdua ataupun sebagainya dan sekiranya kesalahan ini dilakukan dan kita mendapat laporan, maka kita akan siasat dan tindakan akan diambil untuk permit-permit mereka ini ditarik balik.

Yang jelas, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ialah rakyat kita memerlukan disiplin dan kerjasama daripada semua pihak khususnya mereka yang telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan ataupun mematuhi undang-undang perlulah berbuat demikian. Hanya dengan itu sahajalah kita boleh menentukan kesalahan-kesalahan ini tidak menyeluruh kerana sekiranya kita mengharapkan kepada penyeliaan dan penguatkuasaan sahaja, tidak mungkin kita boleh dapat melaksanakan dengan sepenuhnya kerana kita terhad dari segi kakitangan dan dari segi kemampuan untuk menguasai penyeliaan sepenuhnya kerana sekiranya kesalahan-kesalahan melanggar undang-undang yang dibuat begitu kerap dan pada setiap masa maka adalah di luar kuasa penyeliaan dan kuasa pegawai-pegawai kita dalam masa 24 jam untuk mengambil tindakan-tindakan tersebut. Yang perlu ialah mereka yang telah diberikan tanggungjawab ini mestilah patuh. Untuk mematuhi ia memerlukan disiplin yang tinggi. Sebab itulah saya berpendapat saranan-saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita supaya rakyat negara ini mempunyai disiplin dan tanggungjawab serta patuh kepada undang-undang itu diikuti dan dihayati supaya kita menjadi satu bangsa yang tinggi yang bermaruah.

Mengenai bas kilang yang berhenti

mengambil penumpang awam yang bukan pekerja-pekerja kilang, sememangnya ini adalah satu perkara yang di luar kebenaran yang diberikan kepada mereka kerana penumpang-penumpang yang tidak menjadi pekerja kilang yang menaiki bas kilang tidak akan mendapat perlindungan insuran. Saya juga ingin memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada orang ramai sekiranya berlaku perkara-perkara ini, maklumat-maklumat yang disampaikan kepada kita, bolehlah kita siasat dan ambil tindakan. Tetapi untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, mungkin pada hari yang berkenaan Ahli Yang Berhormat niat yang tidak beruniform itu mungkin pekerja-pekerja kilang yang mungkin menukar uniformnya semasa sampai di kilang, mungkin kesilapan Ahli Yang Berhormat, mungkin ada juga yang ingin berpakaian cantik semasa dalam bas dan mungkin menukar pakaian semasa sampai di kilang-kilang yang mereka bekerja, mungkin juga untuk mendapat perhatian orang-orang yang lalu di jalan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mengenai lori-lori yang membawa had muatan yang begitu lebih, ini satu perkara biasa. Penyeliaan dan penguatkuasaan dibuat melalui pegawai-pegawai JPJ dan Polis dan sememangnya mereka sepatutnya memberi laluan sekiranya ambulans lalu dan minta laluan kerana adalah satu kesalahan sekiranya kenderaan-kenderaan, bukan sahaja kenderaan berat bahkan kenderaan-kenderaan lain pun mesti memberi laluan sekiranya ambulans minta laluan. Walau bagaimanapun, sekiranya lori-lori berat ini terpaksa berhenti untuk memberi laluan kepada kenderaan-kenderaan lain disebabkan kerana mereka tidak boleh lari laju, saya percaya kalau mereka berbuat demikian mereka tidak akan sampai ke tempat matlamatnya kerana dia akan terpaksa berhenti setiap kali dan ini mungkin menyulitkan. Walau bagaimanapun kita akan memikirkan cara-

cara yang sesuai, berbincang dengan JPJ supaya perkara-perkara ini boleh dipertimbangkan oleh pihak JPJ cara-cara penyelesaiannya.

Ahli Yang Berhormat dari Maran mahukan supaya pegawai-pegawai Polis yang dilantik untuk mengawasi penyeliaan ini adalah mereka yang tidak mungkin menyalahgunakan kuasa. Sukalah saya menyatakan perlantikan mereka ini adalah di atas penelitian dan pemilihan Ketua Pegawai Polis dan Ketua Pegawai Polis ini sudah tentulah memilih mereka yang berkelayakan dan faham dengan selok-belok undang-undang dan sudah tentulah dan sepatutnyalah tindakan yang dibuat mengikut undang-undang yang termaktub di dalam undang-undang yang berkenaan. Sekiranya mereka menyalahgunakan kuasa, maka mereka tertakluk kepada kesalahan-kesalahan yang boleh didakwa oleh akta-akta yang berkenaan.

Mengenai sama ada penyeliaan ini boleh menyebabkan Polis dan JPJ akan berkongsi kuasa ataupun bertimpal kuasa penyeliaannya, saya fikir tidak berbangkit kerana kedua-dua mereka diberikan kuasa tetapi kalau seseorang itu membuat kesalahan di satu masa yang lain, mungkin mereka boleh diambil tindakan oleh 2 orang pegawai — seorang Pegawai Polis dan seorang Pegawai JPJ — di atas satu kesalahan tetapi di dalam satu masa yang lain atau di tempat yang lain. Jadi tidak bermakna bertimpal kerana kuasa-kuasa yang diberikan kepada mereka adalah jelas.

Mengenai bas pelancong dan bas ekspres yang mengambil penumpang bukan di tempat yang ditentukan, sememangnya adalah satu kesalahan dan mereka boleh didenda dan diambil tindakan. Permit-permit mereka boleh ditarik balik sekiranya mereka melakukan kesalahan ini, ada bukti dan diambil tindakan oleh pihak JPJ dan pihak polis. Pihak orang ramai juga boleh membuat aduan kepada pihak

Kementerian untuk kita menyasat dan mengambil tindakan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengenai perkara yang perlu diterangkan iaitu takrif "Pegawai JPJ". Ini tidak perlulah diberikan penjelasan kerana ia telahpun jelas di dalam Akta Ibu iaitu "seorang Pegawai Pengangkutan Jalan itu bertaraf Pegawai Pengangkutan Jalan," ertinya mana-mana orang yang dilantik sebagai Pegawai Pengangkutan Jalan di bawah Seksyen 3 Akta Pengangkutan Jalan, 1987. Begitu juga dengan Pegawai Awam, ia juga adalah jelas — seorang Pegawai Awam atau dengan izin, Public Officer means "a person lawfully holding, acting in or exercising the functions of a Public Office". Jadi jelas takrif-takrif itu.

Mengenai tuduhan sama ada berlaku penyelewangan dan rasuah, ini adalah satu perkara yang biasa dibuat oleh pihak Ahli Yang Berhormat tetapi malangnya tidak pernah Yang Berhormat mampu untuk memberikan detail ataupun dalil-dalil yang lengkap. Jadi oleh sebab itu saya kadang-kadang tidak hendak menjawab kerana tidak perlu dijawab, tetapi kerana perkara ini telah dibangkitkan, saya terpaksa menyatakan lain kali Ahli Yang Berhormat dari Kepong, kalau hendak bawa, bawalah kepada saya dengan secara detail, tidak perlu di Dewan ini, di pejabat saya pun boleh supaya dapat saya mengambil tindakan. Bawa ke Dewan ini tidak ada gunanya kalau tidak ada detail.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat boleh menyambung esok. Masa sudah cukup.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat

16(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

MAJLIS PERUNDING KEBANGSAAN SEMUA PARTI POLITIK — PENUBUHAN

6.32 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, walaupun Malaysia telah mencapai kemerdekaan 30 tahun yang lalu, rakyat Malaysia dari semua kaum dan dari berbagai lapisan masyarakat adalah semakin bimbang dan mengambil perhatian berat satu-satunya masalah terbesar yang dihadapi oleh negara yang tidak akan memberi kesan keatas pemulihan ekonomi negara kita tetapi juga berkekalan keyakinan negara dan antarabangsa dalam sistem pemerintahan dan Kerajaan kita, iaitu mengenai polarisasi kaum di kalangan rakyat.

Rakyat Malaysia tidak mendiamkan atau membiarkan sahaja masalah polarisasi kaum kerana perlu mengakui hakikat bahawa semua rakyat Malaysia mestilah hidup dan tinggal bersama secara aman dan damai. Tidak ada jalan lain untuk tinggal di negara ini kecuali mesti hidup dan tinggal bersama dalam aman dan damai. Adalah menjadi pandangan saya bahawa Jabatan Perpaduan Negara sebenarnya tidak berjaya membendung polarisasi kaum. Bagi mengatasi polarisasi kaum ia memerlukan sesuatu yang lebih daripada hanya melaksanakan sukan rakyat atau program perhubungan masyarakat. Kerajaan mestilah mempunyai presepsi yang baik tentang sebab musabab polarisasi kaum dan seterusnya bersedia melaksanakan

langkah-langkah berkesan dan padu untuk mengatasi masalah ini.

Di antara langkah-langkah yang patut dikaji dan diteliti oleh Kerajaan dalam mengatasi masalah polarisasi kaum dan meningkatkan perhubungan kaum ialah dengan menubuhkan sebuah Majlis Perunding Kebangsaan mengenai perhubungan kaum dengan tujuan-tujuan yang berikut:

- (i) Mengesyorkan jalan-jalan penyelesaian kepada masalah pertikaian kaum dari semasa ke semasa.
- (ii) Merumuskan remedi-remedi jangka panjang kepada hal-hal kontroversi yang berlalutan yang ada kaitan dengan soal bahasa, kebudayaan dan agama sesuatu kaum.
- (iii) Merangka tindakan-tindakan konkrit bagi membasmi atau menghapuskan silap pentafsiran dan prejudis perkauman di kalangan rakyat.
- (iv) Mencadangkan pemulihan ke dalam pelbagai bidang kehidupan rakyat yang mempunyai hubungan langsung dan tidak langsung dengan sesuatu kaum.
- (v) Memperkembangkan sesuatu falsafah dan pendekatan kepada integrasi dan perpaduan kaum yang diterima oleh semua masyarakat.

Sekian.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat dari Bukit Bintang mengenai Penubuhan Majlis Perundingan Kebangsaan yang telah dikemukakan tadi.

Adalah tidak benar bahawa Jabatan Perpaduan Negara tidak berjaya setakat ini untuk memupuk semangat persaudaraan, kerjasama, semangat kejiranan di antara rakyat ataupun di kalangan kaum di negara kita ini. Inilah sebahagian perkara yang besar difikirkan oleh Kerajaan bahawa masalah ini adalah masalah negara seluruhnya dan setiap pemimpin sama ada pemimpin dalam Kerajaan atau pemimpin Pembangkang haruslah memainkan peranan bersama-sama dengan Kerajaan untuk membantu memulihkan kalau sekiranya pihak Ahli Yang Berhormat memikirkan bahawa telah berlaku perselisihan faham, ataupun telah berlaku kerenggan di antara kaum di negara kita ini. Adalah menjadi harapan Kerajaan sebenarnya untuk meminta semua pemimpin-pemimpin masyarakat untuk bersama-sama dengan Kerajaan bagi menyatupadukan masyarakat kita.

Jabatan Perpaduan Negara telah memainkan peranan yang banyak untuk menyatupadukan rakyat, tetapi apa yang menyusahkan, apa yang menyulitkan kita ialah ada juga di kalangan kita sendiri yang telah menimbulkan keresahan ini dengan ucapan-ucapan yang berapi-api mengungkit-ungkit soal-soal yang tidak perlu diungkit. Maka dengan itu sudah pasti jika ada satu golongan yang membangkitkan soal yang menyentuh perasaan kaum yang lain, maka satu kaum yang terlibat itu akan tentu menjawab balik persoalan-persoalan yang telah dibawa oleh orang yang perlu kita jawabkan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, Majlis Perundingan Kebangsaan telah ditubuhkan pada masa pentadbiran Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) semasa Parlimen digantung berikutan Pengisytiharan Darurat pada tahun 1969. Tetapi apabila pengisytiharan darurat ini telah ditarik balik pada tahun 1971, dengan pemansuhan MAGERAN maka Majlis Perundingan Negara juga turut dimansuhkan. Kini Kerajaan sudahpun

mempunyai jentera yang tertentu untuk mengurus hal-ehwal perhubungan antara kaum dan perpaduan nasional.

Selain dari Jabatan Perpaduan Negera yang menjadi penggerak dan juga perancang utama mengenai aspek perpaduan sebuah badan yang dinamakan Panel Penasihat Perpaduan juga telah diwujudkan. Kedua-dua organisasi ini diwujudkan sebaik sahaja Majlis Perundingan Negara dimansuhkan dahulu.

Panel Penasihat Perpaduan Negara bukan sahaja dianggotai oleh semua Setiausaha Kerajaan bahkan juga ahli-ahli akademik, wakil badan-badan agama, ahli-ahli perniagaan, badan-badan kebudayaan, golongan wanita dan ketua-ketua kaum yang merupakan individu yang mahir dan berpengalaman dalam hal ehwal kemasyarakatan dan perhubungan kaum.

Panel Penasihat Perpaduan Negara ini telah dipertanggungjawabkan antara lain adalah untuk mengawas dan menilai arus perkembangan serta suasana perhubungan antara kaum yang wujud dalam negara ini dan seterusnya menasihatkan Jabatan Perpaduan Negara dan Kerajaan mengenai hal tersebut.

Yang keduanya, menasihat Jabatan Perpaduan Negara dan Kerajaan mengenai langkah-langkah positif yang patut diambil dalam usaha mempertingkatkan lagi keharmonian antara kaum dan proses integrasi nasional atau menarik perhatian Jabatan Perpaduan Negara dan Kerajaan mengenai unsur-unsur negatif yang boleh menjejaskan proses integrasi di dalam negara kita.

Yang ketiganya menasihat Jabatan Perpaduan Negara akan program-program untuk perpaduan dan integrasi nasional.

Keempatnya bekerjasama dengan Jabatan Perpaduan Negara melaksana program-program tertentu terutama

sekali dalam usaha untuk mencegah sebarang pertelingkahan antara kaum atau menyelesaikan konflik yang berlaku.

Sementara itu di peringkat Negeri pula Jawatankuasa Perpaduan Negeri telah ditubuhkan di semua negeri di Malaysia yang mempunyai fungsi dan peranan untuk menasihat Kerajaan Negeri mengenai hal-hal bersangkutan kepada perpaduan melalui Jabatan Perpaduan Negara di peringkat Negeri dan Daerah. Ianya dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri yang merupakan Ahli Panel Penasihat kepada negara di peringkat Pusat. Selain dari itu banyak daripada daerah-daerah telah menubuhkan Jawatankuasa Perpaduan Daerah.

Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Konsep Padu yang bertujuan untuk membantu usaha menghuraikan dengan lebih jelas dan lengkap tafsiran mengenai perpaduan. Di samping itu Kerajaan Barisan Nasional memang mempunyai mekanismenya sendiri iaitu melalui Mesyuarat Jemaah Menteri dan Persidangan Parlimen bagi membincang isu-isu tertentu serta mengambil langkah-langkah positif bagi mengelakkan berlakunya ketegangan kaum. Malah dalam Parlimen inipun Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili pelbagai golongan dan lapisan masyarakat melalui parti politik masing-masing mempunyai peluang untuk membincangkan aspek-aspek perpaduan nasional bagi negara kita.

Jadi, dengan adanya badan-badan tertentu seperti yang telah disebutkan itu, maka Kerajaan yang berpendapat bahawa Majlis Perundingan Negara yang telah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang itu tidaklah lagi perlu ditubuhkan.

Setiausaha: Yang Berhormat dari kawasan Seremban.

Dr. Chen Man Hin (Seremban): Masalah Kawalan Perubatan sepatutnya Dr. Eng Seng Chai.

Seorang Ahli: Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

Dr. Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Yang di-Pertua, masalah kawalan perubatan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Nanti sekejap. Yang Berhormat, dalam Aturan Urusan Mesyuarat disebut Dr. Chen Man Hin.

Dr. Eng Seng Chai: Salah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Saya tidak tahu salah atau tidak tetapi dalam Aturan Urusan Mesyuarat disebut Dr. Chen Man Hin.

Dr. Eng Seng Chai: Itu salah, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Chen Man Hin: Ada silap sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Masalah kawalan perubatan.

Dr. Eng Seng Chai: Ya. Tetapi Ahli dari Petaling Jaya. Ini disebut dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang asal Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Chen Man Hin: Tajuknya betul, tetapi nama salah.

Dr. Eng Seng Chai: Ini yang asal.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Nanti sekejap.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Maklumat kepada saya juga Yang Berhormat Dr. Eng Seng Chai.

Tuan Hu Sepang: Kedua-dua pun doktor, samalah! (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Sila betulkan.

KAWALAN PERUBATAN

6.40 ptg.

Dr. Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masalah Kawalan Ubat Perubatan. Mula-mulanya saya sebagai seorang doktor saya hendak beritahu saya tidak ada kepentingan dalam mana-mana syarikat yang mengeluarkan atau mengilang ubat-ubat dan saya tidak ada apa-apa pemilikan syarikat-syarikat yang edar ubat-ubat. Kepentingan saya dalam masalah ini sebagai seorang doktor yang mengambil perhatian kesulitan pesakit-pesakit yang ada menghadapi kesukaran dapat ubat-ubat perubatan untuk penyakit mereka.

Hari ini kita dapat tahu kebanyakan klinik-klinik dan hospital-hospital menghadapi masalah mendapat ubat-ubat pilihan mereka. Sebab hari ini pilihan adalah terhad sebab sejak tahun 1985, bulan November, Kementerian Kesihatan ada menubuhkan satu Jawatankuasa Drug control Authority yang sekarang kaji-siasat setiap ubat perubatan untuk kegunaan penyakit. Kesulitan ini menjadi masalah kepada setiap klinik, setiap farmasi, setiap hospital pun menghadapi dan kita sebagai doktor-doktor menghadapi masalah menjelaskan kesukaran mendapat ubat kepada pesakit-pesakit yang sudah biasa menggunakan ubat-ubat mereka.

Mengapa kita tidak dapat hari ini ubat daripada syarikat-syarikat, pengilang, pengeluar dan pengedar sebagai Sandoz, Roche, Organon, Biomedics, Beers & Wonders, May and Baker, tetapi kita dapat ubat-ubat daripada syarikat-syarikat yang tidak berapa terkenal dari tempatan, dari

Hong Kong, dari India. Kita harap dapat satu penjelasan daripada Kementerian Kesihatan. Sebab kita diberitahu melalui The Malaysia Pharmaceutical Trade and Manufacturing Association melalui Presidennya, Encik Radzmi Rahmat, sejak tahun 1985, bulan November, di antara permohonan 6,500 yang disampaikan kepada Kementerian Kesihatan, setakat hari ini hanya 4,000 didaftarkan untuk kegunaan sahaja. Dan juga yang lebih terperanjat adalah setakat hari ini, sejak tahun 1985 November, tidak dapat satu ubat yang baru diluluskan untuk kegunaan penyakit, ini adalah di bawah kategori New Chemical Entities (NCE).

Maka kita dapat hari masalah:-

- (i) Bekalan-bekalan hari ini terhad;
- (ii) Kos-kos ubat pun sudah naik, ada misalan-misalnya berlipat ganda naik;
- (iii) Kita tidak dapat ubat-ubat baru untuk rawatan penyakit.

Dan saya akan tanya jika hari ini kita dapat ubatan baru untuk penyakit AIDS atau Hepatitis, bolehkah kita dapat ubat ini di Malaysia jika kita menghadapi masalah-masalah tanggungjawab dan tugas-tugas di Drug Control Authority di Kementerian Kesihatan?

Saya harap Kementerian Kesihatan akan utamakan hak-hak rakyat mendapat ubat perubatan yang terbaik sekali, murah sekali dan yang terbaru sekali. Sebab jika negara kita harap hendak jadi satu pusat penyelidikan atau rawatan perubatan di dalam rantau ASEAN ini, memanglah kita mahu utamakan rawatan yang terbaru, murah dan juga "the best", yang baik sekali.

Saya hendak tanya kepada Kementerian Kesihatan mengapa Drug Control Authority menjalani tugas-tugas dan tanggungjawab mereka sebegini perlahan dan juga sebegini "selective?"

Adakah mereka menghadapi masalah kekurangan "manpower" atau berkurangan "instrumentation" atau mereka ada dialami dengan masalah-masalah korupsi atau "monopolistic interest" atau "vested interest" di mana sebahagian mereka ada "connection" dengan syarikat-syarikat yang dapat kelulusan-kelulusan pendaftaran mereka?

Saya harap Kementerian Kesihatan akan mengumumkan secara "public", secara melalui suratkhbar, semua kriteria dan syarat-syarat untuk pendaftaran ubat-ubat baru.

Saya harap Menteri Kesihatan dan pegawai-pegawai mereka akan ambil perhatian. Negara kita adalah satu negara yang maju dan akan maju dan akan jadi satu pusat perubatan yang terkenal jika kita beri perhatian berat kepada masalah-masalah sebegini.

Akhirnya, saya harap sebagai seorang rakyat memang tiap-tiap orang Malaysia berhak dapat rawatan baik yang murah, yang terbaru sekali.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.45 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah yang ditubuhkan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik Tahun 1984, bukan jawatankuasa seperti disebutkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat, telah diberi tanggungjawab yang berat untuk menentukan bahawa ubat-ubat yang dipasarkan di negara kita adalah selamat, berkesan dan bermutu.

Untuk menjalankan tanggungjawab ini, pihak berkuasa itu memerlukan semua ubat-ubat didaftarkan. Sebelum

sesuatu ubat itu didaftarkan, ianya perlu diuji oleh Makmal Kawalan Kimia Ubat Kebangsaan yang terletak di Petaling Jaya dan pandangan juga diperolehi dari pakar-pakar perubatan tempatan dan juga daripada agensi-agensi kesihatan antarabangsa jika perlu.

Dalam menjalankan tugas-tugasnya, Pihak Berkuasa ini tidak mengambil masa yang keterlaluan untuk menilai sesuatu ubat. Sejak bulan Mei tahun 1986 sehingga akhir bulan Jun 1988, pihak berkuasa ini telah mendaftarkan sebanyak 3,941 jenis ubat-ubat. Di dalam masa yang sama, Pihak Berkuasa juga telah menolak sebanyak 1,747 permohonan pendaftaran ubat-ubat.

Antara sebab-sebab utama mengapa pendaftaran ubat-ubat ini ditolak ialah oleh kerana keselamatan, kekesanan dan mutu ubat yang berkenaan tidak dapat dibuktikan. Selain daripada itu, ada juga ubat-ubat tersebut yang tidak dipasarkan di negara-negara yang mengeluarkan ubat-ubat berkenaan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya tadi tentang tidak ada ubat baru atau New Chemical Entities, dengan izin, yang didaftarkan sejak tahun 1986 adalah tidak benar atau tepat. Di antara 3,941 jenis ubat-ubat yang telah didaftarkan sejak tahun 1986 itu sebanyak 102 adalah ubat-ubat baru. Ini termasuklah ubat-ubat New Chemical Entities seperti vaccine Hepatitis B yang diperbuat daripada yeast dan juga somatotrophic, iaitu satu hormon untuk pertumbuhan manusia, human growth hormon, dengan izin. Pihak berkuasa juga tidak menggalakkan monopolistic practice, jauh lagi tidak ada bukti atau cadangan daripada sesiapa sampai Ahli Yang Berhormat tadi bahawa terdapat apa juga elemen kopras dalam kerja-kerja pihak berkuasa ini.

Dr. Eng Seng Chai: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat minta penjelasan.

Dato' K. Pathmanaban: Nantilah saya habis dahulu. Ini terbukti dengan jumlah ubat-ubat popular yang telah didaftarkan. Misalnya sebanyak:-

110 jenis — ampicillin
69 jenis — diazepam
65 jenis — gentamycin
55 jenis — tetracycline

dan lain-lain lagi telah didaftarkan. Banyak sekali.

Lesen-lesen import juga diberi kepada pemohon-pemohon yang dianggap sesuai, tidak dihadkan. Keadaan monopolistik yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat tadi sebagai berpunca dari aktiviti pendaftaran ubat adalah tidak benar. Apa yang berlaku ialah ada sebilangan ubat-ubat dilindungi oleh Hak Paten dan pihak berkuasa terpaksa menghormati hal pemegang-pemegang Paten yang didaftarkan di negara ini.

Ahli Yang Berhormat tadi telah juga mengatakan bahawa ada beberapa syarikat dari negara-negara yang sudah maju di Barat sahaja diberi pendaftaran oleh pihak berkuasa. Ini adalah tidak benar. Sejauh ini sebanyak 35 negara membuat ubat-ubatan telah diberi pendaftaran. Daripada 3,941 pendaftaran itu, sebanyak 155 adalah dari India, 148 dari Singapura, 52 dari negara Jepun, 41 dari negara Taiwan dan 34 dari Indonesia. Ada sebanyak 26 dari Filipina, dan juga dari Portugal, Czechoslovakia, Pakistan dan sebagainya. Jadi, tidaklah berasas untuk pihak berkuasa ini dituduh sebagai menggalakkan monopoli atau menghadkan pendaftaran.

Dr. Chen Man Hin: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah pihak berkuasa termasuk dari ahli-ahli doktor perubatan atau langsung tidak ada. Oleh sebab sekarang ada banyak kritik daripada

doktor-doktor di mana ada ubat yang baik tidak didaftarkan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa ini termasuk 3 ahli pakar perubatan, selain daripada ahli Pharmacology, ahli farmasi dan sebagainya, Pengerusi sendiri adalah Ketua Pengarah Kesihatan di Kementerian Kesihatan.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat mengenai rawatan pesakit tergantung kepada keputusan pihak berkuasa dan bukan kepada pilihan doktor, adalah tidak benar. Peranan pihak berkuasa ini ialah untuk menentukan ubat-ubat yang digunakan oleh doktor-doktor tempatan adalah selamat, berkesan dan bermutu. Di dalam ucapannya tadi, Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa pesakit perlu mendapat ubat yang baik dan sesuai dan dengan secepat mungkin. Kesedaran Ahli Yang Berhormat itu adalah satu yang harus dipuji dan harap akan dapat mempengaruhi fikiran-fikiran beliau pada keseluruhannya.

Kesan mudarat sesuatu ubat jika ada, akan timbul apabila ianya digunakan secara berleluasa. Dari segala ini, adalah jelas bahasa pihak berkuasa akan terus menjalankan tanggungjawabnya untuk menentukan ubat-ubat yang dipasarkan di negara ini adalah selamat, berkesan dan bermutu dan tidak mendatangkan mudarat kepada pengguna.

Dr. Eng Seng Chai: Saya minta penjelasan. Sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri, hari ini ada dapat di pasaran injection prednisolone keluaran satu kilang sebagai "back-yard" daripada Hong Kong, tetapi keluaran-keluaran daripada negara Germany sekarang terhad, pun tidak dapat bekalan juga, sedarkah?

Dato' K. Pathmanaban: Saya kena tanya.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Satu minit lagi.

Dato' K. Pathmanaban: Saya kena tanyakan kepada pegawai-pegawai, harap dapat diingatkan.

Akhir sekali, saya menyatakan bahawa pelaksanaan pendaftaran ubat-ubat oleh Kementerian telah berjalan dengan lancar tanpa apa-apa masalah besar yang biasanya dialami oleh pihak berkuasa pendaftaran perubatan di negara-negara yang lain. Cara pelaksanaan pendaftaran ubat seperti ini juga sedang dikaji untuk digunakan di beberapa buah negara membangun. Pendaftaran ubat-ubat yang dikeluarkan oleh kita juga telah digunakan oleh sebuah negara ASEAN yang belum membentuk sistem pendaftaran ubatnya sendiri. Sebab itu, Kementerian Kesihatan pada masa ini tidak merancang untuk menukar apa-apa kriteria yang sedang digunakan oleh Pihak Berkuasa

Tuan Ngoi Thiam Woh: Minta penjelasan.

Dato' K. Pathmanaban:bagi pendaftaran satu ubat. Mereka yang tidak berpuas hati dengan keputusan pihak berkuasa boleh merayu kepada Menteri.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Satu perkara sahaja.

Dato' K. Pathmanaban:boleh merayu kepada Yang Berhormat Menteri untuk perkara itu ditimbang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang, disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.
Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P.

Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.55 petang.